
LAPORAN TAHUNAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

2025



CEKAP • TANGKAS • INTEGRITI



Cetakan Pertama, 2026
Hak Cipta Terpelihara©
Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

https://www.customs.gov.my/ms/penerbitan/laporan-laporan-tahunan-jkdm

Sidang Redaksi

Penaung:
YBhg. Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainudin

Penasihat I:
YBrs. Tuan Abu Bakar @ Salleh bin Jambol

Penasihat II:
YBrs. Tuan Durairajoo a/l Muniandy

Ketua Editor:
Kamsani bin Kamaruddin

Timbalan Ketua Editor:
Logaraja a/l Aruchunan

Editor Utama:
Muhammad Shafuan bin Md Zan

Editor Kandungan:
Lee Thung Kuen
Mohd Khairi bin Tajudin
Siti Aisyah binti Ali

Editor Data dan Statistik:
Urus setia Bahagian Ibu Pejabat

Reka Bentuk dan Kreatif:
Nor Shahrin bin Mohd Razied
Nur Amalina binti Omar

Fotografi & Dokumentasi:
Muhammad Azhar bin Mohd Razali
Al-Anaq Qur'zham bin Ramly
Mohamad Izzat Izzuddin bin Mohd Asri
Rashitharan a/l K.Gobinathan

Urus Setia:
Datin Normala binti Che Man
Saniah binti Mohd Nor
Farhan Qushairi bin Radzuan

Unit Edaran:
Salmawati binti Salihhuddin
Mohd Danial Faiq bin Suhaimi

Diterbitkan Oleh:
Cawangan Komunikasi Korporat
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia
PUTRAJAYA

Isi Kandungan

M/S 4 — CARTA ORGANISASI

M/S 7 — PERUTUSAN KETUA PENGARAH KASTAM

M/S 9 — MODEL PELAN STRATEGIK JKDM

M/S 11 — TERAS STRATEGIK JKDM


M/S 14 — BAB 1 — PERANCANGAN KORPORAT

M/S 44 — BAB 2 — KHIDMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

M/S 88 — BAB 3 — PERKASTAMAN

M/S 122 — BAB 4 — CUKAI DALAM NEGERI

M/S 150 — BAB 5 — PERKHIDMATAN TEKNIK




M/S 180 BAB 6 PENGUATKUASAAN

M/S 200 BAB 7 PENGURUSAN PEMATUHAN

M/S 216 BAB 8 TEKNOLOGI MAKLUMAT


M/S 248 BAB 9 PERUNDANGAN

M/S 254 BAB 10 INTEGRITI



Carta Organisasi

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA




NOTA SKIM JAWATAN :

PK	PENGUASA KASTAM
PTD	PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK
PU	PEGAWAI UNDANG-UNDANG
AKTM	AKAUNTAN
PTM	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
PS	PEGAWAI SIASATAN

NOTA WARNA BAHAGIAN :

	PENGUATKUASAAN
	SIASATAN KHAS
	TIM NUKLEUS PASUKAN TEMPUR OPERASI MEDAN KASTAM (COBRA)
	PEMATUHAN
	PERKASTAMAN
	CUKAI DALAM NEGERI
	PERKHIDMATAN TEKNIK
	PENGURUSAN
	UNDANG-UNDANG
	INTEGRITI
	NEGERI-NEGERI


TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PENGURUSAN)
PTD (JUSA B)
PENGARAH BAHAGIAN PERKHIDMATAN TEKNIK
PK (JUSA C)
TIMBALAN PENGARAH KASTAM CAWANGAN PENJENISAN, TARIF DAN GUBALAN
PK (WK14)
TIMBALAN PENGARAH KASTAM CAWANGAN PENILAIAN
PK (WK14)
PENOLONG KANAN PENGARAH KASTAM II CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN KONSULTASI TEKNIKAL
PK (WK12)
TIMBALAN PENGARAH KASTAM CAWANGAN PERAKAUNAN HASIL
PK (WK14)
PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA
PTD (JUSA C)
TIMBALAN PENGARAH CAWANGAN KHIDMAT PENGURUSAN
PTD (M14)
TIMBALAN PENGARAH CAWANGAN PERKHIDMATAN DAN LATIHAN
PTD (M14)
TIMBALAN PENGARAH KASTAM CAWANGAN LOGISTIK
PK (WK14)
TIMBALAN PENGARAH CAWANGAN PENGURUSAN KEWANGAN
PTD (M14)
TIMBALAN PENGARAH CAWANGAN PENGURUSAN PEROLEHAN
PTD (M14)
KETUA AKAUNTAN CAWANGAN AKAUN
AKTN (JUSA C) KUP
PENGARAH BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
PTD (JUSA C)
PENOLONG KANAN PENGARAH KASTAM II CAWANGAN PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN/ PENTADBIRAN
WK (WK12)
TIMBALAN PENGARAH CAWANGAN INFASTRUKTUR DAN RANGKAIAN
PTM (F14)
TIMBALAN PENGARAH KASTAM CAWANGAN APLIKASI
PK (WK14)
PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT
PK (JUSA C)
TIMBALAN PENGARAH KASTAM CAWANGAN HAL EHWAL ANTARABANGSA
PK (WK14)
TIMBALAN PENGARAH KASTAM CAWANGAN PERANCANGAN STRATEGIK
PK (WK14)
PENOLONG KANAN PENGARAH KASTAM I CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
PK (WK13)
PENGARAH AKADEMI KASTAM DIRAJA MALAYSIA (AKMAL)
PK (JUSA C)
TIMBALAN PENGARAH KASTAM (AKMAL)
PK (WK14)
PENOLONG KANAN PENGARAH KASTAM I CAWANGAN KONSULTASI DAN KHIDMAT PELANGGAN/ PUSAT PANGGILAN
PK (WK13)
PENOLONG KANAN PENGARAH KASTAM II CAWANGAN KEURUSETIAAN DAN PENYELARASAN
PK (WK12)
PENGARAH KASTAM NEGERI KEDAH
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM NEGERI PULAU PINANG
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM NEGERI PERAK
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM NEGERI SELANGOR
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM WP KUALA LUMPUR
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM LTA KUALA LUMPUR
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM NEGERI MELAKA
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM NEGERI KELANTAN
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM NEGERI JOHOR
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM NEGERI SARAWAK
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM NEGERI SABAH
PK (JUSA C)
PENGARAH KASTAM NEGERI PERLIS
PK (JUSA C/WK14)
PENGARAH KASTAM NEGERI NEGERI SEMBILAN
PK (WK14)
PENGARAH KASTAM NEGERI TERENGGANU
PK (WK14)
PENGARAH KASTAM NEGERI PAHANG
PK (WK14)
PENGARAH KASTAM WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
PK (WK14)
PEMUNGUT CUKAI KASTAM PERSEKUTUAN PCKP SINGAPURA
PK (WK12/ WK13)

PERUTUSAN
KETUA PENGARAH KASTAM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, Laporan Tahunan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Tahun 2025 berjaya diterbitkan sebagai cerminan pencapaian strategik, komitmen organisasi serta dedikasi seluruh warga Jabatan sepanjang tahun ini. Tahun 2025 menyaksikan JKDM terus memainkan peranan penting dalam memelihara keselamatan dan kesejahteraan negara, memungut hasil secara mampan serta memastikan kelancaran perdagangan demi menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Segala inisiatif yang digerakkan adalah berlandaskan visi JKDM iaitu **"Perkhidmatan Kastam Unggul"** serta misi untuk **"Memperkasa Pungutan Hasil dan Keterjaminan Rangkaian Perdagangan."** Visi dan misi ini diterjemahkan melalui pengukuhan tadbir urus, pemerkasaan integriti, pemantapan keupayaan sumber manusia serta peluasan agenda pendigitalan dan automasi bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

Dalam persekitaran global yang semakin kompleks dan kompetitif, JKDM terus mengadaptasi pendekatan yang lebih tangkas, berasaskan data dan berorientasikan hasil. Transformasi digital, pemodenan proses kerja serta kerjasama strategik dengan rakan agensi dan industri menjadi pemacu utama dalam memastikan perkhidmatan Kastam kekal relevan, responsif dan diyakini di peringkat nasional serta antarabangsa.

Berpandukan **Cekap, Tangkas dan Integriti**, saya yakin JKDM akan terus memperkukuh profesionalisme dan akauntabiliti dalam setiap tindakan. Dengan komitmen yang berterusan dan kesepaduan seluruh warga kerja, JKDM akan kekal sebagai institusi yang berwibawa dan berdaya tahan dalam menyumbang kepada kestabilan fiskal negara serta kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATUK WIRA ANIS RIZANA BINTI MOHD ZAINUDIN
KETUA PENGARAH KASTAM

MODEL PELAN STRATEGIK
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

VISI
PERKHIDMATAN KASTAM UNGGUL

MISI
MEMPERKASA PUNGUTAN HASIL DAN KETERJAMINAN RANGKAIAN PERDAGANGAN

TERAS STRATEGIK
- **MEMPERKUKUH TATAKELOLA**
- **MEMPERKASA PUNGUTAN HASIL**
- **MEMUDAH CARA FASILITASI PERDAGANGAN**
- **MEMATUHI PERUNDANGAN DAN PERATURAN**

ETIKA PERKHIDMATAN
AMANAH BERKHIDMAT IKHLAS DEDIKASI

SLOGAN
CEKAP • TANGKAS • INTEGRITI

TERAS STRATEGIK
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

TERAS 1	**MEMPERKUKUH TATAKELOLA** Teras ini menumpukan kepada usaha mempertingkatkan sistem pengurusan dan tatakelola organisasi supaya lebih berkesan dan selari dengan objektif strategik.
TERAS 2	**MEMPERKASA PUNGUTAN HASIL** Fokus utama teras ini adalah untuk meningkatkan kecekapan sistem kutipan hasil serta memastikan pematuhan yang tinggi dalam kalangan pihak berkepentingan.
TERAS 3	**MEMUDAH CARA FASILITASI PERDAGANGAN** Teras ini bertujuan untuk mempercepat dan memudahkan prosedur perdagangan bagi meningkatkan daya saing serta memperkukuh hubungan dagangan antarabangsa.
TERAS 4	**MEMATUHI PERUNDANGAN DAN PERATURAN** Teras ini memberi tumpuan kepada pematuhan terhadap peraturan serta memperketat aktiviti penguatkuasaan bagi mencegah ketirisan hasil dan memastikan keselamatan negara.



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BAB 1
PERANCANGAN KORPORAT

CAWANGAN KEURUSETIAAN & PENYELARASAN (CKP)

BIL	PROGRAM	TARIKH	LOKASI
1.	Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia kali ke-43 Tahun 2025	10 Februari 2025	*Putrajaya International Convention Centre* (PICC), Putrajaya
2.	Mesyuarat Pengarah-pengarah Kastam Se-Malaysia Kali ke-107 Bil 1/2025	13 – 14 Mac 2025	Hotel Impiana Ipoh, Perak
3.	Mesyuarat Pengarah-pengarah Kastam Se-Malaysia Kali ke-108 Bil 2/2025	29 Julai 2025	Dewan Persidangan Sri Rampai, JKDM Ibu Pejabat
4.	Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian Korporat Se-Malaysia Bil 1/2025	6 – 8 Ogos 2025	Hotel The Light, Pulau Pinang
5.	Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2025 Peringkat Jabatan Kastam Diraja Malaysia	31 Ogos 2025	Dataran Putrajaya
6.	Istiadat Mengarak Gencana Diraja Sempena Ulang Tahun Ke-62 Penganugerahan Gelaran Diraja Kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia	31 Oktober 2025	Stadium Institut Penilaian Negara (INSPEN)
7.	Majlis Makan Beradat Jabatan Kastam Diraja Malaysia Tahun 2025	31 Oktober 2025	Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia
8.	Mesyuarat Pengarah-pengarah Kastam Se-Malaysia Kali ke-109 Bil 3/2025	11 – 13 November 2025	Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam, Selangor
9.	Mesyuarat Ketua-Ketua Bahagian Korporat Se-Malaysia Bil 2/2025	18 Disember 2025	Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Perancangan Korporat JKDM Ibu Pejabat dan atas talian

CAWANGAN PERANCANGAN STRATEGIK

UNIT KUALITI DAN INOVASI (UKI)

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

EKSA merupakan satu pendekatan pengurusan pejabat yang sistematik bagi meningkatkan kualiti persekitaran kerja yang kondusif dan produktif di semua agensi kerajaan. Bermula **16 November 2024**, pelaksanaan pengauditan EKSA dilaksanakan secara pembudayaan kendiri tanpa pengauditan luar.

Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi (AKI)

Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi (AKI) merupakan inisiatif tahunan JKDM untuk menggalakkan budaya kecemerlangan dan inovasi dalam perkhidmatan.

AKI 2025 mempertanding **11 anugerah** yang meliputi pelbagai aspek operasi dan pentadbiran JKDM. Penilaian akan dilaksanakan oleh panel penilai yang dilantik khas untuk setiap kategori anugerah.

Kategori Anugerah :

1. Anugerah Pengurusan Sumber
2. Anugerah Integriti dan Pengurusan Pelanggan
3. Anugerah EKSA dan Landskap Pejabat
4. Anugerah Perumahan Kastam
5. Anugerah Pengurusan Akaun Belum Terima
6. Anugerah Pengurusan Audit
7. Anugerah Pengurusan Stor Penguatkuasaan
8. Anugerah Pengurusan Kertas Siasatan
9. Anugerah Pemantauan Pengecualian & Fasilitasi
10. Anugerah Klasifikasi & Penilaian
11. Anugerah Meningkatkan Kecekapan Pelaksanaan Prosedur Perkastaman

BIL.	PERKARA	TARIKH PELAKSANAAN
1	Panel-panel mengemaskini Garis Panduan Kriteria Anugerah masing-masing dan mengemaskini maklumat panel	16 Januari 2025
2	Mesyuarat Panel-panel Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi 2015	20 Januari 2025
3	Taklimat Anugerah kepada Unit Zon Tengah/ Zon (Sabah/ Negeri/ AKMAL/ W.P. Labuan/ PCKP	5 & 6 Februari 2025
4	Pemakluman dan Pelawaan Penyertaan Pertandingan Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi JKDM 2025	12 Februari 2025
5	Penyertaan DITUTUP dan Negeri Memaklumkan Anugerah-anugerah yang disertai	9 Mei 2025
6	Penyerahan *Softcopy* Laporan Anugerah Kecemerlangan Inovasi kepada Urus Setia DITUTUP	15 Ogos 2025
7	Penyerahan *Softcopy* Laporan Anugerah Kecemerlangan kepada Panel Anugerah	18 Ogos 2025
8	Panel Penilai Anugerah memaklumkan senarai pendek kepada Urus Setia Induk	1 September 2025
9	Lawatan Panel ke Negeri yang disenarai pendek	2 - 20 September 2025
10	Panel Penilai Anugerah menyerah softcopy laporan, slide pembentangan keputusan laporan dan perakuan keputusan kepada pihak urus setia induk	27 September 2025
11	Pembetangan Laporan dan Perakuan Pemenang oleh Panel Penilai Anugerah kepada Jawatankuasa pemilihan Anugerah Kecemerlangan Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Kastam (mengikut bahagian)	7-9 Oktober 2025
12	Pembentangan Laporan dan Perakuan Pemenang oleh Panel Penilai Anugerah kepada Jawatankuasa pemilihan Anugerah Kecemerlangan Ketua Pengarah Kastam	14 Oktober 2025
MALAM ANUGERAH KECEMERLANGAN INOVASI JKDM TAHUN 2025		**6 NOVEMBER 2025**

Pelaksanaan Anugerah Kecemerlangan Inovasi JKDM Tahun 2025

Malam Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia Tahun 2025 telah berjaya diadakan pada 12 November 2025 bertempat di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam, Selangor. Senarai Anugerah Ketua Pengarah Kastam :

ANUGERAH KETUA PENGARAH KASTAM	
Johan	JKDM Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
Naib Johan	JKDM Johor
Ketiga	JKDM Pahang



Malam Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi JKDM Tahun 2025







UNIT PERANCANGAN STRATEGIK (UPS)

1) PELAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA 2025-2027: KE ARAH PERKHIDMATAN KASTAM UNGGUL

Pelancaran **Buku Pelan Strategik JKDM 2025-2027** disempurnakan oleh YBhg. Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainuddin, Ketua Pengarah Kastam pada **15 Mei 2025** bertempat di **Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat.**

2) MESYUARAT KERJA PEMBANGUNAN KAMUS PROGRAM PELAN TINDAKAN STRATEGIK (PTS) JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA UNTUK TEMPOH 2025-2027 DAN PELAPORAN SISTEM e-PTS BAGI IBU PEJABAT, NEGERI, AKMAL & PCKP

Majlis Pembukaan Mesyuarat Kerja telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Aminul Izmeer bin Mohd Sohaimi, Pengarah Kastam Negeri Johor, pada 24 Jun 2025 bertempat di Menara Kastam JKDM Johor. Mesyuarat Kerja ini telah berlangsung dari 24 hingga 26 Jun 2025. Bengkel yang diadakan telah dihadiri oleh para penyelaras dan urus setia Pelan Tindakan Strategik dari Bahagian-bahagian Ibu Pejabat, Zon, Negeri, AKMAL serta PCKP.

3) NAZIRAN PELAN TINDAKAN STRATEGIK (PTS) JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA TAHUN 2025

BIL.	TARIKH	TEMPAT	NEGERI
1	14 Hingga 16 Oktober 2025	Bilik Mesyuarat Mayang Mengurai, Wisma Kastam Terengganu	Terengganu
2	19 Hingga 21 November 2025	Bilik Mesyuarat Tun Perak, Wisma Kastam Ayer Keroh	Melaka
3	3 Hingga 5 Disember 2025	Bilik Mesyuarat Tanjung Bungah, JKDM Pulau Pinang	Pulau Pinang

PENGUKUHAN TADBIR URUS PELAN TINDAKAN STRATEGIK JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BAGI TEMPOH 2025–2027

BIL.	NAMA PROGRAM / BENGKEL	TARIKH	PENYERTAAN
1	Bengkel Pemurnian Program-program dan Pembangunan Kamus Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi Tempoh 2025–2027	18 hingga 21 Februari 2025	Wakil Bahagian-bahagian Ibu Pejabat dan AKMAL
2	Bengkel Penyelarasan Program-program PTS 2025–2027 bersama Penyelaras dan Urus Setia Zon / Negeri / AKMAL / PCKP	24 hingga 26 Februari 2025	Penyelaras dan Urus Setia Pelan Tindakan Strategik Zon, Negeri, AKMAL dan PCKP
3	Bengkel Pelaporan Pelaksanaan Program Pelan Tindakan Strategik (PTS) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Tahun 2025–2027	13 hingga 14 Ogos 2025	Penyelaras dan Urus Setia Pelan Tindakan Strategik dari Bahagian Ibu Pejabat, Zon, Negeri, AKMAL dan PCKP

UNIT PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KEY PERFOMANCE INDEX - KPI)

AKTIVITI UNIT KPI SEPANJANG TEMPOH 2025

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	1 – 15 Januari 2025	Edaran Templat dan Kamus KPI bagi Tahun 2025 kepada semua PPTPA dan Urusetia KPI Bahagian Ibu Pejabat dan Negeri	Ibu Pejabat
2	16 – 31 Januari 2025	Semakan Pelaporan Prestasi KPI PPTPA 2024 dan mengunci masuk laporan prestasi ke dalam Sistem MyKPI V2.0	Ibu Pejabat
3	4 – 6 Februari 2025	Mesyuarat Kerja KPI Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon/ Pengarah Kastam Negeri bagi Tahun 2025 bersama Urus Setia KPI Zon/ Negeri	Pulau Pinang
4	1 – 30 April 2025	Mengunci masuk Templat & Kamus KPI Tahun 2025 ke dalam sistem MyKPI V2.0	Ibu Pejabat
5	17 – 19 Jun 2025	Naziran Pencapaian KPI PPTPA Pengarah Kastam WP Labuan (Tier 2)	WP Labuan
6	1 – 3 Julai 2025	Kursus Pembangunan Indikator Demerit Performance Evaluation (DEEP) bagi Agensi/ Jabatan	WP Putrajaya
7	10 Julai 2025	Bengkel *Training The Trainers* (TTT) Bersama Agensi bagi Penggunaan Sistem MyKPI Versi 2.0	Kompleks C, Putrajaya
8	11 Ogos 2025	Kursus Pemantapan dan Pembangunan KPI PPTPA Tier 2 dan Seterusnya anjuran JPA	Negeri Sembilan
9	12 – 18 Ogos 2025	Mesyuarat Kerja Semakan Semula KPI 2025 Bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan	Ibu Pejabat
10	26 – 28 Ogos 2025	Naziran Pencapaian KPI PPTPA Pengarah Kastam Negeri Johor (Tier 2)	Johor
11	22 – 24 September 2025	Kursus Strategik Pemerkasaan KPI PPTPA Tier 1 anjuran JPA	Pulau Pinang
12	30 September – 2 Oktober 2025	Naziran Pencapaian KPI PPTPA Pengarah Kastam Negeri Selangor (Tier 2)	Selangor
13	14 – 16 Oktober 2025	Naziran Pencapaian KPI PPTPA Pengarah Kastam Negeri Kedah (Tier 2)	Kedah

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
14	5 – 7 November 2025	Kursus Pembangunan Mekanisme Penilaian Demerit Performance Evaluation (DEEP) terhadap Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan	WP Putrajaya
15	17 – 19 November 2025	Naziran Pencapaian KPI PPTPA Pengarah Kastam LTA Kuala Lumpur (Tier 2)	LTAKL
16	6 - 25 November 2025	Mesyuarat Kerja Pembangunan KPI 2026 Bersama Bahagian Ibu Pejabat	Ibu Pejabat
17	8 - 23 Disember 2025	Mesyuarat Kerja Memuktamadkan KPI 2026 Bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan	Ibu Pejabat

Mesyuarat Kerja Penyediaan KPI 2026 Bersama Bahagian Ibu Pejabat adalah untuk memuktamadkan KPI Ketua Pengarah Kastam (KPK), Timbalan KPK (Perkastaman & CDN), Timbalan KPK (Penguatkuasaan & Pematuhan), Timbalan KPK (Pengurusan), Penolong KPK Bahagian, Pengarah Bahagian dan Pengarah Kastam Negeri (PKN).

Aktiviti penetapan KPI 2026 yang telah dilaksanakan oleh Unit KPI adalah seperti di bawah:



Bengkel

Pada 4 hingga 6 Februari 2025, Unit KPI Ibu Pejabat telah menganjurkan mesyuarat kerja Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bertempat di Hotel Mercure Penang Beach, Pulau Pinang berkenaan KPI Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon/ Pengarah Kastam Negeri (PKN). Bengkel ini telah disertai oleh pegawai Bahagian Ibu Pejabat untuk memberi penerangan berkenaan KPI setiap bahagian yang terlibat di dalam pembangunan KPI PKN kepada urus setia KPI se-Malaysia.

Mesyuarat Kerja KPI

Mesyuarat Kerja KPI terdiri daripada Mesyuarat Kerja Semakan Semula KPI, Mesyuarat Kerja Pembangunan KPI dan Mesyuarat Kerja Memuktamadkan KPI. Mesyuarat Kerja Semakan Semula KPI telah diadakan pada bulan Ogos 2025. Pindaan KPI hanya akan dibenarkan setelah mendapat kelulusan dan persetujuan Ketua Pengarah Kastam. Manakala Mesyuarat Kerja Pembangunan KPI bersama Bahagian Ibu Pejabat yang terlibat dan Mesyuarat Kerja Memuktamadkan KPI oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan diadakan pada bulan November dan Disember 2025.

Naziran

Sebanyak 5 naziran KPI yang dirancang pada tahun 2025 dan semua naziran telah berjaya dilaksanakan. Pasukan Naziran KPI Ibu Pejabat adalah terdiri daripada Bahagian Penguatkuasaan, Cukai Dalam Negeri (CDN), Perancangan Korporat, Perkastaman, Pengurusan Pematuhan, Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia dan Perkhidmatan Teknik Ibu Pejabat. Naziran KPI yang telah dijalankan sepanjang tahun 2025 bertempat di JKDM WP Labuan, JKDM Johor, JKDM Kedah, JKDM Selangor dan JKDM LTA Kuala Lumpur (LTAKL).

GAMBAR- GAMBAR BENGKEL, MESYUARAT KERJA DAN NAZIRAN SEPANJANG TAHUN 2025





Kursus Strategik Pemerkasaan KPI PPTPA Tier 1 anjuran JPA.



Naziran Pencapaian KPI PPTPA Pengarah Kastam WP Labuan.



Naziran Pencapaian KPI PPTPA Pengarah Kastam Negeri Johor.



Naziran Pencapaian KPI PPTPA Pengarah Kastam Negeri Selangor.

UNIT ISO

Penyeragaman pensijilan MS ISO 9001:2015 untuk Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) bagi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah diteruskan pada tahun 2025 dengan sasaran untuk mengekalkan pensijilan dari pihak SIRIM. Pensijilan ini telah melibatkan 18 lokasi iaitu JKDM Ibu Pejabat, Kedah, WP Kuala Lumpur, Perlis, Sabah, Sarawak, Johor, Selangor, LTA Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Kelantan, WP Labuan, Terengganu, Negeri Sembilan, Pahang dan Pemungut Cukai Kastam Persekutuan (PCKP), Singapura.

Skop pensijilan yang terlibat bagi **MS ISO 9001:2015** pada masa ini adalah seperti berikut:

BIL	BAHAGIAN	SKOP
1	Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (KPSM)	Latihan Perolehan (Pembelian Terus)
2	Perkhidmatan Teknik (PERTEK)	Ketetapan Kastam Nasihat Klasifikasi Barangan (NKB)
3	Perkastaman	Pengurusan Lesen Gudang Pengilangan Berlesen (GPB)
4	Cukai Dalam Negeri (CDN)	Permohonan *Sign Up Non-Registrant* Jadual B Perintah Cukai Jualan

Unit ISO, Bahagian Perancangan Korporat bersama-sama Unit Siasatan Frod Dokumentasi (USFD), Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat telah berjaya menyiapkan draf Prosedur Kualiti (PK) skop baharu iaitu Penyediaan Laporan Siasatan Ke Atas Kes Frod Dokumentasi Yang Melibatkan Penyata. Draf PK ini telah diluluskan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) pada **19 November 2025.**

AKTIVITI PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2015 SEPANJANG TAHUN 2025

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Pengemaskinian Ahli Jawatankuasa (AJK) MS ISO 9001:2015 Bagi Tahun 2025	20 Januari 2025
2.	Pemakluman Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 Dan Skop Baharu	20 Januari 2025
3.	Bengkel Persediaan Draf Prosedur Kualiti Baharu MS ISO 9001:2015 Bahagian Penguatkuasaan	25 – 27 Februari 2025

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
4.	Bengkel Pengemaskinian Dokumen Dan Pengesahan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2015 Bahagian CDN JKDM Tahun 2025	14 – 16 April 2025
5.	Mesyuarat Kerja bagi Program Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 JKDM Tahun 2025	6 Mei 2025
6.	Bengkel Pengemaskinian Dokumen Dan Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2015 Bagi Bahagian Perkastaman JKDM Tahun 2025	26 – 28 Mei 2025
7.	Edaran Kaji Selidik Kepuasan Warga JKDM	1 – 30 Jun 2025
8.	Edaran Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan JKDM	1 Jun – 31 Ogos 2025
9.	Program Audit Dalaman 2025	11 Jun – 28 Ogos 2025
10.	Bengkel Persediaan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	6 – 10 Oktober 2025
11.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil. 1/2025	15 Oktober 2025
12.	Program Audit Luar SIRIM 2025 (Pemantauan dan Pensijilan Skop Baharu)	27 – 31 Oktober 2025

Pelaksanaan Program Audit MS ISO 9001:2015 JKDM

JENIS AUDIT	TEMPOH PELAKSANAAN	BILANGAN LOKASI	LOKASI TERLIBAT	JURUAUDIT / PELAKSANA	HASIL / KEPUTUSAN
Audit Dalaman	3 bulan	18 lokasi	Pelbagai lokasi JKDM	Pegawai JKDM bertauliah SIRIM yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kastam (KPK)	Dilaksanakan mengikut keperluan MS ISO 9001:2015
Audit Luar SIRIM	5 hari	5 lokasi	JKDM Sabah, JKDM WP Labuan, JKDM Perak, JKDM Selangor, JKDM LTAKL dan JKDM Ibu Pejabat	Juruaudit SIRIM	6 penemuan OFI (*Opportunity for Improvement*) sahaja; pensijilan sedia ada dikekalkan dan satu skop baharu diluluskan di Bahagian CDN

PENSIJILAN OLEH
SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN BHD
TAHUN 2025



SIRIM QAS INTERNATIONAL

SIJIL

QUALITY SYSTEM
SIRIM

IAF

STANDARDS MALAYSIA
ACB 001

Member of
IQNET

SIRIM QAS International dengan ini mengesahkan bahawa

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO.3, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62596 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang mematuhi

ISO 9001:2015
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS – REQUIREMENTS

Skop Pensijilan

1) **PENGURUSAN PENGKLASIFIKASIAN BARANGAN. (CLASSIFICATION OF GOODS);**
2) **PENGURUSAN LATIHAN DAN PEROLEHAN (PEMBELIAN TERUS);**
3) **PENGURUSAN LESEN GUDANG PENGILANGAN BERLESEN (GPB);**
4) **CUKAI DALAM NEGERI: PERMOHONAN SIGN UP NON-REGISTRANT JADUAL B PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018.**

(RUJUK ANNEX UNTUK SITE & SKOP PENSIJILAN)

Tarikh dikeluarkan	:	**22 Januari 2026**
Tarikh asal pensijilan	:	**02 Mac 2007**
Tarikh luput	:	**01 Mac 2028**
No. sijil	:	**QMS 01688**

Ts. Md. Adha bin Katni @ Rahmat
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti termyata dalam Perjanjian Pensijilan.

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
(Co. No. 199601037951 (410334-X))
1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, P.O. Box 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 60-3-55446400

http://www.sirim-qas.com.my
http://www.malaysiancertified.com.my

CAWANGAN PERANCANGAN STRATEGIK

SEKSYEN PENYELIDIKAN SISTEM DAN PROSEDUR (SPSP)

1. Aktiviti SPSP Sepanjang Tahun 2025

Aktiviti SPSP pada tahun 2025 merangkumi kajian seperti berikut :

A. Kajian Cadangan Keseragaman Nama Unit dan Penamaan Gelaran Jawatan (*Nomenclature*) bagi JKDM

Kajian Cadangan Keseragaman Nama Unit dan Penamaan Gelaran Jawatan bagi JKDM dilaksanakan bagi memenuhi keperluan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaras dengan surat rujukan JPA.(S).700-2/1/2 Jld.7(26) bertarikh 28 Ogos 2024. Surat JPA ini mengarahkan agar JKDM melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

- Menyediakan model perjawatan JKDM negeri dan di pintu-pintu masuk yang boleh dijadikan rujukan dalam menentukan perjawatan dan gred Ketua Jabatan.

- Melaksanakan keseragaman nama unit dan *nomenclature* secara menyeluruh.

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:
i. Menyeragamkan nama unit
ii. Istilah bahagian, cawangan dan seksyen yang konsisten
iii. Menyeragamkan struktur di Negeri
iv. Memudahkan proses penyelarasan tugas, pelaporan, dan komunikasi dalaman

Sehubungan itu, SPSP telah melaksanakan lawatan berobjektif ke JKDM Selangor, JKDM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan JKDM Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (LTAKL) bagi mendapatkan gambaran sebenar struktur organisasi di peringkat negeri serta mendengar taklimat ringkas berkaitan pelaksanaannya. Pemilihan JKDM negeri tersebut adalah sebagai penanda aras kepada negeri-negeri lain berdasarkan kesesuaian dan keberkesanan struktur organisasi yang dilaksanakan.





Lawatan Berobjektif ke JKDM KLIA

Susulan daripada itu, beberapa sesi libat urus telah dilaksanakan bersama urus setia dan wakil bahagian-bahagian di Ibu Pejabat bermula April hingga Jun 2025 bagi mendapatkan persetujuan terhadap cadangan struktur organisasi di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri, serta memuktamadkan cadangan penyeragaman penamaan bahagian, cawangan dan seksyen di seluruh negeri.

Laporan kajian ini telah dibentangkan kepada YBrs. Tuan Abu Bakar @ Salleh bin Jambol, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) pada 2 Julai 2025. Hasil daripada sesi pembentangan tersebut, TKPK (Pengurusan) telah mengarahkan pasukan kajian untuk mengadakan sesi libat urus di setiap negeri bagi menyampaikan taklimat mengenai cadangan penyeragaman nama cawangan dan seksyen selaras dengan peringkat Ibu Pejabat, serta mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada JKDM Negeri berkaitan cadangan tersebut.

B. Kajian Kepuasan Warga JKDM

Kajian Kepuasan Warga JKDM dijalankan bagi menilai tahap kepuasan dan persepsi warga terhadap aspek kerja semasa.

Objektif
- Mengenal pasti dimensi yang mempengaruhi tahap kepuasan.
- Mencadangkan penambahbaikan bagi meningkatkan kepuasan warga.

Tempoh Pelaksanaan
- 1 hingga 30 Jun 2025 (secara atas talian).

Responden
- Melibatkan 12,559 responden yang terdiri daripada pelbagai gred jawatan dan skim perkhidmatan meliputi semua bahagian JKDM.

Dimensi Penilaian
- Tugas dan tanggungjawab
- Kemudahan jabatan
- Suasana persekitaran organisasi
- Motivasi *(Setiap dimensi mengandungi 5 soalan dan 1 ruang cadangan/komen.)*

Analisis dan Tindakan Susulan
- Hasil kajian dianalisis oleh Ibu Pejabat dan JKDM Negeri.
- Digunakan sebagai asas penambahbaikan di stesen masing-masing.

Purata tahap kepuasan warga JKDM secara keseluruhannya adalah sebanyak **88.15%** dan pecahannya adalah seperti berikut:

DIMENSI	PERATUSAN	
	YA (BERPUAS HATI)	TIDAK (TIDAK BERPUAS HATI)
Tugas dan tanggungjawab	95.13%	4.87%
Kemudahan jabatan	71.35%	28.65%
Suasana persekitaran organisasi	94.69%	5.31%
Motivasi	91.41%	8.59%
PURATA	**88.15%**	**11.85%**

C. Kajian Kepuasan Pelanggan JKDM

Kajian Kepuasan Pelanggan JKDM merupakan salah satu inisiatif strategik Jabatan dalam menilai persepsi dan tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan yang disampaikan oleh JKDM di peringkat negeri. Kajian ini juga selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1 Tahun 2025, yang menekankan kepentingan pengukuran tahap kepuasan pelanggan dalam mempertingkat keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam.

BIL.	NEGERI	JUMLAH	PERATUS
1.	Johor	119	8%
2.	Selangor	245	17%
3.	WP Labuan	81	6%
4.	WP Kuala Lumpur	111	8%
5.	Kedah	60	4%
6.	Pulau Pinang	54	4%
7.	Sarawak	109	8%
8.	Sabah	270	19%
9.	LTAKL	65	4%
10.	Kelantan	52	4%
11.	Melaka	12	1%
12.	Negeri Sembilan	39	3%
13.	Perak	62	4%
14.	Pahang	34	2%

BIL.	NEGERI	JUMLAH	PERATUS
15.	Perlis	42	3%
16.	Ibu Pejabat Putrajaya	59	4%
17.	Terengganu	31	2%
JUMLAH		**1,445**	**100%**

Objektif

- Menilai persepsi dan tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan JKDM di peringkat negeri selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1 Tahun 2025.

Tempoh Pelaksanaan

- 1 Jun – 31 Ogos 2025 (secara atas talian).

Responden

- Melibatkan 1,445 pelanggan daripada 17 pejabat JKDM seluruh negeri.

Dimensi Penilaian

- Prasarana
- Kecekapan pegawai
- Kemudahan komunikasi

Purata tahap kepuasan pelanggan JKDM secara keseluruhannya adalah sebanyak **84%** dan pecahannya adalah seperti berikut:

DIMENSI	PERATUSAN (%)		
	YA	TIDAK	TIDAK PASTI
Prasarana	82	10	8
Kecekapan Pegawai	93	3	4
Kemudahan Komunikasi	78	7	15
PURATA PERATUSAN	**84**	**7**	**9**

Daripada peratusan tersebut dapat disimpulkan bahawa dimensi kedua iaitu Kecekapan Pegawai mempunyai peratusan tertinggi menjawab 'YA" iaitu sebanyak 93%. Ini mencerminkan keyakinan dan kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai.

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan tahap kepuasan pelanggan yang **tinggi dan positif** di seluruh pejabat Kastam di Malaysia. Majoriti responden berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan, di mana setiap dimensi utama mencatatkan peratusan kepuasan yang baik.

D. Kajian Persepsi Masyarakat terhadap JKDM

Objektif

- Mengenal pasti tahap kesedaran, pengetahuan dan persepsi masyarakat terhadap peranan JKDM serta cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan imej dan kepercayaan masyarakat terhadap Jabatan.

Tempoh Pelaksanaan

- 1 Julai – 31 Ogos 2025 (secara atas talian).

Responden

- Melibatkan 8,326 orang di seluruh Malaysia.

Struktur Kajian

- Bahagian I: Demografi & Kesedaran Umum

- Bahagian II: Persepsi Masyarakat meliputi:
  i. Kepercayaan & Kredibiliti
  ii. Ketelusan & Komunikasi
  iii. Persepsi terhadap rasuah

  Hasil analisis data menunjukkan purata tahap indeks persepsi masyarakat secara keseluruhan adalah sebanyak **70.4%** dan pecahannya adalah seperti berikut:

DIMENSI	PERATUSAN		
	YA	TIDAK	TIDAK PASTI
D1 Kepercayaan dan Kredibiliti	76.8%	3.1%	20.1%
D2 Ketelusan dan Komunikasi	68.8%	3.7%	27.6%
D3 Persepsi Terhadap Rasuah	65.6%	4.4%	30.0%
PURATA	**70.4%**	**3.73%**	**25.9%**

E. Kajian Kebolehlaksanaan Sistem Pengurusan Kedai Bebas Cukai JKDM

SPSP telah melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan Sistem KBC bagi menilai keberkesanan kawalan sedia ada serta mengenal pasti keperluan pendigitalan operasi KBC secara bersepadu dan berskala nasional. Kajian ini berpandukan projek yang terpilih dalam Pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Tahun 2024 serta dilaksanakan susulan kebergantungan kepada pelaporan manual di bawah Perintah Tetap Kastam Bil. 55 (PTK 55) dan ketiadaan sistem khusus bagi menyokong operasi semasa.

Skop kajian merangkumi analisis proses kerja, semakan perundangan, sesi libat urus dan penilaian rintis e-KBC, yang mendapati jurang dalam kawalan inventori, pemantauan transaksi, integrasi sistem dan penguatkuasaan masa nyata. Sehubungan itu, dicadangkan pelaksanaan e-KBC sebagai sistem interim diikuti pembangunan sistem KBC bersepadu secara berfasa selaras hala tuju MyCustoms bagi memastikan transformasi digital dilaksanakan secara pragmatik, kos efektif dan mematuhi perundangan semasa.



Lawatan Berobjektif ke JKDM Miri, Sarawak

UNIT PEMODENAN DAN PEMBAHARUAN (UPP)

Aktiviti UPP Sepanjang Tahun 2025;

1. Sekretariat Antara Agensi

BIL	PERKARA	TARIKH
A.	***JWC TRADE FACILITATION*** **Mesyuarat di bawah *The National Trade Blueprint* (NTBp)**	
1.	Mesyuarat JK-X (JWC) (Inisiatif 1: *Expedite The Implementation of a Single Digital Trade Platform)*	4 Mac 2025 9 Mei 2025
B.	***PORTAL MALAYSIA NATIONAL TRADE REPOSITORY (MNTR)*** **Mesyuarat dibawah *The National Trade Blueprint* (NTBp)**	
1.	Sesi *Request for Proposal* Bagi Calon Syarikat Dalam Membangunkan *Portal Malaysia National Trade Repository*	8 Mei 2025
C.	***TRADE FACILITATION CLUSTER WORKING GROUP (TFCWG)*** **Mesyuarat di bawah *The National Logistik Trade Facilitation* (NLTF)**	
1.	Trade Facilitation Cluster Working Group (TFCWG) Meeting	20 November 2025
D.	***TECHNICAL WORKING GROUP ON INTERNATIONAL TRADE (TWG-INTL TRADE)*** **Mesyuarat di bawah *The National Logistik Trade Facilitation* (NLTF)**	
1.	Technical Working Group on International Trade (TWG-INTL TRADE) Meeting	9 Mei 2025 12 Ogos 2025 3 Oktober 2025 16 Disember 2025
E.	***Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan*** **Mesyuarat di bawah *The National Logistik Trade Facilitation* (NLTF)**	
1.	Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan	29 Mei 2025

BIL	PERKARA	TARIKH
F.	***PROJEK REFORMASI KERENAH BIROKRASI (RKB) DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) DAN AGENSI***	
1.	Bengkel Pemurniaan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) Kementerian Kewangan (MOF) dan Agensi Tahun 2025	24 – 25 Jun 2025
2.	Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) Di Bawah Kementerian Kewangan (MOF) Dan Agensi Tahun 2025 (*Pembentangan Projek MyCIEDS oleh Perkastaman*)	14 Ogos 2025





Mesyuarat Trade Facilitation Cluster Working Group (TFCWG) yang berlangsung di Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia, 20 November 2025.

2. Naziran Pelan Kesinambungan Perkhidmatan

2.1 Naziran Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merupakan satu semakan dan penilaian yang dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan tahap kesiapsiagaan jabatan dalam menghadapi sebarang gangguan perkhidmatan, krisis atau bencana. Naziran ini bertujuan menilai pematuhan, keselarasan dan keberkesanan pelaksanaan PKP di peringkat negeri selaras dengan dasar, garis panduan dan arahan yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat.

2.2 Secara keseluruhannya, naziran PKP ke atas JKDM Negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor merupakan langkah proaktif dan strategik dalam memperkukuh kesiapsiagaan serta daya tahan organisasi. Dapatan naziran ini menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan agar Pelan Kesinambungan Perkhidmatan JKDM sentiasa relevan, berkesan dan menyokong kelangsungan perkhidmatan jabatan kepada negara dan rakyat.





Naziran Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP), JKDM Perlis 2-3 Julai 2025

3. Sistem Makmal Kastam (myCLab)

Sistem Makmal Kastam (myCLab) merupakan sistem *in-house* yang dibangunkan bagi memudahkan permohonan dan penyampaian keputusan analisis sampel secara dalam talian, dan akan digunakan oleh pegawai kimia serta pengguna dalaman JKDM setelah Makmal Kastam siap sepenuhnya dan beroperasi pada tahun 2026.

Pembangunan sistem ini dilaksanakan secara selari dengan pembinaan fizikal makmal yang berlokasi di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) Melaka, menggunakan kepakaran dalaman Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) dengan kerjasama Bahagian Perancangan Korporat (BPK) dan Bahagian Perkhidmatan Teknik (Pertek).

Antara modul-modul yang terdapat di dalam Sistem myCLab adalah seperti **Modul Pemohon, Modul Penyelia, Modul Pembantu Makmal** dan **Modul Juruanalisis.**

4. Pendigitalan Proses Kerja Kastam

Pendigitalan Proses Kerja Kastam melalui pembangunan Sistem Permohonan Ketetapan Kastam serta Pembayaran Balik (*Refund*) / Pulang Balik (*Drawback*).

Inisiatif ini bertujuan memudahkan pelanggan membuat permohonan Ketetapan Kastam serta *Refund* / *Drawback* secara dalam talian melalui Sistem MyPERTEK, yang dibangunkan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman Bahagian Teknologi Maklumat dengan kerjasama Bahagian Perancangan Korporat, Bahagian Perkhidmatan Teknik dan Bahagian Perkastaman.

Sistem ini telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah Kastam pada 12 November 2025 sempena Majlis Makan Mesyuarat Pengarah-pengarah Se-Malaysia ke-109.





Solf Launch Sistem MyPERTEK di Malam Anugerah Inovasi Tahun 2025

Antara modul- modul yang terdapat di dalam Sistem MyPERTEK adalah seperti **Menu Portal, Menu Pendaftaran, Menu Pentadbir Sistem, Menu Penyelenggaraan Sistem** dan **Menu Permohonan.**

5. WCO - *Accelerate Trade Facilitation Programme (ATFP) : Post Clearance Audit* (PCA)

Accelerate Trade Facilitation Programme (ATFP) ialah satu program kerjasama antarabangsa, diterajui oleh World Customs Organization (WCO) yang menyediakan kepakaran kastam & standard antarabangsa, untuk bantu negara membangun laksana Perjanjian Fasilitasi Perdagangan WTO (WTO TFA) bagi kurangkan birokrasi sempadan, percepatkan urusan barang, galakkan perdagangan inklusif dan tingkatkan daya tahan rantaian bekalan global melalui bantuan teknikal & pembangunan kapasiti digital. Program yang ingin dibangunkan adalah Program *Post Clearance Audit* (PCA). Bahagian Perancangan Korporat menjadi urus setia Jawatankuasa Pemandu dan bertanggungjawab menyelaras mesyuarat-mesyuarat berkaitan.

Pada tahun 2025, mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Post Clearance Audit* (PCO) WCO – ATF telah diadakan pada 28 Januari 2025 dan 15 April 2025.

CAWANGAN HAL EHWAL ANTARABANGSA (CHEA)

Cawangan ini bertanggungjawab memperkukuh hubungan dan kerjasama antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan Pentadbiran Kastam Luar Negara bagi memastikan pertukaran maklumat perkastaman dapat dilaksanakan secara berkesan selaras dengan amalan perkastaman antarabangsa. Selaras dengan Pelan Tindakan Strategik Jabatan di bawah Pelan Tindakan Bahagian Perancangan Korporat, Cawangan Hal Ehwal Antarabangsa (CHEA) dipertanggungjawabkan di bawah teras-teras berikut:

TERAS 1: MEMPERKUKUH TATAKELOLA
STRATEGI 1: KERJASAMA ANTARABANGSA DAN HUBUNGAN STRATEGIK DI PERINGKAT ANTARABANGSA MELALUI PROGRAM-PROGRAM BERIKUT:

i. Perkongsian maklumat bersama pentadbiran Kastam luar negara yang mempunyai *Memorandum of Understanding* (MOU) dengan JKDM dan konvensyen / perjanjian yang ditandatangani oleh Malaysia
ii. Penglibatan pegawai-pegawai pakar JKDM dalam penugasan yang ditetapkan oleh *World Customs Organization* (WCO)
iii. Pembentangan di forum / mesyuarat antarabangsa
iv. Menyelaras dan memproses permohonan bagi pegawai berkursus / menghadiri bengkel / konvensyen di luar negara

TERAS 4: MEMATUHI PERUNDANGAN DAN PERATURAN
STRATEGI 4: PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN KESELAMATAN MELALUI PROGRAM BERIKUT:

1. Penglibatan JKDM dalam operasi khas menangani jenayah rentas sempadan di peringkat antarabangsa

PERJANJIAN ANTARABANGSA

- *Mutual Recognition Arrangement On Authorized Economic Operator* (MRA AEO) antara JKDM dan New Zealand Customs Service.

- Pemeteraian Dokumen *Arrangement on Cooperation and Mutual Assistance in Customs Matters* (CMAA) antara JKDM dan State Customs Committee of the Republic of Uzbekistan.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA

1. The 16th Session of the Capacity Building Committee.
2. 3rd Malaysia-Australia Senior Officials Meeting (SOM), Canberra & Melbourne, Australia.
3. The 26th World Customs Organization Asia/Pacific Regional Heads of Customs
4. Administrations (RHCA) Conference, Hong Kong.
5. WCO the 145th/146th Session of the Customs Co-Operation Council.
6. The 34th ASEAN Customs Director General Meeting, Brunei.
7. High-Level Trade Facilitation Policy Seminar, Seoul, Korea.
8. The 16th Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Heads of Customs (HOC) Meeting, Kuching, Sarawak, Malaysia.
9. High-Level Trade Facilitation Policy Seminar, Seoul, Korea.
10. Law Enforcement Assistance Programme (LEAP) Work Study Visit On Illegal Logging and CITES, Antwerp & Brussels, Belgium.
11. Workshop On Risk Management For RMCD, Tokyo, Jepun.

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA DELEGASI LUAR NEGARA

1. Pesuruhjaya Tinggi Republik Maldives.
2. Liaison Officer from the Royal Embassy of Saudi Arabia.

3. Customs Committee of the Republic of Uzbekistan.
4. Duta Besar Republik Tajikistan ke Malaysia.
5. Presight AI Holding PLC.
6. Afghanistan Customs Department.
7. Delegasi Royal College of Defence Studies (RCDS).
8. Small Enterprise Center (SEC), Palestin.
9. Fiscal Crime Liaison Officer (FCLO),
10. HM Revenue & Customs, United Kingdom.
11. United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC).
12. Customs Attache of Belgium.
13. Liaison Officer Canada Border Services Agency (CBSA).
14. Customs Counsellor, New Zealand Customs Service.
15. International Intelligence Office (IIO), Japan Customs.

MESYUARAT DUA HALA BERSAMA PENTADBIRAN KASTAM LUAR NEGARA

1. Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja Brunei Darussalam
2. New Zealand Customs Service
3. Direktorat Jenderal Bea dan Cukai Republik Indonesia

REKOD BERTUGAS KE LUAR NEGARA TAHUN 2025 MENGIKUT PECAHAN KATEGORI

JENIS PROGRAM	JUMLAH PROGRAM
LATIHAN / BENGKEL / SEMINAR / PERSIDANGAN / STUDY VISIT	80
MESYUARAT / KUMPULAN KERJA / SENIOR OFFICIAL MEETING / BILATERAL / JK KASTAM (COMMITTEE) / FORUM	108
PENYEDIAAN KAPASITI SEBAGAI TRAINER / PENCERAMAH / PANEL	7
LAWATAN KERJA	4
LAIN-LAIN	2
JUMLAH KESELURUHAN PROGRAM	201






MALAYSIA
MALAYSIA




37th MEETING OF THE ASEAN
CUSTOMS ENFORCEMENT AND
COMPLIANCE WORKING GROUP


38th MEETING OF THE ASEAN
CUSTOMS PROCEDURES AND
TRADE FACILITATION WORKING GROUP


ASEAN


26th RHCA
Conference






ASEAN


BILIK MENUNGGU EKSEKUTIF

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (CKOM)

PELAN MEDIA DAN KOMUNIKASI JABATAN



MEDIA MASSA

- **11** Program temubual sepanjang tahun 2025
- **9** Sidang media disampaikan oleh Pengurusan tertinggi Jabatan
- **31** Siaran media sepanjang tahun 2025



MEDIA SOSIAL

- **3,813** hantaran melalui saluran media sosial rasmi JKDM (Facebook (**1,217**), Instagram (**864**), 'X' (**957**) dan TikTok (**775**)



PAMERAN

- **11** Pameran diadakan sepanjang tahun 2024



PENERBITAN

- **3** Penerbitan Buletin / Majalah dan Laporan Tahunan



















PUSAT PANGGILAN KASTAM (CCC)

PERTANYAAN LAZIM TAHUN 2025

- Perluasan Skop - Pembinaan, Penyewaan, Pendidikan & Kesihatan
- Perubahan Kadar Cukai Jualan daripada Tidak Bercukai kepada Bercukai
- Maklumat berkaitan Kod Tarif & MYCIEDS

PUSAT PANGGILAN KASTAM

1-300-888-500
03-7806 7200
ccc@customs.gov.my


LAWATAN KERJA DAN STATUS PROJEK NAIK TARAF

- Lawatan kerja rasmi YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, KSP, ke Pusat Panggilan Kastam pada 18 Jun 2025 untuk meninjau operasi dan pelaksanaan fungsi pusat berikutan peluasan skop SST 2025.
- Pelaksanaan Projek perolehan perkakasan dan perisian bagi menaik taraf Pusat Panggilan Kastam, termasuk migrasi sistem daripada Avaya ke Mitel, dijangka dilaksanakan pada 2026.



BULAN	PANGGILAN	EMEL	JUMLAH
Januari	3,035	1,207	4,242
Februari	3,144	1,323	4,467
Mac	2,767	1,656	4,423
April	2,534	1,388	3,922
Mei	2,066	1,688	3,754
Jun	2,411	1,675	4,086
Julai	2,478	3,062	5,540
Ogos	2,235	2,497	4,732
September	2,479	1,652	4,131
Oktober	2,101	2,359	4,460
November	1,775	2,042	3,817
Disember	1,829	1,651	3,480
Jumlah	**28,854**	**22,200**	**51,054**

JUMLAH MENGIKUT SALURAN SEPANJANG TAHUN 2025'





JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BAB 2

KHIDMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



CAWANGAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pencapaian KPI HRMIS Tahun 2024

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengumumkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS bagi Tahun 2024 yang dianugerahkan pada tahun 2025, di mana Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah mencapai markah pencapaian sebanyak **99.80%**, sekali gus dianugerahkan **penarafan lima (5) bintang**.



Bengkel Pembangunan Sasaran Kerja Utama (SKU) JKDM Baharu

Bengkel Pembangunan Sasaran Kerja Utama (SKU) JKDM Baharu telah diadakan selama tiga (3) hari, dari 26 hingga 28 Mei 2025 di Bilik Kuliah, Ibu Pejabat JKDM. Bengkel ini disampaikan oleh Puan Amy Lisa binti Pajuri @ Bajuri dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan dihadiri oleh 48 orang Champion SKU mewakili semua Bahagian di Ibu Pejabat.

Penganjuran bengkel ini bertujuan membangunkan SKU JKDM yang baharu selaras dengan perubahan Pelan Tindakan Strategik JKDM 2025–2027 bagi memastikan pelaksanaan serta pengurusan prestasi tahun 2025 dilaksanakan secara lebih teratur dan berkesan.





Penganugerahan Anugerah Pegawai Contoh bagi Tempoh Januari Hingga Jun Tahun 2025 Peringkat Ibu Pejabat

a) Penganugerahan Anugerah Pegawai Contoh Peringkat Ibu Pejabat bagi tempoh Januari hingga Jun Tahun 2025, sebagaimana yang telah diputuskan melalui Mesyuarat Panel Pemilihan Anugerah Pegawai Contoh Peringkat Ibu Pejabat, telah diadakan pada 5 Ogos 2025. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Tuan Abu Bakar @ Salleh bin Jambol, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan) dan berlangsung di Bilik Mesyuarat Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan), Ibu Pejabat JKDM.

b) Penerima Anugerah Pegawai Contoh adalah seperti berikut:

Kumpulan Pengurusan dan Profesional:

i. Puan Aida Rafizah binti Ahmad Muaen
Penolong Kanan Pengarah Kastam II, WK12
Bahagian Pengurusan Pematuhan

ii. Tuan Nor Amran bin Abdullah
Penolong Pengarah Kastam, WK10
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

Kumpulan Pelaksana:

i. Puan Siti Aishah binti Abdul Razak
Penolong Pegawai Tadbir, N5
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

ii. Puan Has Azie Datul Akmal bin Hassan
Setiausaha Pejabat, N6
Bahagian Pengurusan Pematuhan

Program Kemerdekaan Peringkat JKDM Ibu Pejabat Tahun 2025

Pada 19 Ogos 2025, Perpustakaan JKDM Ibu Pejabat telah menganjurkan Program Kemerdekaan Peringkat Ibu Pejabat JKDM bersempena Bulan Kemerdekaan, yang diadakan bersama sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JKDM di Pekarangan Ibu Pejabat JKDM, Putrajaya. Program ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai 216 orang.

Pelbagai aktiviti telah dipertandingkan termasuk Kuiz Kemerdekaan, Anyaman Tikar Merdeka dan Teka Gula-Gula dalam Balang bagi menyemarakkan semangat patriotisme. Pemenang diumumkan pada hari yang sama.





Bengkel Pengemaskinian Data Perjawatan secara *Zero Based* di dalam Sistem HRMIS

Bengkel Pengemaskinian Data Perjawatan Secara *Zero Based* dalam Sistem HRMIS Peringkat JKDM Negeri telah diadakan pada 22 hingga 25 September 2025, bertempat di *Putra Lounge*, Ibu Pejabat JKDM. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 66 orang pegawai yang terdiri daripada semua pentadbir HRMIS JKDM Negeri.



Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk mengemaskini data perjawatan pegawai JKDM dalam Sistem HRMIS susulan peralihan sistem jawatan daripada Sistem Saraan Malaysia (SSM) kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.

Taklimat *MyPerformance* bagi Tahun 2025

Taklimat *MyPerformance* Tahun 2025 telah diadakan pada 3 November 2025 di Dewan Serbaguna, Aras 7, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) secara bersemuka dan dalam talian, melibatkan 200 pegawai hadir secara fizikal serta 1,000 pegawai secara dalam talian yang terdiri daripada pegawai pengurusan prestasi di Ibu Pejabat dan JKDM Negeri serta seluruh warga Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Taklimat ini disampaikan oleh Puan Amy Lisa binti Pajuri @ Bajuri dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memberikan kefahaman yang lebih menyeluruh dan mendalam berkaitan penilaian prestasi melalui sistem *MyPerformance*.



Penganugerahan Pingat Jabatan Kastam Diraja Malaysia

a) Penganugerahan pingat anugerah kepada pegawai di peringkat Ibu Pejabat, sebagaimana yang telah diputuskan melalui Mesyuarat Panel Pemilihan Pingat Anugerah JKDM Tahun 2025, telah diadakan pada 14 November 2025. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Datuk Wira Anis Rizana binti Mohd Zainudin, Ketua Pengarah Kastam Malaysia dan berlangsung di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Ibu Pejabat JKDM.

b) Bilangan pegawai yang dianugerahkan pingat anugerah adalah seperti berikut:
   i. Pingat Cemerlang Kastam (P.C.K): 116 orang pegawai
   ii. Pingat Kebaktian Kastam (P.K.K): 11 orang pegawai
   iii. Pingat Kastam Antarabangsa (P.K.A): 9 orang pegawai
   iv. Pingat Kastam Berjasa (P.K.B): 20 orang pegawai

Peluasan *Digital Document Management System* (DDMS) Kepada Pejabat Atase Kastam di Luar Negara

Mesyuarat berkaitan penggunaan Sistem *Digital Document Management System* (DDMS) bagi urusan fungsian bersama pejabat kedutaan luar negara iaitu Brussels, Jakarta dan Beijing telah diadakan pada 6 Januari 2025 secara atas talian. Susulan mesyuarat tersebut, satu sesi latihan penggunaan DDMS telah dilaksanakan kepada pegawai atase yang akan ditempatkan ke luar negara pada 5 Februari 2025 bagi memastikan kelancaran pengurusan rekod dan dokumen secara elektronik.





Sesi Latihan Penggunaan Sistem DDMS Cawangan Jaminan Kualiti Audit, Bahagian Pengurusan Pematuhan Pada 24 Februari 2025

Latihan penggunaan Sistem *Digital Document Management System* (DDMS) turut disediakan kepada bahagian/cawangan/unit. Walaupun pelaksanaan DDMS telah dilaksanakan sepenuhnya di JKDM Ibu Pejabat, Unit Kompetensi dan Pengurusan Rekod kekal bersedia untuk mengendalikan sebarang permohonan latihan tambahan daripada pegawai yang memerlukan bagi memastikan penggunaan sistem dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.





Bengkel Migrasi Data Sistem DDMS Negeri Bersama Arkib Negara Malaysia

Bengkel Migrasi Data Sistem *Digital Document Management System* (DDMS) Negeri bersama Arkib Negara Malaysia telah diadakan pada 19 hingga 22 Mei 2025. Bengkel ini bertujuan untuk melaksanakan migrasi data klasifikasi fail ke dalam format *Microsoft Excel* yang ditetapkan oleh Jabatan Digital Negara bagi tujuan kemasukan data ke dalam Sistem DDMS.





Mesyuarat Penyelarasan Klasifikasi Fail Urusan Fungsian Bersama Bahagian Fungsian di JKDM Ibu Pejabat

Beberapa mesyuarat penyelarasan Klasifikasi Fail (KF) fungsian telah dijalankan di semua bahagian yang melaksanakan urusan fungsian di JKDM Ibu Pejabat bagi memastikan penggunaan KF urusan fungsian di dalam Sistem *Digital Document Management System* (DDMS) dilaksanakan secara konsisten dan berkesan.





Kursus Pengurusan Rekod Di AKMAL Sabah

Kursus Pengurusan Rekod telah diadakan di AKMAL Sabah pada 22 September 2025, melibatkan penyertaan pegawai daripada semua JKDM Negeri serta Ibu Pejabat yang mendaftar melalui AKMAL2u. Kursus ini bertujuan meningkatkan kompetensi pegawai dalam pengurusan rekod selaras dengan standard dan amalan terbaik yang digariskan oleh Arkib Negara Malaysia.





Jabatan Kastam Diraja Malaysia ke Arah Pendigitalan Pengurusan Rekod (*Digital Document Management System* - DDMS)

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007, Unit Kompetensi dan Pengurusan Rekod bersama Kader Arkib Kementerian Kewangan telah membangunkan klasifikasi fail bagi semua JKDM negeri pada tahun 2024, yang telah diluluskan oleh Arkib Negara Malaysia dan diguna pakai sebagai panduan pengurusan rekod yang seragam.

Susulan itu, sepanjang tahun 2025, bengkel *Digital Document Management System* (DDMS) telah dilaksanakan di 14 JKDM negeri, manakala baki dua (2) negeri dijadualkan pada tahun 2026 bagi memastikan pelaksanaan pengurusan rekod elektronik yang berkesan.

Pelaksanaan DDMS menyokong agenda pendigitalan kerajaan melalui pengurusan rekod yang lebih sistematik, cekap dan selamat, meningkatkan kebolehcapaian maklumat, mengurangkan kebergantungan kepada rekod fizikal, memastikan pematuhan perundangan serta memperkukuh tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan awam yang telus dan berintegriti.

Sesi latihan kepada pegawai-pegawai di JKDM Negeri telah dilaksanakan seperti jadual di bawah:

BIL	JKDM NEGERI	TARIKH
1.	Selangor	8-10 Julai 2025
2.	Pulau Pinang	15-17 Julai 2025
3.	Terengganu	22-24 Julai 2025

BIL	JKDM NEGERI	TARIKH
4.	WPKL	28-31 Julai 2025
5.	Kelantan	4-6 Ogos 2025
6.	WP Labuan	12-14 Ogos 2025
7.	LTAKL	19-21 Ogos 2025
8.	Sarawak	26-28 Ogos 2025
9.	Negeri Sembilan	2-4 September 2025
10.	Melaka	9-10 September 2025
11.	Perlis	23-25 September 2025
12.	Pahang	7-9 Oktober 2025
13.	Perak	14-16 Oktober 2025
14.	Johor	28-30 Oktober 2025









Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) Jabatan Kastam Diraja Malaysia Tahun 2025

Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) JKDM Tahun 2025 telah diadakan pada 25 hingga 27 Februari 2025 yang melibatkan 70 orang peserta yang terdiri daripada ahli Pasukan Tindakbalas Kecemasan (ERT) Ibu Pejabat JKDM. Objektif kursus ini adalah memberi pendedahan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil oleh pegawai yang dilantik sebagai Ahli Pasukan Tindakbalas Kecemasan (ERT) Ibu Pejabat JKDM sekiranya berlaku situasi kecemasan dan melatih serta memberi kemahiran kepada pasukan ERT mengenai kemahiran memadam api.







Penubuhan Unit Psikologi di Bawah Cawangan Khidmat Pengurusan, KPSM

Pada Oktober 2025, Cawangan Khidmat Pengurusan (CKP) di bawah Khidmat Pengurusan Sumber Manusia (KPSM) telah menerima penempatan seorang pegawai psikologi dibantu oleh seorang pegawai psikologi MyStep. Buat masa ini, penempatan pegawai-pegawai tersebut diletakkan di bawah seliaan Ketua Unit Kompetensi dan Pengurusan Rekod. Penempatan ini bertujuan memastikan perkhidmatan psikologi dapat dilaksanakan secara berterusan serta membolehkan warga JKDM mendapatkan khidmat sokongan psikologi dan kaunseling apabila diperlukan.



Bengkel Pindaan Sukatan dan Penggubalan Soalan Peperiksaan

Bengkel Pindaan Sukatan dan Penggubalan Soalan Peperiksaan telah diadakan pada 29 September hingga 2 Oktober 2025. Bengkel ini bertujuan untuk menyemak dan mengemas kini sukatan peperiksaan serta menggubal soalan peperiksaan selaras dengan keperluan semasa dan akta-akta terkini jabatan. Pelaksanaan bengkel ini memastikan kandungan dan penilaian peperiksaan sentiasa relevan serta mematuhi peruntukan perundangan yang berkuat kuasa.

Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)

Pada tahun 2025, JKDM Ibu Pejabat telah berjaya mengadakan tiga (3) kali mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Peringkat Pusat yang diadakan di Putrajaya seperti berikut:

Bil	Mesyuarat MBJ	Tarikh
1.	Bil 1/2025 ke-118	24 April 2025
2.	Bil 2/2025 ke-119	14 Ogos 2025
3.	Bil 3/2025 ke-120	28 November 2025





Laporan Aktiviti Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)

Sepanjang tahun 2025, JKDM telah mengadakan beberapa siri Amalan Gaya Hidup Sihat di bawah ANMS ini. Agenda Nasional Malaysia Sihat ini adalah satu usaha kerajaan yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang mana fasa pelaksanaan ini akan tamat pada tahun 2030. Sepanjang tahun 2025, Ibu Pejabat JKDM telah mengadakan program ini setiap bulan dan berjaya menjayakan sebanyak 40 program berterusan.









Laporan Aktiviti Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan merupakan program berterusan JKDM bagi mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) serta Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2019. Inisiatif ini bertujuan memastikan penjawat awam disediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan berkebajikan.

Pelaksanaannya selaras dengan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara yang dilancarkan pada 27 Februari 2019 bagi memperkukuh komitmen kerajaan dalam meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja termasuk penjawat awam







Pengurusan Majlis Jabatan

Pada tahun 2025, Bahagian KPSM telah menganjurkan beberapa majlis utama seperti berikut:

Bil.	Program/Majlis	Tarikh	Tempat
i	Majlis Paluan Berundur YBhg. Dato' Aidid bin Tajuddin, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri)	10 Januari 2025	Dewan Semarak Jati & Pekarangan Ibu Pejabat JKDM
ii	Majlis Paluan Berundur YBrs. Tuan Ribuan bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan)	24 Januari 2025	Dewan Semarak Jati & Pekarangan Ibu Pejabat JKDM
iii	Majlis Bersama Pengurusan Tertinggi Sempena Penubuhan Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA)	27 Februari 2025	Pekarangan Ibu Pejabat JKDM
iv	Program Ihya Ramadan Bersama Pengurusan Tertinggi JKDM	24 Mac 2025	Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat JKDM
v	Majlis Sambutan Aidilfitri JKDM Tahun 2025	24 April 2025	Pekarangan Ibu Pejabat JKDM
vi	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 & Jasamu Dikenang 2025 JKDM Ibu Pejabat	3 September 2025	Hotel Everly, Putrajaya
vii	Majlis Paluan Berundur YBhg. Dato' Sazali bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan	9 Disember 2025	Dewan Semarak Jati & Pekarangan Ibu Pejabat JKDM
viii	Majlis Paluan Berundur Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri) YBrs. Puan Norlela binti Ismail	11 Disember 2025	Dewan Semarak Jati & Pekarangan Ibu Pejabat JKDM

CAWANGAN PERKHIDMATAN DAN LATIHAN (CPL)

Perjawatan dan pengisian


Pada tahun 2025, jumlah perjawatan JKDM di seluruh Malaysia adalah sebanyak 13,853 perjawatan, iaitu pengurangan sebanyak 1,019 berbanding 14,872 perjawatan pada tahun 2024 seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut;

Perkara	Jumlah Perjawatan
Jumlah Perjawatan pada 31 Disember 2024	14,872
Pelaksanaan pentadbiran berasaskan negeri (unzoning) • Pewujudan Jawatan Baharu • Pemansuhan Jawatan • Pemansuhan Jawatan Tiada Penyandang dan Jawatan Sementara Perubahan Skim (JSPS)	 +29 -35 -7
Pindah Butiran Perjawatan ke Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Negara (AKPS)	-1,053
Perjawatan baharu bagi *Rail Transit System (RTS) Link Johor Baharu - Singapura*	47
Jumlah Perjawatan pada 31 Disember 2025	**13,853**

Kertas cadangan yang dikemukakan kepada agensi pusat pada tahun 2025

Pengurangan perjawatan tersebut adalah disebabkan oleh pemansuhan beberapa perjawatan berikutan pelaksanaan pentadbiran berasaskan negeri (*unzoning*), pemindahan butiran perjawatan ke Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Negara (AKPS), serta penstruktutan semula perjawatan melibatkan pertambahan perjawatan baharu bagi pengoperasian *Rail Transit System (RTS) Link Johor Baharu - Singapura*.

Dari segi pengisian perjawatan, kadar pengisian pada tahun 2025 turut mencatatkan penurunan sebanyak 2.03 peratus, iaitu daripada 95.76 peratus pada tahun 2024 kepada 93.73 peratus pada tahun 2025. Perbandingan jumlah perjawatan dan kadar pengisian bagi tahun 2024 dan 2025 adalah seperti yang dipaparkan di bawah;



Perbandingan waran dan pengisian bagi tahun 2024 dan 2025

Pengukuhan Organisasi

Pada tahun 2025, JKDM telah menerima beberapa kelulusan berkaitan kertas cadangan perjawatan yang telah dikemukakan pada tahun sebelumnya. Senarai kelulusan adalah seperti di bawah;

Bil.	Kertas Cadangan	Jumlah Perjawatan
1.	Waran perjawatan Tim Nukleus Pasukan Tempur Operasi Medan (Customs Operational Battleforce Response Assault - COBRA) JKDM secara bertempoh selama tiga (3) tahun mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027 melibatkan Waran Perjawatan Bil. A14 Tahun 2025 bertarikh 23 Januari 2025.	86 perjawatan (secara pindah butiran)
2.	Waran perjawatan pentadbiran berasaskan *unzoning* melibatkan Waran Perjawatan Bil. A338 Tahun 2024 dan Waran Perjawatan Bil. A112 Tahun 2025 bertarikh 8 Julai 2025.	29 perjawatan baharu 42 perjawatan mansuh 5,140 perjawatan pindah butiran
3.	Waran perjawatan bagi pengoperasian *Rapid Transit System* (RTS) Link Johor Baharu – Singapura melibatkan Waran Perjawatan Bil. A181 Tahun 2025 bertarikh 19 November 2025	47 perjawatan baharu

Kelulusan waran perjawatan yang diterima tahun 2025

Dalam usaha memperkukuh pengurusan perjawatan dan organisasi jabatan selaras dengan penambahbaikan pengurusan dan pembangunan modal insan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan arahan serta garis panduan pelaksanaan Audit Kendiri Perjawatan dan Organisasi (AKPO) kepada kementerian, jabatan dan agensi bagi memastikan pengurusan sumber manusia dapat dimanfaatkan secara optimum, cekap dan berkesan. Susulan kepada arahan tersebut, pada tahun 2025, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah melaksanakan AKPO bagi Zon Utara dan Zon Borneo.

i. **AKPO Zon Utara** – 8 hingga 11 November 2025 di JKDM Kedah
ii. **AKPO Zon Borneo** – 18 hingga 22 November 2025 di JKDM Sarawak

Pembangunan Model Perjawatan

Pada 28 Ogos 2024, JPA telah meminta JKDM menyediakan model perjawatan JKDM Negeri dan di pintu-pintu masuk yang boleh dijadikan rujukan dalam menentukan keperluan perjawatan, gred ketua jabatan, keseragaman nama unit dan *nomenclature*. Sehubungan dengan itu, JKDM telah mengorak langkah dengan membangunkan beberapa model perjawatan iaitu Model Perjawatan Mesin Pengimbas dan Model Perjawatan Lokap Kastam.

Selain itu, JKDM juga dalam proses membangunkan model perjawatan Anjing Pengesan Dadah JKDM, Bot Marin Kastam, pintu-pintu masuk dan JKDM Negeri. Pembentangan idea awal (*brainstorming*) bersama pihak MOF dan JPA telah pun dilaksanakan pada 7 Ogos 2025 di JKDM Johor.

UNIT PENGAMBILAN DAN PERKHIDMATAN

Pengambilan

Pada tahun 2025, JKDM telah melaksanakan tiga (3) urusan pengambilan pegawai lantikan baharu dengan jumlah calon seramai 87 orang seperti di bawah.

GRED JAWATAN	BIL. URUSAN PENGAMBILAN	BIL. CALON
Penguasa Kastam WK9	2	71
Penolong Penguasa Kastam WK5	0	0
Pembantu Penguasa Kastam WK1	1	16
JUMLAH	**3**	**87**

Bilangan Urusan Pengambilan JKDM Tahun 2025

Pasca Perkhidmatan

Bagi tahun 2025, Unit Pengambilan dan Perkhidmatan telah memproses 242 urusan persaraan pegawai daripada semua gred yang berkhidmat di JKDM.

JENIS PERSARAAN	PENGURUSAN TERTINGGI	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN & GUNASAMA	JUMLAH
Wajib	6	43	95	**144**
Pilihan	1	18	35	**54**
Meninggal Dunia	0	8	29	**37**
Atas Sebab Kesihatan	0	3	4	**7**
JUMLAH	**7**	**72**	**163**	**242**

Bilangan Urusan Pasca Perkhidmatan JKDM Bagi Tahun 2025

Urusan Menjalankan Tugas – Tugas (MTT) dan Penanggungan Kerja

Maklumat terperinci bagi Urusan Menjalankan Tugas-Tugas (MTT) dan Penanggungan Kerja adalah seperti berikut:

JENIS PENANGGUNGAN KERJA	PENGURUSAN TERTINGGI	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN & GUNASAMA	JUMLAH
Baru	19	37	26	**82**
Pelanjutan	0	9	19	**28**
Pelangkauan Melebihi Dua (2) Gred	0	0	10	**10**
JUMLAH	**19**	**46**	**55**	**120**

Bilangan Urusan MTT dan Penanggungan Kerja JKDM bagi Tahun 2025

UNIT PENEMPATAN

Penempatan dan Pertukaran oleh Bahagian KPSM, Ibu Pejabat

Pada tahun 2025, sebanyak 104 urusan penempatan dan pertukaran telah dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia (KPSM), Ibu Pejabat JKDM, yang melibatkan seramai 1,963 orang pegawai seperti dalam jadual di bawah:

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	BIL. URUSAN	BIL. PEGAWAI
1.	Penguasa Kastam	49	542
2.	Pembantu Penguasa Kastam	37	1,376
3.	Lain-Lain Skim Perkhidmatan (Gunasama)	18	45
JUMLAH		**104**	**1,963**

Bilangan Urusan Penempatan dan Pertukaran

Berdasarkan jadual tersebut, bilangan pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran oleh Bahagian KPSM, Ibu Pejabat merangkumi pertukaran yang diluluskan melalui Mesyuarat Panel Pertukaran JKDM serta pertukaran yang dilaksanakan berdasarkan pusingan kerja yang ditetapkan.

Pelaksanaan Urusan Pusingan Kerja Dalaman bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan melibatkan JKDM

Sepanjang tahun 2025, JKDM telah melaksanakan pusingan kerja melibatkan 3,261 pegawai daripada pelbagai gred di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri. Sehingga 31 Disember 2025,

kadar pelaksanaan direkodkan sebanyak 124.03%, sekali gus melebihi ketetapan minimum 50% yang ditetapkan melalui surat JPA bertarikh 9 April 2021 berhubung Pelaksanaan Urusan Pusingan Kerja Dalaman bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Ketetapan Minimum JPA	Jumlah Pegawai Terlibat	Peratus Pelaksanaan
≥ 50%	3,261 orang	124.03%

Sistem eTukar

Pada tahun 2025, Mesyuarat Panel Pertukaran Pegawai JKDM telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali bagi mempertimbangkan permohonan pertukaran pegawai melalui sistem eTukar. Seramai 224 pegawai telah dibuat pertukaran dengan pecahan 123 Pegawai Kanan, 91 Pegawai Kastam dan 10 Pegawai Gunasama.

UNIT NAIK PANGKAT

Pengurusan Kenaikan Pangkat

Urusan kenaikan pangkat adalah merupakan aspek penting pengurusan sumber manusia bertujuan untuk menghasilkan pegawai yang bermotivasi dan komited. Sepanjang tahun 2025, urusan pemangkuan yang telah dilaksanakan adalah melibatkan 421 pegawai dan kenaikan pangkat seramai 705 pegawai seperti jadual di bawah:

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	PEMANGKUAN (BIL. PEGAWAI)	NAIK PANGKAT (BIL. PEGAWAI)
1.	Penguasa Kastam	391	574
2.	Penolong Penguasa Kastam	9	21
3.	Pembantu Penguasa Kastam	21	103
4.	Lain-Lain Skim Perkhidmatan (Gunasama dan Bukan Gunasama Agensi Luar)	-	7
JUMLAH		**421**	**705**

Bilangan Pegawai bagi Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat

UNIT LATIHAN

Program Latihan/ Bengkel/ Kursus Tahun 2025

Sepanjang tahun 2025 sebanyak 144 Program latihan/bengkel/kursus telah berjaya dilaksanakan dengan kos yang terlibat sebanyak RM843,114.60 seperti jadual di bawah:

PERKARA PELAKSANAAN	PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN/ BENGKEL/ KURSUS TAHUN 2025
Bil. Kursus	**144**
Kos (RM)	**843,114.60**

Program Latihan/Bengkel/Kursus Tahun 2025



Program Traning of Trainers (TOT) Pementoran Jabatan Kastam Diraja Malaysia Tahun 2025 diadakan pada 24-26 Jun 2025 bertempat di Hotel Lexis Port Dickson



Program Menerajui Kecemerlangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia diadakan pada 25 hingga 27 Novermber 2025 bertempat di Cherngin Hills Convention & SPA Resort, Janda Baik, Pahang

Objektif Kualiti Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (Unit Latihan) MS ISO 9001:2015

Bagi Tahun 2025, seramai 12,071 (90.88%) warga JKDM telah menghadiri kursus melebihi 7 hari selaras dengan objektif kualiti Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (Prosedur Pengurusan Latihan) MS ISO 9001:2015 bagi memastikan sekurang-kurangnya 75% pegawai JKDM menghadiri kursus tujuh (7) hari dalam tempoh 1 tahun.

Cuti Belajar

Bagi tahun 2025, Cuti Belajar melibatkan seramai 30 orang pegawai seperti perincian berikut:

PERKARA	CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN BIASISWA	CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA	KURSUS JANGKA SEDERHANA
Kumpulan Pengurusan dan Professional	23	6	1
Kumpulan Sokongan	0	0	0
JUMLAH	**30**		

Cuti belajar bagi tahun 2025

UNIT DASAR DAN KEURUSETIAAN

Bengkel Bayaran Elaun Lebih Masa Bahagian Penguatkuasaan JKDM

Pada 12–13 Januari 2025, Unit Dasar Dan Keurusetiaan (UDK) telah menganjurkan Bengkel Bayaran Elaun Lebih Masa (ELM) bagi pegawai Bahagian Penguatkuasaan JKDM di Ibu Pejabat JKDM bagi membincangkan serta mencapai persefahaman bersama berhubung permohonan Kesatuan Pegawai Kastam Semenanjung Malaysia (KPKSM) agar pegawai yang menerima Bayaran Insentif Pencegah (BIPc) turut dipertimbangkan kelayakan ELM. Bengkel ini melibatkan wakil Kesatuan Pegawai Kanan Kastam (PERKASA), KPKSM, Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia (BKPSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Penganjuran ini mencerminkan komitmen JKDM dalam menjaga kebajikan pegawai selaras dengan keperluan operasi dan dasar saraan semasa.

Mesyuarat Kerja Semakan Semula Perintah Tetap Penjawatan

Selaras UDK dengan kerjasama Unit Latihan Ibu Pejabat (ULIP) telah mengadakan Mesyuarat Kerja Semakan Semula Perintah Tetap Penjawatan (PTP) pada 18–20 Jun 2025 bagi mengenal pasti dan mengemas kini PTP selaras dengan keperluan operasi serta dasar semasa Kerajaan. Mesyuarat yang dihadiri pegawai BKPSM Ibu Pejabat dan AKMAL ini bertujuan memastikan PTP yang tidak lagi relevan digantikan dengan peraturan baharu yang lebih sesuai dan bertepatan dengan amalan semasa.



Baris wakil AKMAL dan pegawai Cawangan Perkhidmatan dan Latihan, Ibu Pejabat

Mesyuarat Kerja Semakan Kadar Pembayaran dan Pemanjangan Kelayakan Elaun Tugas Pentaksiran (ETP) di Pelabuhan, Lapangan Terbang, Sempadan Jalan Darat, Zon Bebas dan Penggudangan

Pada 4–6 November 2025, UDK telah menganjurkan Mesyuarat Kerja Semakan Kadar Pembayaran dan Pemanjangan Kelayakan Elaun Tugas Pentaksiran (ETP) bagi meneliti semula kadar dan kelayakan ETP pegawai yang bertugas di pelabuhan, lapangan terbang, sempadan darat, zon bebas dan penggudangan. Mesyuarat yang dihadiri wakil BKPSM Ibu Pejabat, Bahagian Perkastaman serta Kewangan JKDM Negeri ini melibatkan pembentangan isu dan cabaran semasa sebagai asas penyediaan kertas cadangan penambahbaikan kadar dan kelayakan ETP agar lebih munasabah dan selaras dengan keperluan operasi semasa.








Barisan wakil JKDM negeri dan pegawai Cawangan Perkhidmatan dan Latihan, Ibu Pejabat

CAWANGAN PENGURUSAN KEWANGAN (CPK)

Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2025

Pada 31 Disember 2025, peruntukan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) yang dipinda di bawah Bekalan 10 (B10) dan Bekalan 11 (B11) yang diterima oleh JKDM adalah berjumlah **RM1,557,640,528.23** merangkumi Dasar Sedia Ada (DSA) sebanyak **RM1,353,980,000.00**, Dasar Program Khusus (DPK) sebanyak **RM183,221,582.19,** Bahagian Cukai sebanyak **RM5,992,209.23**, Mesyuarat ASEAN sebanyak **RM23,780.00**, Pemberian Kemudahan Projek Khas **RM11,698,000.00** dan Bayaran untuk Sektor Strategik sebanyak **RM2,724,956.81**.



Waran peruntukan telah diterima daripada Kementerian Kewangan pada **3 Januari 2025** dan pengagihan waran kecil kepada semua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) telah dibuat selaras dengan arahan Pekeliling Perbendaharaan (PP) yang mana pengagihan waran harus dilaksanakan sebelum 31 Januari setiap tahun.

Berdasarkan penjimatan/ penangguhan/ pembatalan bagi perolehan/ perkhidmatan/ kerja-kerja secara one-off/ kontrak yang telah dikenalpasti sepanjang tahun 2025 ini, JKDM telah berjaya mengoptimumkan perbelanjaan Jabatan termasuklah pelaksanaan pembayaran bagi perolehan kenderaan secara belian dan sewaan; penyelenggaraan kecil pejabat, stor dan kenderaan jabatan; pelarasan gaji minumum pekerja (PGM); perolehan perkakasan dan perisian Pusat Panggilan (CCC); dan pelaksanaan operasi khas kutipan cukai untuk mengejar sasaran ke atas kutipan hasil Jabatan menjelang akhir tahun 2025.

Prestasi Perbelanjaan

Pada tahun 2025, JKDM telah membelanjakan sebanyak **104.27%** daripada keseluruhan peruntukan mengurus yang diterima iaitu sebanyak **RM1,624,214,293.64** daripada **RM1,557,640,528.23** merangkumi keseluruhan peruntukan diterima seperti jadual berikut:-

PROGRAM	PERUNTUKANDIPINDA (RM)	PERBELANJAAN DAN TANGGUNGAN (RM)	PRESTASI (%)
Dasar Sedia Ada	1,353,980,000.00	1,432,380,432.02	105.79*
Dasar Program Khusus	183,221,582.19	173,088,230.68	94.47
Bahagian Cukai	5,992,209.23	5,992,209.23	100.00
Mesyuarat ASEAN	23,780.00	23,780.00	100.00
Pemberian Kemudahan Projek Khas	11,698,000.00	10,004,684.90	85.52
Bayaran untuk Sektor Strategik	2,724,956.81	2,724,956.81	100.00
JUMLAH	**1,557,640,528.23**	**1,624,214,293.64**	**104.27**

** maklumat adalah berdasarkan data terkini sebelum pelarasan peruntukan oleh pihak Kementerian Kewangan (MOF)*

JKDM sentiasa memastikan peruntukan ABM dibelanja berdasarkan unjuran dengan sasaran 95% Pusat Tanggung Jawab (PTJ) mencapai prestasi perbelanjaan sekurang-kurangnya 25% untuk suku pertama, 50% untuk suku kedua, 75% untuk suku ketiga dan 98% untuk suku keempat. Prestasi perbelanjaan tahun 2025 sebanyak **104.27%** telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2026

Anggaran Belanja Mengurus tahun 2026 Jabatan di bawah Bajet Berasaskan Keberhasilan (*Outcome Based Budgetting -OBB*) telah selesai disediakan pada **30 Mei 2025.**

Unjuran Keperluan Aliran Tunai dan Laporan Perbelanjaan

Pada tahun 2025, empat (4) unjuran keperluan aliran tunai perbelanjaan mengikut suku tahun dan 12 laporan perbelanjaan secara bulanan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan seperti yang dikehendaki.

Kedudukan Bil Lewat Bayar

Bagi tahun 2025, terdapat hanya satu (1) bil lewat bayar melebihi 14 hari daripada keseluruhan 99,202 bil yang diproses, iaitu bersamaan 0.001%. Jumlah bil lewat bayar bagi tahun 2025 ini mencatatkan rekod yang paling rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya seperti berikut;

Tahun	2022	2023	2024	2025
Bil > 14 hari	5	6	2	1

Pembayaran di bawah AP58(a).

Adalah menjadi salah satu matlamat Pengurusan Kewangan Jabatan iaitu memastikan pembayaran di bawah AP58(a) berada di tahap paling minimum kerana bayaran di bawah AP58(a) boleh menjejaskan peruntukan tahun 2025.

Bagi tahun 2025 sebanyak **365** bil di bawah AP58(a) berjumlah **RM2,810,887.71** telah selesai dibuat pembayaran.

Memproses Perubahan Gaji (SG20)

Pada tahun 2025 sebanyak 1,854 perubahan gaji (SG20) bagi pegawai di PTJ Ibu Pejabat telah diproses.

Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)

Pada tahun 2025, sebanyak **1,436** permohonan waran perjalanan udara untuk penerbangan dalam dan luar negeri telah berjaya dilaksanakan menjadikan purata penerbangan pegawai di Ibu Pejabat menggunakan kemudahan waran udara adalah 27 penerbangan setiap minggu.

Akaun Belum Terima Emolumen Terlebih Bayar (ABT ETB)

Pada tahun 2025, baki ABT Hutang-Hutang Lain adalah sebanyak 132 kes dengan nilai sebanyak **RM604,313.94**. Jumlah penyelesaian ABT bagi tahun 2025 adalah sebanyak **RM876,130.19** bersamaan dengan **59.18%.**

Perbandingan baki ABT ETB antara tahun 2024 dan 2025 menunjukkan terdapat peningkatan manakala jumlah penyelesaian pula terdapat pengurangan seperti maklumat berikut:

Tahun	2024	2025
Baki ABT (RM)	543,655.80	604,313.94
Nilai Penyelesaian (RM)	978,129.42	876,130.19

Mesyuarat Jawatankuasa

Pada tahun 2025, CPK telah mengadakan empat (4) kali mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan pada tarikh seperti berikut:

Bil	Mesyuarat JPKA	Tarikh Mesyuarat
1	Bil.1 Tahun 2025	19 Februari 2025
2	Bil.2 Tahun 2025	8 Mei 2025
3	Bil.3 Tahun 2025	26 Ogos 2025
4	Bil.4 Tahun 2025	3 November 2025

Pada tahun 2025, CPK telah mengadakan empat (4) kali mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMC) selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan pada tarikh seperti berikut:

Bil	Mesyuarat APMC	Tarikh Mesyuarat
1	Bil.1 Tahun 2025	3 Mac 2025
2	Bil.2 Tahun 2025	5 Mei 2025
3	Bil.3 Tahun 2025	13 Ogos 2025
4	Bil.4 Tahun 2025	26 November 2025

Pada tahun 2025, CPK telah mengadakan dua (2) kali Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah (KWA) Rokok dan Minuman Keras (Banderol) seperti berikut:

Bil	Mesyuarat KWA Banderol	Tarikh Mesyuarat
1	Bil.1 Tahun 2025	4 Ogos 2025
2	Bil.2 Tahun 2025	24 November 2025

Aktiviti Cawangan Pengurusan Kewangan

Bil.	Program	Tarikh
1	Kursus Pemerkasaan dan Pemantapan Cawangan Pengurusan Kewangan Tahun 2025	2–4 September 2025
2	Naziran Pematuhan Kewangan PTJ Kuantan	14–15 Oktober 2025
3	Kursus Literasi Digital: Pemanfaatan (Artificial Intelligence - AI) Dalam Tadbir Urus Kewangan	14–16 November 2025

CAWANGAN PENGURUSAN PEROLEHAN

PRESTASI PEROLEHAN JKDM

Prestasi pencapaian perolehan dibawah peruntukan belanja mengurus secara keseluruhan bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Perancangan Tahunan Keseluruhan	Jumlah Nilai Perolehan
Tender	78	499,285,280.22
Sebut Harga	228	63,807,454.40
Rundingan Terus	181	20,618,001.07
Jumlah	**487**	**583,710,735.69**

Prestasi pencapaian penggunaan sistem ePerolehan secara keseluruhan bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

Jumlah Peruntukkan Dianggar Menggunakan eP	Nilai Transaksi Penggunaan eP	Pencapaian Melalui eP
411,871,216.80	411,871,216.80	100%

PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN JKDM

Di bawah Rolling Plan 5 (RP5) tahun 2025, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), JKDM telah diperuntukkan Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) sebanyak RM75,247,254.08 bagi membiayai sebelas (11) projek yang terdiri daripada sepuluh (10) projek pembangunan fizikal dan satu (1) projek pembangunan bukan fizikal Sebanyak RM75,247,254.08 telah diperuntukkan di bawah Projek Pembangunan Fizikal, manakala tiada peruntukan kewangan bagi Projek Pembangunan Bukan Fizikal melibatkn projek Pembangunan Sistem Cukai Dalam Negeri (MyCDN) disebabkan proses perolehan masih belum boleh dilaksanakan sehingga mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA). JKDM mencatatkan prestasi perbelanjaan Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) amat memberangsangkan iaitu sebanyak 99.93% bagi tempoh berakhir 31 Disember 2025.

Prestasi pencapaian perbelanjaan Anggaran Belanja Pembangunan (ABP) berbanding peruntukan tahunan yang diluluskan adalah seperti berikut:

TAHUN	2025
Peruntukan Belanja Pembangunan	RM75,247,254.08
Perbelanjaan Belanja Pembangunan	RM75,191,189.60
% Perbelanjaan Belanja Pembangunan	99.93%



Gambar Projek Pembinaan Customs Examination Area (CEA) Kompleks ICQ Padang Besar, Perlis



Gambar Projek Pembinaan Blok Tambahan Pejabat Kastam Kangar



Gambar Projek Pembinaan Pejabat Kastam Pulau Pinang



Gambar Projek Pembinaan Stor Rampasan Pejabat Penguatkuasaan Kuching, Sarawak



Gambar Projek Baki Kerja Pembinaan Makmal Kastam Di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Melaka



Gambar Projek Menaik Taraf Bilik Kebal Di Cawangan Narkotik JKDM Kg. Jijan, Negeri Sembilan





Gambar Projek Pembinaan Slipway di Kompleks Penguatkuasaan Kastam Sungai Pulai, Gelang Patah





Gambar Projek Pembinaan Pontoon di Jeti Kastam Muara Tebas dan Jeti Kastam Jalan Gedong, Kuching, Sarawak

PEROLEHAN MESIN PENGIMBAS BAHARU

Bagi tahun 2025, JKDM telah menerima sebanyak 51 unit mesin pengimbas bagi pelbagai jenis/model yang ditempatkan di pintu-pintu masuk negara. JKDM melaksanakan perolehan perkhidmatan sewaan mesin pengimbas ini melalui peruntukan pembangunan yang telah diluluskan.

PEROLEHAN PERALATAN ICT

Sepanjang tahun 2025, JKDM telah melaksanakan perolehan perkhidmatan dan bekalan ICT melalui tiga (3) kaedah utama iaitu tender, sebut harga dan rundingan terus. Bagi kategori tender, sebanyak sepuluh (10) projek telah diluluskan merangkumi perolehan perkhidmatan keselamatan ICT, penyelenggaraan sistem, langganan perisian, sewaan infrastruktur ICT serta perolehan perkakasan pusat panggilan.

Selain itu, bagi kategori sebut harga, sebanyak tiga (3) perolehan telah dilaksanakan melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan perkakasan dan perisian ICT, pembaikan aset serta pembekalan peralatan pintar (smartboard). Manakala bagi kategori rundingan terus, satu (1) perolehan telah dilaksanakan bagi perkhidmatan penyelenggaraan dan menaik taraf perisian ASEAN Single Window (ASW) Gateway Malaysia untuk tempoh dua (2) tahun.

Secara keseluruhanya, jumlah perbelanjaan perolehan ICT bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM90,309,913.66. Pelaksanaan perolehan ini bertujuan untuk memastikan kelangsungan operasi sistem ICT jabatan, meningkatkan tahap keselamatan siber, serta menyokong kecekapan penyampaian perkhidmatan JKDM selaras dengan keperluan operasi semasa dan aspirasi pendigitalan sektor awam.

KURSUS & BENGKEL PENGURUSAN PEROLEHAN

Bengkel Tatacara Penyediaan Spesifikasi Tender dan Sebutharga bagi Perolehan Perkhidmatan dan Bekalan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology – ICT) serta Pembangunan Pengurusan Kontrak ICT JKDM telah diadakan pada 17 hingga 20 Februari 2025 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Tujuan bengkel Penyediaan Spesifikasi Tender Dan Sebutharga Bagi Perolehan Perkhidmatan Dan Bekalan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi *(Information and Communication Technology)* ICT di JKDM ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan bimbingan secara komprehensif kepada pegawai- pegawai di Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Cukai Dalam Negeri serta cawangan kewangan dan perolehan Ibu Pejabat yang mengendalikan tatacara perolehan kerajaan khususnya bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan ICT.





Gambar Sekitar Sesi Kursus dan Bengkel Perolehan 2025

CAWANGAN LOGISTIK

Laporan Kedudukan Aset Alih JKDM di dalam Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) sehingga 31 Disember 2025

Bagi tahun 2025, sebanyak 12,096 unit aset alih Jabatan telah direkodkan dengan jumlah keseluruhan nilai perolehan asal sebanyak RM86,198,613.94

Jenis Aset	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)
Harta Modal	2,086	78,723,560.47
Aset Alih Bernilai Rendah	10,010	7,475,053.47

Laporan Kedudukan Aset Hidup Haiwan sehingga 31 Disember 2025

Berikut adalah Laporan Kedudukan Semasa Aset Hidup Haiwan Jabatan yang telah direkodkan sepanjang tahun 2025:

Jenis Aset	Kuantiti	Nilai Perolehan Asal (RM)
Aset Hidup Haiwan (Anjing)	36	3,062,049.99

Laporan Kedudukan Stok bagi Stor Pusat dan Stor Utama JKDM sehingga 31 Disember 2025

JKDM mempunyai 1 Stor Pusat yang bertanggungjawab untuk membuat pembekalan stok kepada 38 Stor Utama Negeri/Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Secara keseluruhan, prestasi stor berada pada tahap cemerlang kerana berjaya mencapai kadar pusingan stok tahunan yang telah ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuat kuasa iaitu sekurang-kurangnya empat (4) kadar pusingan.

Kategori Stor	Kadar Pusingan Stok (KPS)	Nilai Keseluruhan Stok Simpanan (RM)
1 Stor Pusat	4.241	2,906,966.34
38 Stor Utama	4.831	3,778,499.970

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan OS27000 Sehingga 31 Disember 2025

Berikut adalah prestasi perbelanjaan bagi peruntukan OS 27000 sehingga 31 Disember 2025 dengan peratusan perbelanjaan sebanyak 100% :

Bil.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Jumlah Peruntukan 2025	20,532,205.84
2.	Jumlah Perbelanjaan	20,532,205.84

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan OS35000 Sehingga 31 Disember 2025

Berikut adalah prestasi perbelanjaan bagi peruntukan OS 35000 sehingga 31 Disember 2025 dengan peratusan perbelanjaan sebanyak 100% :

Bil.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Jumlah Peruntukan 2025	9,773,000.00
2.	Jumlah Perbelanjaan	9,773,000.00

Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Penyelenggaraan Kuarters Sehingga 31 Disember 2025

Berikut adalah prestasi perbelanjaan bagi peruntukan penyelenggaraan kuarters sehingga 31 Disember 2025 dengan peratusan perbelanjaan sebanyak 99.46% :

Bil.	PERKARA	JUMLAH (RM)
1.	Jumlah Peruntukan 2025	20,000,000.00
2.	Jumlah Perbelanjaan	19,892,934.51
3.	Baki Peruntukan	107,065.49
4.	Perbelanjaan oleh JKR	6,768.505.86


CAWANGAN AKAUN

SEMAKAN DOKUMEN AKAUN TERIMAAN (DAT)

Penyemakan DAT

Semakan DAT terhadap 131 Pejabat Pemungut (PP) JKDM di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan dalam tempoh 21 hari pada setiap bulan selepas DAT diterima bagi memastikan tatacara terimaan hasil dan lain-lain terimaan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa selain mengelakkan berlakunya kehilangan wang awam akibat daripada penipuan atau kecuaian. (Arahan Perbendaharaan 138)

Perbandingan Prestasi Penyemakan DAT bagi tahun 2025 dan 2024 adalah seperti jadual di bawah:-




Jumlah ketidakpatuhan yang dikuiri bagi semakan DAT telah menurun sebanyak kira-kira 66% pada tahun 2025 berbanding tahun 2024. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan ketara dalam tahap pematuhan, kawalan dalaman dan keberkesanan pengurusan DAT, selaras dengan usaha penambahbaikan dan pemantauan berterusan yang dilaksanakan. Pemantauan secara berterusan melalui semakan DAT akan menjadi asas kepada kriteria pemilihan PP untuk dilaksanakan naziran bagi kuiri tertinggi dan berulang.

NAZIRAN PEMATUHAN PERAKAUNAN AKRUAN HASIL

Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Hasil telah dijalankan oleh Cawangan Akaun, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (CA JKDM) ke atas 34 Pejabat Pemungut (PP) daripada keseluruhan 131 PP. Naziran Hasil yang dijalankan adalah bagi pungutan yang berkaitan *core-business* JKDM. Objektif Naziran Hasil adalah untuk menilai tahap kawalan dalaman serta mengenal pasti isu dan masalah yang mungkin berlaku dalam proses melaksanakan pengurusan terimaan hasil dan tindakan susulan oleh PP terhadap penemuan naziran tersebut. Laporan bagi Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Hasil telah disediakan melalui sistem *Integrated Audit Report and Feedback Management* (iAREF) dan maklumbalas penemuan naziran oleh PP juga disediakan melalui sistem yang sama.

Prestasi Naziran

Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Hasil telah dilaksanakan secara berasaskan risiko dengan menilai pematuhan terhadap pekeliling, prosedur serta arahan pengurusan perakaunan dan kewangan. Daripada 34 Pejabat Pemungut (PP) yang dinazir, 19 PP (60%) mencapai tahap cemerlang manakala 15 PP (40%) berada pada tahap baik. PP yang mencapai tahap cemerlang menunjukkan pematuhan dan kawalan yang sangat baik terhadap peraturan berkuat kuasa, manakala PP bertaraf baik mempamerkan prestasi memuaskan dengan ruang penambahbaikan ke arah tahap cemerlang.



Penemuan Naziran

Keseluruhan jumlah penemuan naziran adalah sebanyak 105 penemuan bagi 34 Pejabat Pemungut (PP) yang dilaksanakan naziran sepanjang tahun 2025. Berikut merupakan penemuan naziran tertinggi yang meliputi empat (4) skop hasil:-


a) Skop H - Pemeriksaan Mengejut sebanyak 34 penemuan (32%) melibatkan 21 PP;

b) Skop G - Penggunaan Peti Besi/ Bilik Kebal sebanyak 26 penemuan (25%) melibatkan 19 PP;

c) Skop D - Penyimpanan Dan Penggunaan Buku Resit sebanyak 15 penemuan (14%) melibatkan 11 PP; dan

d) Skop K - Penyimpanan Dan Pengurusan Rekod Kewangan sebanyak 10 penemuan (10%) melibatkan 9 PP.

Selebihnya meliputi pelbagai skop lain sebanyak 20 penemuan (19%) melibatkan 34 PP.



Perbandingan Prestasi PP/PTJ

Berdasarkan carta di atas, kesemua empat kategori penemuan tertinggi menunjukkan trend penurunan (penambahbaikan) pada tahun 2025 berbanding tahun 2024.

- Pemeriksaan Mengejut masih mencatatkan jumlah penemuan tertinggi pada tahun 2025 iaitu sebanyak 34 penemuan, namun jumlah ini menurun sedikit berbanding 35 penemuan pada tahun sebelumnya.

- Bagi Penggunaan Peti Besi, Bilik Kebal, atau Kabinet Besi Berpalang, jumlah penemuan berkurang daripada 27 penemuan pada tahun 2024 kepada 26 penemuan pada tahun 2025.

- Kategori Penyimpanan dan Penggunaan Buku Resit menunjukkan penurunan yang jelas kepada 15 penemuan pada tahun 2025 berbanding 20 penemuan pada tahun 2024.

- Penurunan paling ketara dicatatkan dalam kategori Penyimpanan dan Pengurusan Rekod Kewangan, yang jatuh mendadak daripada 42 penemuan pada tahun 2024 kepada hanya 10 penemuan pada tahun 2025.

Secara keseluruhannya, data ini menunjukkan peningkatan prestasi pematuhan memandangkan jumlah penemuan bagi setiap kategori telah berkurang berbanding tahun lalu.



Strategi Penambahbaikan

Strategi penambahbaikan telah disyorkan kepada semua PP semasa pelaksanaan naziran dan turut dinyatakan dalam Laporan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Hasil. Antara strategi tersebut adalah seperti berikut:



PENGURUSAN PERAKAUNAN TERIMAAN HASIL JKDM

Hasil Keseluruhan


Jumlah kutipan hasil keseluruhan JKDM yang telah diperakaunkan sehingga 31 Disember 2025 berjumlah RM76.356 bilion di mana RM76.179 bilion (99.77%) terdiri daripada Hasil Cukai Tidak Langsung manakala RM177 juta (0.23%) merupakan Hasil Bukan Cukai dan Pelbagai Terimaan.

Prestasi hasil tahun 2025 meningkat sebanyak RM10.618 bilion (16.15%) berbanding tahun 2024. Perbandingan hasil tahun 2025 dan 2024 adalah seperti di bawah:

PERBANDINGAN HASIL TAHUN 2025 DAN 2024

KOMPONEN	2025 RM Bilion	2024 RM Bilion	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) %
Duti Eksport	1.808	2.092	(13.54)
Duti Import	3.064	3.073	(0.29)
Duti Eksais Tempatan	6.263	6.704	(6.58)
Cukai Jualan (Dalam Negeri)	8.424	8.239	2.24
Cukai Jualan Import	17.159	13.271	29.30
Cukai Perkhidmatan	30.292	23.248	30.30
Levi	2.302	1.958	17.55
Duti Eksais (Import)	6.526	6.678	(2.28)
Cukai Pelancongan	0.338	0.309	9.53
Pelbagai	0.003	0.003	0.00
Hasil Cukai Tidak Langsung	**76.179**	**65.575**	**16.17**
Hasil Bukan Cukai	0.154	0.140	9.99
Pelbagai Terimaan	0.023	0.023	1.58
JUMLAH KESELURUHAN	**76.356**	**65.738**	**16.15**


Nota: Data dari Laporan iGFMAS yang dijana pada 8 Januari 2026



Perbandingan Hasil Tahun 2025 Dan 2024

Hasil Cukai Tidak Langsung

Pecahan hasil mengikut komponen cukai tidak langsung yang menjadi penyumbang utama bagi kutipan hasil Jabatan adalah seperti **Carta 2** berikut:



Pecahan Hasil Cukai Tidak Langsung Tahun 2025

Kompenan Cukai SST (RM)	
Cukai Jualan	25.583b
Cukai Perkhidmatan	30.292b
Jumlah	**55.875b**


Kompenan Cukai Selain SST (RM)	
Duti Kastam	4.872b
Duti Eksais	12.789b
Levi	2.302b
Cukai Pelancongan	0.338b
Pelbagai	0.003b
Jumlah	**20.304b**

PENGURUSAN PERAKAUNAN BAYARAN

i) Cawangan Akaun telah memproses Arahan Pembayaran melalui sistem iGFMAS seperti berikut :

		TAHUN 2025	TAHUN 2024
		Bil Arahan Pembayaran / RM	Bil Arahan Pembayaran / RM
1st Q	Januari - Mac	2,708 / RM 79,568,800.76	3,169 / RM 90,575,236.70
2nd Q	April - Jun	2,348 / RM 59,623,115.45	1,854 / RM 86,672,774.75
3rd Q	Julai - September	1,996 / RM 70,449,110.68	1,925 / RM 110,835,953.79
4th Q	Oktober - Disember	2,172 / RM 126,083,882.34	1,936 / RM 55,851,832.86
	JUMLAH	**9,224 / RM335,724,909.23**	**8,884 / RM 343,935,797.10**

Perbandingan Arahan Pembayaran Melalui Sistem iGFMAS Tahun 2025 Dan 2024



Pembayaran ini melibatkan PTJ JKDM Semenanjung sahaja dibawah Pejabat Perakaunan JKDM

Kaedah Dan Jumlah Bayaran Bagi Tahun 2025

(ii) Manakala, bagi prosesan Arahan Pembayaran melalui Sistem MyGST adalah seperti berikut :

		TAHUN 2025	TAHUN 2024
		Bil Arahan Pembayaran / RM	Bil Arahan Pembayaran / RM
1st Q	Januari - Mac	163 / RM 14,218,639.14	1,671 / RM 52,924,584.06
2nd Q	April - Jun	136 / RM 47,077,800.79	624 / RM 24,004,844.59
3rd Q	Julai - September	301 / RM 9,544,765.75	458 / RM 41,007,417.27
4th Q	Oktober - Disember	148 / 4,230,023.23	413 / RM 27,095,944.49
	JUMLAH	**748 / RM75,071,228.91**	**3,166 / RM 145,032,790.41**

Perbandingan Arahan Pembayaran Melalui Sistem MyGST Tahun 2025 Dan 2024

PENGURUSAN AKAUN AMANAH

(i) Kumpulan Wang Amanah / Akaun Amanah yang diselia oleh Cawangan Akaun adalah seperti berikut :
- Kumpulan Wang Amanah Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan
- Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Setem Cukai Minum Keras dan Rokok (Banderol)


(ii) Penyata Terimaan dan Bayaran (PTB) tahun 2024 untuk Kumpulan Wang Amanah / Akaun Amanah dibawah JKDM telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara sebelum tarikh yang ditetapkan iaitu 28 Februari 2025. Tarikh penghantaran PTB tahun 2024 adalah seperti berikut :



Tarikh penghantaran Penyata Terimaan Dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah

PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT


(i) Terdapat tiga (3) jenis deposit yang dipantau oleh Cawangan Akaun iaitu :



JENIS	JUMLAH (RM)
Deposit Am	1,386,120.26
Deposit Jaminan Diri	20,582,658.85
Deposit Rampasan	13,760,476.28
JUMLAH	**35,729,255.28**

Pecahan Akaun Deposit Pada 31 Disember 2025

(ii) Pada 31 Disember 2025, baki akaun deposit berjumlah RM35,729,255.28 dengan 4,989 pendeposit. Deposit Jaminan Diri merupakan deposit terbesar iaitu mewakili 57.61%. Pecahan deposit seperti di Carta 2 di atas.



Usia Pegangan Deposit Mengikut Jenis Pada 31 Disember 2025

BAB 3
PERKASTAMAN

CAWANGAN FASILITASI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

Gudang Pengilangan Berlesen (GPB)

Lesen GPB dikeluarkan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 65A Akta Kastam 1967. Secara prinsipnya, GPB adalah syarikat pengilang yang menghasilkan barang siap berorientasikan eksport di mana sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah nilai pengeluaran dalam tempoh 12 bulan hendaklah dieksport. GPB dibenarkan untuk menjual barang siap ke pasaran tempatan tidak melebihi 20%.

Bilangan syarikat gudang pengilangan berlesan bagi tahun 2024 dan 2025 (sehingga 31 Disember 2025) mengikut negeri:

BIL	NEGERI	2024	2025
1	Perlis	1	2
2	Kedah	191	199
3	Pulau Pinang	538	537
4	Perak	67	65
5	Selangor	293	294
6	WPKL	80	130
7	LTAKL	17	17
8	Negeri Sembilan	84	84
9	Melaka	71	73
10	Johor	700	670
11	Pahang	23	23
12	Terengganu	5	5
13	Kelantan	2	2
14	Sarawak	7	7
15	Sabah	4	4
JUMLAH		**2,083**	**2,112**

Penambahbaikan Prosedur Kerja

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	26 September 2025	Pindaan Perintah Tetap Kastam Bilangan 27 : Gudang Pengilangan Berlesen

Lawatan / Naziran Bersasar

BIL	TARIKH	NEGERI / STESEN TERLIBAT	SASARAN
1.	13 Mei 2025 hingga 16 Mei 2025	Pahang	Naziran Bersepadu Bahagian Cukai Dalam Negeri, Bahagian Perkastaman dan Bahagian Perkhidmatan Teknik Ibu Pejabat Bil 1/2025 ke Kuantan, Pahang
2	24 November 2025	Selangor	Lawatan Mengejut di Unit Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) JKDM Selangor

Bengkel / Taklimat / Kursus yang dianjurkan

BIL	TARIKH	BENGKEL	TEMPAT
1.	14 April 2025 hingga 16 April 2025	Bengkel Kemaskini Perintah Tetap Kastam (PTK) Bilangan 27 : Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) Siri 1/2025	JKDM Ibu Pejabat
2.	5 Ogos 2025 hingga 6 Ogos 2025	Bengkel Pemurnian PTK Bilangan 27 : GPB	JKDM Ibu Pejabat
3.	28 Oktober 2025 hingga 29 Oktober 2025	Bengkel Pemantapan PTK Bilangan 27 : GPB	JKDM Ibu Pejabat

Kedai Bebas Cukai (KBC)

Kedai Bebas Cukai (KBC) merupakan tempat yang dilesenkan oleh Ketua Pengarah Kastam di bawah seksyen 65D Akta Kastam 1967 untuk tujuan penjualan barang-barang berduti bebas cukai. Penjualan barang-barang tersebut adalah dibenarkan kepada pelancong luar negara dan warganegara Malaysia yang layak.

Bilangan syarikat dilesenkan sebagai KBC mengikut kategori dan negeri bagi tahun 2025:

NEGERI	KATEGORI KBC					JUMLAH
	LAPANGAN TERBANG	PELABUHAN	BANDARAYA	DALAM NEGERI	SEMPADAN	
Perlis	-	-	-	1	3	4
Kedah	-	-	-	3	-	3
Pulau Pinang	2	2	1	-	-	5

NEGERI	KATEGORI KBC					JUMLAH
	LAPANGAN TERBANG	PELABUHAN	BANDARAYA	DALAM NEGERI	SEMPADAN	
Perak	-	-	-	-	1	1
Selangor	1	1	1	0	-	3
WPKL	-	-	3		-	3
LTAKL	42	-	-	2	-	44
Negeri Sembilan	-	1	-	-	-	1
Melaka	-	2	-	-	-	2
Johor	2	5	-	-	-	7
Pahang	-	-	-	-	-	-
Terengganu	-	-	-	-	-	-
Kelantan	-	-	-	-	-	-
Sarawak	1	-	-	-	2	3
Sabah	2	-	-	-	-	2
Jumlah	**50**	**11**	**5**	**6**	**6**	**78**

Penambahbaikan Prosedur Kerja

Bil	Tarikh	Perkara
1.	22 Julai 2025	Pindaan ke atas Perintah Tetap Kastam Bil 55 - Kedai Bebas Cukai (KBC) di bawah Seksyen 65D Akta Kastam 1967

Lawatan / Naziran Bersasar

BIL	TARIKH	NEGERI / STESYEN TERLIBAT	SASARAN
1.	9 April 2025	JKDM LTAKL	Naziran ke KBC KLIA
2.	30 April 2025	WPKL	Lawatan ke KBC WPKL
3.	26 November 2025	Selangor	Lawatan ke KBC Selangor

Bengkel / Taklimat / Kursus yang dianjurkan

BIL	TARIKH	BENGKEL	TEMPAT
1.	17 hingga 18 April 2025	Pindaan Perintah Tetap Kastam Bil 55 Kedai Bebas Cukai	JKDM Ibu Pejabat

Gudang Berlesen

Lesen Gudang Berlesen dikeluarkan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967 untuk menyimpan barang-barang yang dikenakan duti kastam dan barang-barang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam.

Bilangan Gudang Berlesen (GB) Mengikut Negeri Dan Kategori Yang Dilesenkan Pada Tahun 2025:

BIL	NEGERI	GUDANG BERLESEN AWAM	GUDANG BERLESEN PERSENDIRIAN	GUDANG BERLESEN PEKEMA	DEPOT PELEPASAN PEDALAMAN (ICD)	JUMLAH
1	Perlis	5	5	1	-	11
2	Kedah	21	6	16	1	44
3	Pulau Pinang	47	7	20	-	74
4	Perak	4	1	11	1	17
5	Selangor	55	17	79	-	151
6	LTAKL	3	3	26	-	32
7	Negeri Sembilan	5	2	6	-	13
8	Melaka	2	1	8	-	11
9	Johor	23	13	49	1	86
10	Pahang	7	0	4	-	11
11	Terengganu	2	0	1	-	3
12	Kelantan	1	1	14	-	16
13	Sarawak	28	11	44	1	84
14	Sabah	13	7	14	-	34
15	WPKL	10	21	185	1	217
JUMLAH		**226**	**95**	**478**	**5**	**804**

Lawatan / Naziran Bersasar

BIL	TARIKH	NEGERI / STESYEN TERLIBAT	SASARAN
1.	18 April 2025	WPKL	Lawatan ke Gudang Berlesen di WPKL
2.	20 Ogos 2025	Johor	Lawatan ke Gudang Berlesen di Johor
3.	28 Ogos 2025	WPKL	Lawatan ke Gudang Berlesen di WPKL
4.	19 September 2025	Johor	Naziran Bersepadu Bahagian Cukai Dalam Negeri, Perkastaman dan Perkhidmatan Teknik Bil 2/2025
5.	25 November 2025	WPKL	Lawatan ke Gudang Berlesen di WPKL

Bengkel / Taklimat / Kursus yang dianjurkan

BIL	TARIKH	BENGKEL	TEMPAT
1.	19 Mac 2025	Taklimat kepada Ahli PEKEMA	Rafflesia Ballroom, Palm Garden Hotel, IOI Resort

Authorized Economic Operator (AEO)

Program AEO Peringkat Nasional.

Bagi tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2025, JKDM telah menganjurkan:

PROGRAM	JUMLAH
Webinar / Taklimat / Temu Seru (*Engagement*) Kepada Warga Jabatan / Kementerian / Jabatan / Agensi / Industri	25
Kursus AEO kepada *Account Manager* (AM) bertempat di AKMAL Melaka pada 13 hingga 17 Oktober 2025.	1
Sesi Awareness Program AEO kepada Industri	8

Bagi tahun 2025, sebanyak 17 syarikat telah menerima pengiktirafan AEO, menjadikan jumlah keseluruhan syarikat berstatus AEO sebanyak 194 syarikat. Perincian 17 syarikat yang diiktiraf sebagai AEO pada 2025 mengikut skop adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA SYARIKAT	SKOP
1.	Lite International Logistics Sdn. Bhd.	Ejen Kastam
2.	Sarafiah Natural Resources Sdn Bhd	Pengeksport
3.	Infinity Bulk Logistics Sdn Bhd	Pengimport & Pengeksport

BIL.	NAMA SYARIKAT	SKOP
4.	Tri-Mode System (M) Berhad	Ejen Kastam
5.	MI Services Malaysia Sdn Bhd	Pengimport & Pengeksport
6.	Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd.	Pengimport, Pengeksport & Pengilang
7.	ASE Electronics (M) Sdn. Bhd.	Pengimport, Pengeksport
8.	NX Transport Services (M) Sdn. Bhd.	Ejen Kastam, Operator Gudang
9.	Minebea Electronic Motor (M) Sdn Bhd	Pengimport, Pengeksport & Pengilang
10.	Toyo-Memory Technology Sdn Bhd	Pengimport, Pengeksport & Pengilang
11.	Sumitomo Electric Interconnect Products Sdn. Bhd.	Pengimport, Pengeksport & Pengilang
12.	Smith Detechtion Malaysia Sdn. Bhd	Pengimport, Pengeksport & Pengilang
13.	Encompass Industries Sdn. Bhd.	Pengimport, Pengeksport
14.	Trancy Logistics Sdn. Bhd.	Ejen Kastam
15.	Swee Cheong Watch Sdn. Bhd.	Pengimport
16.	X-FAB Sarawak Sdn. Bhd	Pengimport, Pengeksport
17.	Antara Steel Mills Sdn. Bhd.	Pengimport, Pengeksport



Seminar AEO & Business: Less Hassle, More Business anjuran AKMAL Melaka pada 30 April 2025 di UiTM, Shah Alam.



Webinar "Malaysia's AEO Journey: Strengthening Customs-to-Business Partnerships for Trade Facilitation" anjuran AKMAL Melaka

Mutual Recognition Arrangement (MRA) berkaitan AEO:

Di peringkat antarabangsa pula, sehingga 31 Disember 2025, Malaysia telah menandatangani sejumlah enam (6) MRA iaitu:

i. MRA dengan Pentadbiran Kastam Jepun pada 27 Jun 2014;
ii. MRA dengan Pentadbiran Kastam Hong Kong pada 17 Mac 2016;
iii. MRA dengan Pentadbiran Kastam Korea pada 16 Oktober 2017;
iv. MRA dengan Negara-negara ASEAN pada 19 September 2023;
v. MRA dengan Pentadbiran Kastam Singapura pada 18 Januari 2024; dan
vi. MRA dengan Pentadbiran Kastam New Zealand pada 10 September 2025.

Bahagian Perkastaman juga sedang di dalam proses rundingan MRA bersama beberapa Pentadbiran Kastam iaitu Amerika Syarikat, Australia, China, Thailand, Arau Saudi dan India.

Kemudahan Pengecualian Perbendaharaan

Kemudahan Pengecualian Perbendaharaan atau pengecualian duti dan/atau cukai diberikan di bawah kuasa Y.B. Menteri Kewangan Malaysia selaras dengan peruntukan seksyen 14(2) Akta Kastam 1967, seksyen 11(2) Akta Eksais 1976 dan seksyen 35(3) Akta Cukai Jualan 2018, bagi tujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan sektor perindustrian di Malaysia.

Semua permohonan pengecualian duti dan/atau cukai dipertimbangkan dan diproses oleh Jawatankuasa Pengecualian Cukai (JPC) yang dianggotai oleh wakil daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), JKDM, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) serta agensi-agensi Kerajaan berkaitan.

Bilangan Syarikat Yang Menikmati Kemudahan Pengecualian Perbendaharaan Mengikut Negeri:-

BIL.	NEGERI	JUMLAH SYARIKAT	
		TAHUN 2024	TAHUN 2025
1	WPKL	637	546
2	Selangor	1,354	1,187
3	LTA KL	162	152
4	Sabah	67	61
5	Melaka	152	148
6	Pulau Pinang	408	233
7	Negeri Sembilan	203	205
8	Terengganu	36	24
9	Perlis	3	3
10	Pahang	98	60
11	Kedah	130	85
12	Perak	269	170
13	Johor	539	559
14	Kelantan	8	8
15	Sarawak	87	55
JUMLAH KESELURUHAN		**4,153**	**3,496**

Lawatan / Naziran Bersasar

Bil.	Tarikh	Negeri Terlibat
1	13 hingga 16 Mei 2025	Naziran Bersepadu Bahagian Cukai dalam Negeri, Perkastaman & Perkhidmatan Teknik Ibu Pejabat JKDM 2025 - JKDM Pahang
2	17 hingga 19 September 2025	Naziran Bersepadu Bahagian Cukai dalam Negeri, Perkastaman & Perkhidmatan Teknik Ibu Pejabat JKDM 2025 - JKDM Johor

Bengkel / Taklimat / Kursus yang dianjurkan

Bil	Tarikh	Bengkel
1	28 hingga 30 Julai 2025	Bengkel Penambahbaikan Perintah Tetap Kastam Bil.54: Pemindahan Barang-Barang Berduti/Cukai Dengan Menggunakan Khidmat Pengangkut Berlesen (Licensed Carrier) Bilangan 1 Tahun 2025
2	24 hingga 26 September 2025	Bengkel Penambahbaikan Perintah Tetap Kastam Bil.98: Pelesenan Pengangkut Berlesen (Licensed Carrier)

Pulang Balik (*Drawback*) Duti Kastam

Kemudahan pulang balik duti (*duty drawback*) merupakan salah satu insentif yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara serta meningkatkan daya saing syarikat tempatan di peringkat antarabangsa.

Berikut adalah jumlah tuntutan yang diterima dan diproses oleh Bahagian Perkastaman zon/ negeri:

Permohonan Tuntutan Pulang Balik Di Bawah Seksyen 99 Akta Kastam 1967 Dan / Atau Seksyen 19 Akta Eksais 1976 Tahun 2025 - (Syarikat Bukan Berstatus AEO) :-

BIL	NEGERI	BAKI DIBAWA KE HADAPAN		FAIL DITERIMA		BIL FAIL DILULUSKAN		BIL FAIL TIDAK DILULUSKAN		BAKI FAIL BELUM SIAP	
		BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM
1	JOHOR	40	8,159,767.60	192	27,892,754.63	208	30,902,833.44	-	-	24	4,378,359.33
2	KEDAH	227	4,626,525.75	128	2,653,212.22	125	2,648,125.26	-	-	230	4,631,612.71
3	MELAKA	-	-	4	462,290.39	4	462,290.39	-	-	-	-
4	NEGERI SEMBILAN	8	516,539.95	67	3,260,250.83	67	3,227,036.12	-	-	8	516,539.95
5	PAHANG	-	-	8	260,962.09	8	260,962.09	-	-	-	-
6	PERAK	42	6,563,405.14	164	10,298,867.64	171	12,968,030.78	1	5,820.37	34	3,888,421.63
7	PULAU PINANG	16	309,757.71	95	3,137,501.99	93	2,987,189.72	2	138,175.07	16	416,719.81
8	SELANGOR	283	8,832,765.34	129	3,397,365.28	119	2,972,173.00	-	9,170.84	293	9,248,786.78
9	WPKL	11	346,882.95	63	1,326,872.38	63	1,445,824.80	1	8,295.27	10	211,978.62
	JUMLAH	**627**	**29,355,644.44**	**850**	**52,690,077.45**	**858**	**57,874,465.60**	**4**	**161,461.55**	**615**	**23,292,418.83**

Permohonan Tuntutan Pulang Balik Di Bawah Seksyen 99 Akta Kastam 1967 & Seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 Tahun 2025 - (Syarikat Berstatus AEO):-

BIL	NEGERI	BAKI DIBAWA KE HADAPAN		FAIL DITERIMA		BIL FAIL DILULUSKAN		BIL FAIL TIDAK DILULUSKAN		BAKI FAIL BELUM SIAP	
		BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM	BIL	RM
1	SELANGOR	80	3,074,492.57	42	1,666,735.06	29	1,331,127.40	13	35,004.87	80	3,375,095.36
2	WPKL	26	13,342,801.69	43	13,196,773.11	47	15,100,721.55	-	-	22	11,431,324.99
	JUMLAH	**106**	**16,417,294.26**	**85**	**14,863,508.17**	**76**	**16,431,848.95**	**13**	**35,004.87**	**102**	**14,806,420.35**

Zon Bebas

Zon bebas diwujudkan bagi memberi kemudahan pengecualian daripada pembayaran duti kastam, duti eksais dan cukai jualan ke atas barang-barang yang dibawa masuk, dikeluarkan atau dihasilkan dalam suatu zon bebas bertujuan untuk menggalakkan aktiviti pengilangan yang berorientasikan eksport serta aktiviti perdagangan seperti berniaga, memecah pukal, menggred, membungkus semula dan melabel semula.

Zon bebas adalah satu kawasan yang diisytiharkan oleh YB Menteri Kewangan melalui pemberitahuan dalam Warta Kerajaan Persekutuan sebagai zon perdagangan bebas (FCZ) atau zon perindustrian bebas (FIZ) di bawah subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990. Sehingga 31 Disember 2025, terdapat 32 pewartaan zon perdagangan bebas (FCZ) dan 24 pewartaan zon perindustrian bebas (FIZ). Perbezaan bilangan zon bebas pada tahun 2024 dan 2025 adalah seperti di jadual di bawah:

Jenis Zon Bebas	2024	2025
Zon Perdagangan Bebas	25	32
Zon Perindustrian Bebas	21	24

Jadual di bawah menyenaraikan zon bebas baharu yang telah diwartakan sepanjang tahun 2025:

Bil.	Zon Bebas	Tarikh kuatkuasa
1.	Bandar Bukit Kayu Hitam, Kedah	11 Februari 2025
2.	Kawasan Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Tanjung Pelepas (Fasa Dua), Johor	1 Mac 2025
3.	Zon Perindustrian Bebas Senai Airport City (Fasa 4), Johor	1 Julai 2025
4.	Zon Perdagangan Bebas Senai Airport City Mukim Tebrau, Johor	1 Julai 2025
5.	Zon Perindustrian Bebas Baharu Batu Berendam, Melaka	21 Julai 2025
6.	Zon Perdagangan Bebas Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Titi Tinggi, Perlis	14 November 2025
7.	Zon Perdagangan Bebas Maharani Freeport (Perairan Had Pelabuhan Muar), Johor	28 November 2025
8.	Zon Perdagangan Bebas Maharani Freeport (Kompleks MEG Tanjung Emas), Johor	28 November 2025
9.	Zon Perindustrian Bebas Maharani Freeport Industrial Park (Fasa 1), Johor	28 November 2025
10.	Zon Perdagangan Bebas Sunway City Iskandar Puteri (Fasa 1), Johor	15 Disember 2025

Program dan aktiviti Unit Zon Bebas, Cawangan Fasilitasi Perdagangan dan Perindustrian:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	24 Mac 2025	Lawatan tapak bagi pewartaan kawasan tempat letak kenderaan Texas Instrument Electronics Malaysia Sdn Bhd (TIEM) sebagai zon perindustrian bebas (FIZ) baharu di Batu Berendam, Melaka bagi tujuan pembinaan kilang baharu TIEM.
2.	08 Mei 2025	Mesyuarat dan lawatan kerja berhubung Projek ECRL, pengoperasian zon bebas dan isu-isu berkaitan di Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Kuantan, Pahang.
3.	10 Jun 2025	Program Naziran Bahagian Perkastaman JKDM Ibu Pejabat ke zon bebas di Pelabuhan Klang Negeri Selangor: i. Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang; ii. Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Selatan, Pelabuhan Klang; dan iii. Zon Perdagangan Bebas Bandar Sultan Sulaiman, Pelabuhan Klang.
4.	11 Jun 2025	Program Naziran Bahagian Perkastaman JKDM Ibu Pejabat ke zon bebas di Negeri Selangor: i. Zon Perdagangan Bebas Port Klang Free Zone (PKFZ), Pelabuhan Klang; ii. Zon Perindustrian Bebas PKFZ, Pelabuhan Klang; iii. Zon Perdagangan Bebas MILS Logistik Hub (MLH), Pelabuhan Klang; dan iv. Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang.
5.	13 Jun 2025	Program Naziran Bahagian Perkastaman JKDM Ibu Pejabat ke Zon Perindustrian Bebas Telok Panglima Garang, Selangor
6.	19 Jun 2025	Mesyuarat dan lawatan kerja bagi permohonan Taman Teknologi Jerman (GTP) di kawasan Bandar Hijau, Mukim Ayer Panas, Daerah Jasin, Melaka untuk dijadikan sebagai zon perindustrian bebas
7.	01 Julai 2025	Mesyuarat dan lawatan kerja bagi membincangkan cadangan pewartaan kawasan zon bebas Maharani Freeport, Muar, Johor
8.	02 Julai 2025	Mesyuarat dan lawatan kerja ke Lotte Chemical Titan di Pasir Gudang, Johor bagi membincangkan isu pergerakan dagangan antara gudang syarikat di dalam zon bebas dan premis kilang yang berada di kawasan utama kastam (KUK).
9.	02 Julai 2025	Mesyuarat bersama Johor Port Berhad dan JKDM Johor serta lawatan kerja ke Zon Bebas Pasir Gudang bagi membincangkan isu pewartaan baharu dan penyahwartaan sebahagian kawasan Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Pasir Gudang, Johor.
10.	21 hingga 22 Julai 2025	Bengkel Isu-Isu Berbangkit Dan Perkongsian Kaedah Kawalan Zon Bebas Se-Malaysia bertempat di JKDM Ibu Pejabat Putrajaya.

BIL.	TARIKH	PERKARA
11.	25 September 2025	Sesi Lawatan Tapak Bagi Tujuan Pewartaan Zon Perdagangan Bebas, Tempat Import/Eksport Yang Ditetapkan Dan Laluan Yang Ditetapkan di Zon Perdagangan Bebas Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Titi Tinggi, Perlis.
12.	29 Oktober 2025	Sesi Lawatan Tapak Bagi Tujuan Pewartaan Zon Perdagangan Bebas Sunway City Iskandar Puteri, Johor.

Senarai zon perdagangan bebas (FCZ) yang telah diwartakan adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA ZON BEBAS	PIHAK BERKUASA ZON	NEGERI
1	Stulang Laut, Johor	Majlis Bandaraya Johor Bahru	Johor
2	Pelabuhan Pasir Gudang, Johor	Johor Port Berhad	
3	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor (Fasa I)	Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd	
4	Kawasan Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Tanjung Pelepas (Fasa Dua)	Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd	
5	Terminal 2, Pelabuhan Johor, Pasir Gudang, Johor	Johor Port Berhad	
6	Tanjung Langsat, Johor Bahru, Johor	Johor Corporation	
7	Senai Airport City, Mukim Tebrau, Johor	Senai Airport City Services Sdn Bhd	
8	Zon Perdagangan Bebas Maharani Freeport (Perairan Had Pelabuhan Muar), Johor	Maharani Freeport Sdn Bhd	
9	Zon Perdagangan Bebas Maharani Freeport (Kompleks MEG Tanjung Emas), Johor	Maharani Freeport Sdn Bhd	
10	Zon Perdagangan Bebas Sunway City Iskandar Puteri, Johor (Fasa 1)	Sunway Iskandar Development Sdn Bhd	
11	Zon Perdagangan Bebas Senai Airport City Mukim Tebrau	Senai Airport City Services Sdn Bhd	
12	Zon Perdagangan Bebas Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail	Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd	

BIL.	NAMA ZON BEBAS	PIHAK BERKUASA ZON	NEGERI
13	Rantau Panjang, Kelantan	Majlis Daerah Pasir Mas	Kelantan
14	Pengkalan Kubor, Kelantan	Majlis Daerah Tumpat	
15	Dermaga Air Dalam, Pulau Pinang	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	Pulau Pinang
16	Kargo MAS, Pulau Pinang	Malaysia Airports Holdings Berhad	
17	Kompleks Kargo Udara Kedua Pulau Pinang	Malaysia Airports Holdings Berhad	
18	Pangkalan Kontena Butterworth Utara, Daerah Utara, Seberang Prai	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	
19	Bukit Kayu Hitam, Kedah	Majlis Daerah Kubang Pasu	Kedah
20	Bandar Bukit Kayu Hitam, Kedah	Northern Gateway Commercial Sdn. Bhd	
21	Pekan Bukit Kayu Hitam, Kedah	Majlis Daerah Kubang Pasu	
22	Pelabuhan Utara, Selangor	Lembaga Pelabuhan Klang	Selangor
23	Pelabuhan Barat, Selangor	Lembaga Pelabuhan Klang	
24	Pelabuhan Selatan, Selangor	Lembaga Pelabuhan Klang	
25	Port Klang Free Zone (PKFZ), Selangor	Port Klang Free Zone	
26	MILS Logistik Hub, Selangor	Meriah Selalu Sdn.Bhd.	
27	Bandar Sultan Sulaiman, Daerah Klang, Selangor	Lembaga Pelabuhan Klang	
28	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	Malaysia Airports Holdings Berhad	LTAKL
28	Tasik Kenyir, Terengganu	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Terengganu
30	Pulau Layang-Layang	-	Sabah
31	Zon Perdagangan Bebas Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Titi Tinggi, Perlis	Mutiara Perlis Sdn Bhd	Perlis

BIL.	NAMA ZON BEBAS	PIHAK BERKUASA ZON	NEGERI
32	Pelabuhan Kuantan	Lembaga Pelabuhan Kuantan	Pahang

Senarai zon perindustrian bebas (FIZ) yang telah diwartakan adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	PIHAK BERKUASA ZON	NEGERI
1	Pelabuhan Pasir Gudang, Johor	Johor Port Berhad	Johor
2	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor (Fasa I)	Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd	
3	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor (Fasa II)	Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd	
4	Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor (Fasa III)	Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd	
5	Zon Perindustrian Bebas Pusat Perindustrian Tanjung Bin	Johor Port Berhad	
6	Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Johor	Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd	
7	Senai Airport City Fasa Satu, Mukim Senai, Johor	Senai Airport City Services Sdn Bhd	
8	Zon Perindustrian Bebas Maharani Freeport Industrial Park (Fasa 1), Johor	Maharani Freeport Sdn Bhd	
9	Senai Airport City, Mukim Tebrau, Johor	Senai Airport City Services Sdn Bhd	
10	Zon Perindustrian Bebas Senai Airport City (Fasa 4)	Senai Airport City Services Sdn Bhd	
11	Batu Berendam, Melaka (Fasa I)	Invest Melaka Berhad	Melaka
12	Batu Berendam, Melaka (Fasa II)		
13	Batu Berendam, Melaka (Fasa III)		
14	Zon Perindustrian Bebas Baharu Batu Berendam		
15	Tanjung Kling, Melaka		
16	Seberang Prai, Pulau Pinang	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Pulau Pinang
17	Bayan Lepas, Pulau Pinang	Majlis Bandaraya Pulau Pinang	

BIL.	NAMA	PIHAK BERKUASA ZON	NEGERI
18	Sama Jaya, Kuching, Sarawak	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MINTRED)	Sarawak
19	Jelapang, Perak	Majlis Bandaraya Ipoh	Perak
20	Kinta, Perak	Majlis Bandaraya Ipoh	
21	Sungai Way, WPKL	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	WPKL
22	Ulu Klang, WPKL	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	
23	Port Klang Free Zone (PKFZ)	Port Klang Free Zone Sdn Bhd	Selangor
24	Telok Panglima Garang	Majlis Daerah Kuala Langat	

Bengkel Isu-Isu Berbangkit Dan Perkongsian Kaedah Kawalan Zon Bebas Se-Malaysia dari Stesen-Stesen Kastam Zon Bebas seluruh Malaysia dari 21 hingga 22 Julai 2025.



Rules of Origin (ROO)

Rules of Origin (ROO) adalah merupakan peraturan dan kriteria yang dibangunkan bagi menentukan tempat asal (*origin*) bagi sesuatu barang. Pengimport yang berhasrat menikmati kemudahan layanan tarif berkeutamaan di bawah sesuatu perjanjian perdagangan bebas (FTA) adalah perlu memenuhi peraturan dan kriteria tersebut.

Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* - FTA) yang ditandatangani dan dilaksanakan adalah untuk menggalakkan perdagangan antara rakan dagangan negara-negara anggota FTA. Dengan menawarkan layanan tarif berkeutamaan (*preferential tariff treatment*), JKDM adalah jabatan yang bertanggungjawab untuk memberikan layanan ini sebagai fasilitasi pengimportan dan dalam masa yang sama JKDM turut memastikan pengimport mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah FTA dan perundangan negara yang berkaitan. Sehingga penghujung tahun 2025, senarai FTA yang telah ditandatangani dan dilaksanakan adalah seperti dalam Jadual berikut:

JENIS FTA			
BILATERAL		**REGIONAL**	
NAMA FTA & SINGKATAN	**TARIKH KUATKUASA PERINTAH DUTI KASTAM**	**NAMA FTA & SINGKATAN**	**TARIKH KUATKUASA PERINTAH DUTI KASTAM**
Malaysia – Australia (MAFTA)	1 Januari 2013	ASEAN Free Trade Area (ATIGA)	1 Jun 2022
Malaysia – Chile (MCFTA)	25 Feburari 2012	ASEAN – Australia, New Zealand (AANZFTA)	1 Oktober 2019
The Malaysia-India Comprehensive Economic Cooperation Agreement (MICECA)	1 Julai 2011	ASEAN – China (ACFTA)	1 Ogos 2019
Malaysia – Japan (MJEPA)	13 Julai 2006	ASEAN – India (AIFTA)	1 Januari 2010
Malaysia – New Zealand (MNFTA)	1 Oktober 2020	ASEAN – Japan (AJCEP)	1 Julai 2020
Malaysia – Pakistan (MPCEPA)	1 Januari 2008	ASEAN – Korea (AKFTA)	1 Ogos 2020
Malaysia – Turkey (MTFTA)	1 Ogos 2015	ASEAN – Hong Kong, China (AHKFTA)	13 Oktober 2019
Malaysia - UAE (MY-UAE CEPA)	1 September 2025	Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)	18 Mac 2022

JENIS FTA			
BILATERAL		**REGIONAL**	
		Trans-Pacific Partnership Agreement (TPP) & Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (TPP & CPTPP)	30 Disember 2022
		Trade Preferential System among the Member States of the Organisation of the Islamic Conference (TPS – OIC)	1 Oktober 2023
		The Group of Developing Eight (D8 – PTA)	1 November 2013
JUMLAH	**8**	**JUMLAH**	**11**

Taklimat/ Seminar/Naziran/ Taklimat oleh Unit ROO

Bil.	AKTIVITI	JUMLAH AKTIVITI
1	Pelaksanaan taklimat, seminar dan kursus	11
2	Naziran ke negeri bagi memperkemas pematuhan terhadap prosedur	4 *JKDM Johor, Terengganu, Pulau Pinang dan LTAKL

Permohonan Verifikasi dan Laporan Penolakan Dokumen Tempat Asal (*Proof Of Origin*-POO)

Jenis Proses	Tahun		
	2023	**2024**	**2025**
Permohonan Verifikasi	138	86	246
Laporan Penolakan	200	285	228

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 246 permohonan *verifikasi Preferential Certificate of Origin* (PCO) dan 228 laporan penolakan PCO diterima. Berdasarkan jadual di atas, berlaku trend penurunan bagi permohonan menentukan kesahihan pengikraran barangan yang diimport menerusi verifikasi PCO namun berlaku kenaikan laporan penolakan PCO.

CAWANGAN IMPORT EKSPORT/KAWALAN DAN KAWALAN SEMPADAN

Pengurusan Pelesenan Rokok, Tembakau & Minuman Keras (RMK)

Bilangan Pemegang Lesen Mengimport Rokok Di Bawah Peraturan 42, Peraturan – Peraturan Kastam 2019 Pada Tahun 2024 dan 2025:-

BILANGAN PEMEGANG LESEN ROKOK	
2024	**2025**
33	29

Bilangan Pemegang Lesen Minuman Keras di bawah Peraturan 42, Peraturan – Peraturan Kastam 2019 Pada Tahun 2024 dan 2025:-

BILANGAN PEMEGANG LESEN MINUMAN KERAS	
2024	**2025**
344	299

Bilangan Pemegang Lesen Rokok, Tembakau & Minuman Keras di bawah Peraturan 42, Peraturan – Peraturan Kastam 2019 Pada Tahun 2025:-

NEGERI	BILANGAN PEMEGANG LESEN			
	MINUMAN KERAS / LIQUOR / SPIRIT	ROKOK	TEMBAKAU	JUMLAH
Johor	13	-	6	19
Kedah	20	1	6	27
Negeri Sembilan	1	1	3	5
Perak	8	-	2	10
Perlis	3	-	-	3
Pulau Pinang	25	6	7	38
Sarawak	17	2	-	19
Sabah	7	1	1	9
WP Labuan	10	1	1	12

NEGERI	BILANGAN PEMEGANG LESEN			
	MINUMAN KERAS / LIQUOR / SPIRIT	ROKOK	TEMBAKAU	JUMLAH
LTAKL	13	7	47	67
Selangor	55	-	12	67
WP Kuala Lumpur	127	10	34	171
Jumlah	**299**	**29**	**119**	**447**

Subunit Jeti Tempat Pendaratan Sah

Pewartaan Tempat Pendaratan Yang Sah (Laut), Tempat Import Eksport Melalui Jalan Raya/ Keretapi (Darat) Dan Lapangan Terbang Kastam (Udara)

Berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta Kastam 1967, pengimportan/pengeksportan barang-barang ke dalam/luar negara perlu dibuat di suatu tempat yang telah diwartakan sebagai Tempat Pendaratan Yang Sah (Laut), Tempat Import Eksport Melalui Jalan Raya/Keretapi (Darat) dan Lapangan Terbang Kastam (Udara).

Pewartaan yang telah diluluskan di bawah Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Bahagian IV, Peraturan-Peraturan Kastam 2019 pada tahun 2025 adalah seperti berikut:-

Bil	Tempat Pewartaan	Status	Tarikh Kuatkuasa
1.	Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar	Pindaan	15 Januari 2025
2.	Bukit Kayu Hitam ICD	Baru	26 Mac 2025
3.	Jeti Sarawak Petcham	Baru	26 Mac 2025
4.	Pangkalan Bekalan Tok Bali, Mukim Semerak, Jajahan Pasir Puteh, Kelantan	Pindaan	2 Jun 2025
5.	Jeti Pusat Perindustrian Tanjung Bin	Pindaan	1 September 2025
6.	Pejabat Kastam yang terletak dalam Zon Perdagangan Bebas Tunku Syed Sirajuddin, Mukim Titi Tinggi, Perlis	Baru	15 November 2025
7.	Pelabuhan Pengerang Terminals (Two) Sdn. Bhd. Pengerang, Kota Tinggi	Baru	8 Disember 2025

Perbandingan Bilangan Tempat Pendaratan Yang Sah, Tempat Import Eksport Melalui Jalan Raya/Keretapi dan Lapangan Terbang Kastam pada Tahun 2024 dan 2025 :-

	2024	2025
Tempat Pendaratan Yang Sah (Laut) (Seksyen 23 dan 26 Akta Kastam 1967)	**164**	**171**
Tempat Import/Eksport Melalui Jalan Raya/Keretapi (Darat) (Seksyen 25 dan 28, Akta Kastam 1967)	**42**	**44**
Lapangan Terbang Kastam (Udara) (Seksyen 24 dan 29, Akta Kastam 1967)	**31**	**31**

Kelulusan Tempat Pendaratan Di Bawah Seksyen 30 Dan 33 Akta Kastam 1967 (Jeti Persendirian)

Perbandingan Bilangan Tempat Pendaratan di bawah Seksyen 30 dan 33 Akta Kastam 1967 pada Tahun 2024 Dan 2025 (Sehingga Disember 2025):-

Bilangan Tempat Pendaratan (Seksyen 30 dan 33 Akta Kastam 1967)	
2024	**2025**
204	263

Pewartaan Pulau Bebas Cukai

Tiada permohonan yang diterima untuk memproses pewartaan Pulau Bebas Cukai (PBC) bagi tahun 2025.

Penglibatan JKDM Di Dalam Projek *Rapid Transit System* (RTS) *Link*

Sistem Transit Aliran Johor Bahru–Singapura (**RTS**) merupakan sistem transit aliran ringan rentas sempadan yang akan menghubungkan Johor Bahru, Malaysia dengan Singapura merentasi Selat Tebrau. Apabila siap kelak, sistem ini akan menjadi laluan kereta api penghubung kedua antara kedua-dua negara selepas perkhidmatan KTM Tebrau *Shuttle*.

Projek ini melibatkan dua stesen utama yang dilengkapi dengan fasiliti Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), iaitu Stesen Bukit Chagar di Johor Bahru dan Woodlands North di Singapura, yang beroperasi secara ***co-located***. Melalui konsep ini, pemeriksaan penumpang oleh agensi berkaitan dari kedua-dua negara dilaksanakan hanya sekali sahaja di negara di mana penumpang akan berlepas (*departure country*).

Konsep co-located CIQ ini diperuntukkan di bawah *Article 12 Bilateral Agreement (BA) Between The Government Of The Republic of Singapore and The Government Of Malaysia Concerning The Johor Bahru – Singapore Rapid Transit System Link*. Syarikat Malaysia Rapid Transit System Sdn. Bhd. (MRTS) telah dilantik sebagai pelaksana projek dan telah mengadakan beberapa siri mesyuarat serta bengkel bersama kementerian, jabatan dan agensi terlibat bagi memuktamadkan keperluan infrastruktur di Kompleks CIQ Bukit Chagar dan Woodlands North.

Berdasarkan Mesyuarat *RTS Bilateral Committee* (RTSBC) Ke-13 pada 3 November 2025, kemajuan projek menunjukkan pembinaan Depot Wadi Hana mencapai 91.88%, Stesen Bukit Chagar 78.54% dan Bangunan CIQ Bukit Chagar 80.82%. Bermula Jun 2025 hingga Julai 2026, semua agensi terlibat perlu melaksanakan proses penghantaran, pemasangan serta pengujian peralatan dan sistem sebagai persediaan operasi. Sistem ini dijangka mampu membawa lebih 10,000 penumpang sejam serta membantu mengurangkan kesesakan trafik di Tambak Johor apabila mula beroperasi yang dijadualkan pada 31 Disember 2026.

Kemajuan pelaksanaan ini adalah sejajar dengan dasar terkini kerajaan iaitu pembukaan baru dan pembukaan semula pintu-pintu sempadan antara Malaysia dengan negara jiran iaitu Singapura, Thailand dan Indonesia.

Penglibatan JKDM yang melibatkan Bahagian Perkastaman Ibu Pejabat dan JKDM Johor serta Pejabat Pemungut Cukai Kastam Persekutuan (PCKP) Singapura dalam projek RTS bermula sejak tahun 2018. Penglibatan ini merangkumi penyediaan 18 Joint Standard Operating Procedures (SOP) bagi fasiliti CIQ *co-located*, 7 SOP di bawah Joint Security Sub-Committee Work Group on Cross-Border Incident Management (JSEC WG CBIM) serta prosedur kerja di bawah *Joint Security Sub-Committee Work Group on Cyber Security Measures (JSEC WG CSM)*.

Kesemua SOP tersebut dibangunkan melalui perbincangan bersama pihak Malaysia dan Singapura dan kini sedang melalui proses semakan undang-undang (*legal vetting*) bagi memastikan keseragaman dengan undang-undang domestik serta selaras dengan *Supplementary Agreement* (SA).

Ejen Penghantaran dan Perkapalan

Ejen Penghantaran, Ejen Perkapalan, Ejen Pengangkut Barang dan *Direct User* adalah didaftarkan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967. Bilangan Ejen Penghantaran, Ejen Perkapalan, Ejen Pengangkut Barang dan *Direct User* Bagi Tahun 2025:-

BIL	NEGERI	BILANGAN EJEN			
		EJEN PENGHANTARAN	EJEN PERKAPALAN	EJEN PENGANGKUT BARANG	*DIRECT USER*
1	Johor	223	194	31	59
2	Kedah	42	12	-	51
3	Kelantan	18	5	-	8
4	WP Labuan	39	53	-	11
5	Negeri Sembilan	11	10	-	23
6	Pulau Pinang	173	68	141	267
7	Pahang	24	24	-	3

BIL	NEGERI	BILANGAN EJEN			
		EJEN PENGHANTARAN	EJEN PERKAPALAN	EJEN PENGANGKUT BARANG	*DIRECT USER*
8	Perak	21	13	1	36
9	Perlis	35	-	-	4
10	Sabah	103	67	-	18
11	Sarawak	179	150	7	46
12	Selangor	514	291	408	121
13	WPKL	124	15	-	119
14	LTAKL	82	9	244	5
15	Melaka	19	26	-	9
16	Terengganu	20	31	-	5
	JUMLAH	**1627**	**968**	**832**	**785**

Sesi libat urus bersama industri pada 20 Jun 2025 telah diadakan bagi membincangkan pengikraran Borang Kastam secara lengkap dan benar (*Full and True*) serta meningkatkan tahap pematuhan dan memperkukuhkan integriti dalam melaksanakan tugas di kalangan ejen kastam. Sesi ini telah di hadiri oleh 18 wakil persatuan/ syarikat ejen serta pegawai-pegawai JKDM.





Operasi Bersepadu JKDM Bersama Lembaga Getah Malaysia Tahun 2025

Pendahuluan

- Operasi Bersepadu ini merupakan inisiatif strategik antara Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan JKDM bagi memperkasakan penguatkuasaan terhadap pematuhan Akta Lembaga Getah Malaysia 1996 (Akta 551) dan Akta Kastam 1967 (Akta 235).

- Fokus utama : Mengesan sarung tangan getah yang dieksport tanpa memiliki lesen yang sah daripada LGM.

- Lokasi: **Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Utara, Selangor.**

- Tempoh operasi: **1 hingga 5 Disember 2025.**

Statistik Operasi (2025)

Data Pemeriksaan :

Perkara	Statistik / Maklumat
Jumlah Pengeksport	13 Pengeksport yang telah dikenalpasti
Jumlah Borang Kastam 2 (K2)	15 Borang
Jumlah Kontena Diperiksa	15 Kontena
Jenis Kesalahan Utama	3 Kontena didapati melanggar syarat LGM. Tindakan susulan akan diambil oleh pegawai LGM.





CAWANGAN INDUSTRI, PETROLEUM DAN GAS, LEVI KEUNTUNGAN

Unit Petroleum Huluan (UPSTREAM)

Kemudahan Pengecualian bawah Butiran 67, Perintah Duti Kastam 2017 adalah satu kemudahan yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai perjanjian kontrak dengan PETRONAS yang dipanggil sebagai "*Petroleum Arrangement Contractor*" (PAC) bagi menggalakkan perkembangan ekonomi dan industri petroleum dan gas di Malaysia. Ia merupakan satu insentif khas di bawah kuasa Menteri Kewangan.

Manakala, kemudahan Pengecualian bawah Butiran 68, Perintah Duti Kastam 2017 adalah satu kemudahan yang diberikan kepada syarikat-fabrikator ke atas bahan mentah dan komponen tertentu yang digunakan secara terus di dalam pengeluaran barang siap untuk menyokong aktiviti huluan petroleum dan gas. Syarikat Fabrikator lebih kepada menjalankan aktiviti pemasangan, pembinaan rig, coating dan kimpalan.

Sehingga kini, terdapat 30 syarikat *Petroleum Arrangement Contractor* (PAC) yang diwartakan di bawah Butiran 67 dan 8 syarikat fabrikator yang diwartakan di bawah Butiran 68, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017.

Pemegang Lesen Pangkalan Bekalan Petroleum (PBP)

PBP dilesenkan di bawah Seksyen 77B, Akta Kastam 1967 (Pindaan 2019) ke atas mana-mana orang yang akan mengurus dan mentadbir PBP yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Bilangan Pemegang Lesen Pangkalan Bekalan Petroleum (PBP) Tahun 2025 adalah seperti berikut:-

i. Pangkalan Bekalan Kemaman (KSB)
ii. Pangkalan Bekalan Tok Bali (TBSB)
iii. Pangkalan Bekalan Petroleum Borneo Oil & Gas, Bintulu Sarawak.

UNIT PETROLEUM HILIRAN (DOWNSTREAM)

Syarikat minyak utama merupakan syarikat yang menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan petroleum di Malaysia. Syarikat-syarikat tersebut perlu mendapatkan kelulusan di bawah *Petroleum Development Act* (PDA) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti seperti jualan runcit, bunkering, borong dan lain-lain.

NO	NAMA SYARIKAT
1	PETRONAS DAGANGAN BERHAD
2	PETRON MALAYSIA
3	BOUSTEAD PETROLEUM MARKETING SDN BHD

NO	NAMA SYARIKAT
4	SHELL MALAYSIA TRADING SDN BHD
5	CHEVRON MALAYSIA LIMITED
6	XCEL PETROLEUM SDN BHD
7	FIVE PETROLEUM MALAYSIA SDN BHD

Gudang Berlesen Petroleum

Gudang Berlesen Petroleum merupakan lesen yang dikeluarkan di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967 bertujuan untuk penyimpanan barangan berduti/cukai petroleum yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam. Petroleum yang disimpan di gudang berlesen ini ditangguhkan pembayaran duti dan cukainya sehingga barangan tersebut dikeluarkan sama ada untuk kegunaan tempatan atau untuk dieksport semula. Bilangan Gudang Berlesen Petroleum yang telah dilesenkan adalah seperti berikut:

BIL	JENIS GUDANG	BILANGAN
1	Gudang Berlesen Persendirian Petroleum	29
2	Gudang Berlesen Awam Petroleum	15
JUMLAH		**44**

Lawatan/Naziran 2025:

BIL	TARIKH	LAWATAN/ NAZIRAN	LOKASI
1	19 hingga 20 Februari 2025	Lawatan Kerja Ke Syarikat Contemporary Logistics Sdn Bhd (Floating Storage Unit – FSU)	Johor Bharu
2	12 hingga 16 Mei 2025	Naziran Bersepadu Bahagian CDN, Perkastaman Dan Perkhidmatan Teknik Ibu Pejabat JKDM Bil.1/2025	JKDM Pahang
3	22 hingga 24 Julai 2025	Naziran Berobjektif Menyasarkan Operasi Khas Pungutan Hasil Perkastaman Ke Atas Gudang Berlesen Petroleum	JKDM Pulau Pinang
4	12 hingga 13 Ogos 2025	Lawatan Kerja Berobjektif Ke Gudang Berlesen Awam Petroleum	Pengerang, Johor
5	20 November 2025	Lawatan Kerja Petronas Regas Terminal Sungai Udang Dan *Floating Storage Unit* (FSU)	Sungai Udang, Melaka

Bengkel/Taklimat/Kursus 2025:

BIL	TARIKH	BENGKEL/ TAKLIMAT/ KURSUS
1	27 hingga 28 Mei 2025	Bengkel Perintah Tetap Petroleum Bil. 6 - Pembekalan Bahan Petroleum Untuk Aktiviti *Bunkering*
2	28 hingga 29 Oktober 2025	Bengkel Perintah Tetap Petroleum Bil. 7: Gudang Berlesen Petroleum
3	20 Jun 2025	Sesi Libat Urus Bagi Membincangkan Mengenai Larangan JKDM Ke Atas Penyimpanan Bahan Bunker Diesel Di Dalam Kapal Tangki/Baj Yang Telah Diluluskan Untuk Penstoran Di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 Bagi Tujuan Mendapatkan Pengecualian Cukai Jualan

Unit Kemudahan dan Insentif

Lesen Mengilang Eksais

Bilangan Pemegang Lesen Eksais bagi pengilang di bawah Seksyen 20, Akta Eksais 1976 pada tahun 2025:

NEGERI	BILANGAN PEMEGANG LESEN EKSAIS DI BAWAH SEKSYEN 20, AKTA EKSAIS 1976										
	KENDERAAN PENUMPANG	MOTOSIKAL	PEMBOTOLAN MINUMAN KERAS	PENGILANG MINUMAN KERAS	ROKOK	DAUN TERUP	TEMBAKAU	MINUMAN BERGULA	TODI	VAPE	PREMIX
KEDAH	3	4	2	1			4	4		1	12
LTAKL			1					3		2	3
SELANGOR	5	5	7	4				14		5	6
JOHOR	1	2	2	2	1			5	3	1	13
KELANTAN								6			9
NEGERI SEMBILAN				1	1			3		3	5
PULAU PINANG		2	7			1	1	4			15
PAHANG	1							1			
PERAK	1		7	4	1		5	4	4		13
SABAH				2							
SARAWAK		2		17							

NEGERI	BILANGAN PEMEGANG LESEN EKSAIS DI BAWAH SEKSYEN 20, AKTA EKSAIS 1976										
	KENDERAAN PENUMPANG	MOTOSIKAL	PEMBOTOLAN MINUMAN KERAS	PENGILANG MINUMAN KERAS	ROKOK	DAUN TERUP	TEMBAKAU	MINUMAN BERGULA	TODI	VAPE	PREMIX
PERLIS				1							1
TERENGGANU								1			
WPKL	7	4	8	4			2	6		21	4
MELAKA	2	1	1	1				2	2	2	10
JUMLAH KESELURUHAN	**20**	**20**	**35**	**37**	**3**	**1**	**12**	**53**	**9**	**35**	**91**

Lesen Menggudang Eksais

Bilangan Pemegang Lesen Gudang Eksais di bawah Seksyen 25, Akta Eksais 1976 pada tahun 2025:-

NEGERI	BILANGAN PEMEGANG LESEN GUDANG EKSAIS
Selangor	10
Negeri Sembilan	2
Pahang	2
Perak	1
WPKL	3
JUMLAH KESELURUHAN	**18**

Pungutan Hasil Duti Eksais Tempatan

Pungutan Hasil Duti Eksais Tempatan Bagi Tahun 2025:-

KOD HASIL	KOMODITI	RM
309	Minuman Keras buatan tempatan	157,468,217
310	Bir daripada Malt	1,815,989,829
311	Wine	3,158,577
312	Rokok Buatan Tempatan	26,265,070

KOD HASIL	KOMODITI	RM
313	Tembakau	4,866,348
314	Curut	126,592
318	Kenderaan Bermotor Penumpang	3,324,055,849
319	Kenderaan Bermotor Dagangan	23,506
321	Motosikal Dan Skuter	749,862,722
322	Kenderaan-Kenderaan Lain	-
326	Daun-daun Terup	116,523
332	Duti Eksais Yang Lain	75,157
334	Duti Eksais Tempatan Minuman Bergula	29,525,016
335	Rokok Elektronik / Vape Pakai Buang Bernikotin	2,400
336	Rokok Elektronik / Vape Pakai Buang dan Cecair / Gel Tidak Bernikotin	1,200
337	Cecair / Gel Rokok Elektronik	19,387,677
338	Penyediaan Pracampuran	26,751,638
JUMLAH		**6,157,676,321**

Levi Keuntungan Luar Biasa

Bilangan pendaftar Sijil Levi Keuntungan Luar Biasa (Buah Kelapa Sawit) di bawah Seksyen 8, Akta Levi Keuntungan Luar Biasa (Buah Kelapa Sawit) 1998 dan pungutan hasil pada tahun 2025:-

NEGERI	BILANGAN PENDAFTAR	PUNGUTAN HASIL (RM)
Kedah	80	11,374,955
LTAKL	18	4,480,106
Selangor	84	22,969,810
Johor	441	164,896,468
Kelantan	86	24,854,934
Negeri Sembilan	109	24,696,774
Pulau Pinang	77	16,937,226

NEGERI	BILANGAN PENDAFTAR	PUNGUTAN HASIL (RM)
Pahang	233	135,567,456
Perak	280	150,677,290
Sabah	1,082	279,187,741
Sarawak	525	348,864,720
Perlis	1	139,216
Terengganu	48	30,345,248
WPKL	287	557,980,721
Melaka	82	19,749,948
JUMLAH	**3,433**	**1,792,722,613**

CAWANGAN MESIN PENGIMBAS

Kos Penyelenggaraan

Ringkasan kos penyelenggaraan mesin pengimbas milik Jabatan dan peralatan sokongannya adalah seperti berikut:-

TAHUN	KOS (RM)
2022	7,385,759.10
2023	5,437,538.00
2024	7,387,632.97
2025	7,624,170.61
JUMLAH KESELURUHAN	**27,835,100.68**

Kos Sewaan

Kos sewaan mesin pengimbas Jabatan dan peralatan sokongannya pada tahun 2025 berjumlah RM46,251,498.00.

Aktiviti/Latihan

Ringkasan pelaksanaan latihan kepada para pengendali dan juga pengemaskinian prosedur/ tatacara pengoperasian mesin pengimbas JKDM adalah seperti berikut:-

BIL	AKTIVITI	AKTIVITI	LOKASI
1.	Kursus Pengenalan Pengoperasian, Peralatan dan Asas Analisis Imej Mesin Pengimbas Bagasi Nuctech Cx8065d JKDM	26 Mac 2025	Johor
2.	Kursus *Image Interpretation for Cargo Scanner Machine Drive-Through Single-View Dual-Energy Systems* (SVDES) Siri 1 Tahun 2025 JKDM	21 hingga 25 April 2025	Johor
3.	Kursus Pembangunan Modul Analisis Imej Mesin Pengimbas Badan *Teraherz Imaging Instrument* Nuctech Th1800 untuk JKDM di Kuching	28 April hingga 2 Mei 2025	Sarawak
4.	Kursus Analisis Imej Mesin Pengimbas Badan *Teraherz Imaging Instrument* Nuctech Th1800 Siri 1 Tahun 2025 untuk JKDM	24 hingga 26 Jun 2025	Kuala Lumpur
5.	Kursus Analisis Imej Mesin Pengimbas Kargo Udara *(Air Parcel)* Nuctech Cx180180d Siri 1 Tahun 2025 untuk JKDM	16 hingga 18 Julai 2025	Sarawak
6.	Kursus Analisis Imej Mesin Pengimbas Bagasi Cetc Bve-100100t Siri 1 Tahun 2025 untuk JKDM	13 hingga 15 Ogos 2025	Kedah
7.	Kursus Analisis Imej Mesin Pengimbas Bagasi Nuctech Cx100100d Siri 1 Tahun 2025 untuk JKDM	9 hingga 11 September 2025	Sarawak
8.	Kursus Analisis Imej Mesin Pengimbas Bagasi Cetc Bve-100100d Siri 2 Tahun 2025 untuk JKDM	23 hingga 25 September 2025	Terengganu
9.	Kursus Analisis Imej Mesin Pengimbas Bagasi Cetc Bve-100100d Siri 3 Tahun 2025 untuk JKDM	22 hingga 24 Oktober 2025	Sabah
10.	Kursus *Train Of Trainer* (TOT) *Operation and Equipment For Cargo Scanner Machine Single View Dual Energy Systems* (SVDES) Cgn Begood Bgv6000 JKDM Zon Semenanjung	25 hingga 27 November 2025	Pulau Pinang

BIL	AKTIVITI	AKTIVITI	LOKASI
11.	Kursus Kesedaran Keselamatan Sinaran dan Analisa Imej Mesin Pengimbas Bagasi dan Badan Smiths Heimann Siri 1 Tahun 2025 untuk JKDM	18 hingga 19 November 2025	Cyberjaya

CAWANGAN PEMODENAN DAN OPERASI TEKNIKAL (CPOT)

Cawangan Pemodenan dan Operasi Teknikal (CPOT) bertanggungjawab mengurus, merancang, mencadang dan melaksanakan pembangunan sistem baharu dengan menjalankan kajian terperinci termasuk melaksanakan keperluan pengguna (*Business Requirement Specification*-BRS) bagi proses kerja keseluruhan perkastaman dan lain-lain bahagian. Kajian BRS ini penting bagi proses kerja semasa '*as is*' kepada proses kerja '*to be*' bagi cadangan pembangunan sistem baharu perkastaman.

Pelbagai aktiviti bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH
1	Sesi Libat Urus & Taklimat	5
2	Sesi *Knowledge Sharing / Technology Update*	7
3	Bengkel & Program Strategik	3



Mesyuarat Pengesahan Status Dan Keperluan Penggunaan Modul Sistem Maklumat Kastam (SMK) Bagi Tujuan Pembangunan Sistem Baharu Perkastaman (Fasa 1)



Sesi Libat urus dengan pegawai penaksir JKDM Perlis



Sesi Libat urus dengan pegawai penaksir JKDM Kedah



Taklimat Dashboard Perkastaman di JKDM Selangor



Mesyuarat Memuktamadkan Proses Kerja Keperluan Bisnes & Teknikal Bagi Sistem Baharu Perkastaman JKDM

OPERASI PEMERIKSAAN BAHAGIAN PERKASTAMAN 2025

102
OPERASI KHAS / BERSEPADU
DI PELABUHAN / PINTU-PINTU MASUK NEGARA

1720
PEMERIKSAAN GUDANG
SYARIKAT GUDANG BERLESEN DAN GUDANG PENGILANGAN BERLESEN

66
OPERASI PENGIMPORTAN
ROKOK, TEMBAKAU DAN MINUMAN KERAS

325
OPERASI PENDAFTARAN
PELESEN LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA KELAPA SAWIT

186
PEMERIKSAAN PENGILANG
KE ATAS PENGILANG EKSAIS


619
PEMERIKSAAN PENGECUALIAN
SYARIKAT YANG MENIKMATI KEMUDAHAN PENGECUALIAN DUTI / CUKAI


589
VERIFIKASI DOKUMEN
PENOLAKKAN DOKUMEN TEMPAT ASAL (PCO)

BAB 4
CUKAI DALAM NEGERI



STRUKTUR BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI (CDN)





STATISTIK UTAMA BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

01 PENDAFTARAN

CJ : 23,488

CP :100,079

TTX : 6,099

02 PENGHANTARAN PENYATA

CJ : 118,075

CP : 551,208

TTX : 1,336

03 KETETAPAN KASTAM & ISU TEKNIKAL

KETETAPAN KASTAM
CJ: 4
CP:55

ISU TEKNIKAL DISELESAIKAN: 74

04 PENGECUALIAN

BILANGAN SIJIL DIKELUARKAN

JADUAL A: 210,518
JADUAL B: 836
JADUAL C: 218,836

05 HASIL BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

RM39.874 bilion

*Menyumbang 52.42% daripada hasil keseluruhan JKDM

06 PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PROGRAM *HANDHOLDING*

313

07 KAJIAN

BILANGAN KAJIAN DASAR DAN POLISI 2025:

CAWANGAN DASAR CUKAI JUALAN : 7

CAWANGAN KHAS : 22

08 NAZIRAN BERSEPADU

3 SIRI NAZIRAN

*Nota:
Cukai Jualan – CJ
Cukai Perkhidmatan – CP
Cukai Pelancongan – TTX


LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

PRESTASI PENDAFTARAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (SALES & SERVICE TAX - SST)

CUKAI JUALAN

Carta di bawah menunjukkan jumlah pengilang berdaftar Cukai Jualan bagi tahun 2025, iaitu sebanyak 23,488 pendaftar. Jumlah ini meningkat sebanyak 3,388 pendaftar atau 16.86% berbanding 20,100 pendaftar pada tahun 2024, didorong oleh semakan semula kadar Cukai Jualan yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025.

JUMLAH KESELURUHAN: 23,488




Prestasi Pendaftaran Pengilang Berdaftar Mengikut Negeri Bagi Tahun 2025

CUKAI PERKHIDMATAN

Carta di bawah menunjukkan jumlah berdaftar Cukai Perkhidmatan bagi tahun 2025, iaitu sebanyak 100,079 pendaftar. Jumlah ini meningkat sebanyak 29,811 pendaftar atau 42.42%. berbanding 70,268 pendaftar pada tahun 2024, didorong oleh peluasan skop cukai perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025.

JUMLAH KESELURUHAN: 100,079




Prestasi Pendaftaran Pendaftar Cukai Perkhidmatan Mengikut Negeri Sehingga Disember 2025

CUKAI PELANCONGAN (TOURISM TAX - TTX)

Carta di bawah menunjukkan jumlah pendaftar cukai pelancongan bagi tahun 2025, iaitu sebanyak 6,099 termasuk Pemberi Perkhidmatan Platform Digital (PPPD) sebanyak 24 pendaftar. Jumlah ini meningkat sebanyak 528 pendaftar atau 8.6%. berbanding 5,571 pendaftar pada tahun 2024.

JUMLAH KESELURUHAN: 6,099



Prestasi Pendaftaran Cukai Pelancongan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2025

PRESTASI PENGHANTARAN PENYATA SST

Pada tahun 2025, Bahagian Cukai Dalam Negeri seperti tahun-tahun sebelumnya telah melaksanakan aktiviti pemantauan terhadap penghantaran penyata SST-02 Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan oleh pengilang/ orang berdaftar secara berterusan sebagai langkah penting untuk memastikan pematuhan undang-undang percukaian serta menjamin kutipan hasil negara yang optimum, sekali gus menyumbang kepada kestabilan ekonomi dan pembangunan negara.

Prestasi Penghantaran Penyata Cukai Jualan

Secara keseluruhannya, jangkaan penyata Cukai Jualan bagi tahun 2025 telah menunjukkan peningkatan ketara kepada 124,682 berbanding 113,907 pada tahun 2024.

Dari aspek prestasi penghantaran penyata SST-02 dalam tempoh masa yang ditetapkan mengikut negeri, Wilayah Persekutuan (WP) Labuan dan Terengganu kekal sebagai negeri contoh dengan mengekalkan peratus penghantaran penyata sebanyak 100%. Pahang juga menunjukkan prestasi yang cemerlang dengan kadar 99.92%. Negeri-negeri ini secara konsisten menunjukkan tahap pematuhan yang sangat tinggi merentasi kedua-dua tahun yang dibandingkan.

Secara keseluruhannya pada tahun 2025, jumlah penyata yang diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan di seluruh negara adalah 94.7% berbanding 96.39% pada tahun 2024.

NEGERI	JANGKAAN	TELAH DITERIMA		BELUM DITERIMA	
	JUMLAH	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
LABUAN	12	12	100.00%	-	0.00%
TERENGGANU	472	472	100.00%	-	0.00%
PAHANG	1,177	1,176	99.92%	1	0.08%
PERLIS	135	134	99.26%	1	0.74%
KELANTAN	667	661	99.10%	6	0.90%
KEDAH	3,692	3,642	98.65%	50	1.35%
N. SEMBILAN	3,061	3,011	98.37%	50	1.63%
SABAH	2,895	2,847	98.34%	48	1.66%
PERAK	6,826	6,709	98.29%	117	1.71%
SARAWAK	3,346	3,261	97.46%	85	2.54%
MELAKA	3,688	3,585	97.21%	103	2.79%
PULAU PINANG	14,530	14,077	96.88%	453	3.12%
JOHOR	28,052	26,854	95.73%	1,198	4.27%
KLIA	10,650	10,026	94.14%	624	5.86%
SELANGOR	30,884	28,800	93.25%	2,084	6.75%
WPKL	14,595	12,808	87.76%	1,787	12.24%
JUMLAH	**124,682**	**118,075**	**94.70%**	**6,607**	**5.30%**

Prestasi Penghantaran Penyata Cukai Jualan Tahun 2025

Prestasi Penghantaran Penyata Cukai Perkhidmatan

Berdasarkan data tahun 2025, jumlah jangkaan penghantaran penyata Cukai Perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan meningkat kepada 585,823 penyata, iaitu kenaikan 62.6% berbanding 360,258 penyata pada tahun 2024. Peningkatan ini merupakan impak langsung peluasan skop Cukai Perkhidmatan yang melibatkan lebih banyak perkhidmatan tertakluk kepada cukai.

Walaupun bilangan orang berdaftar bertambah, kadar pematuhan nasional turut meningkat kepada 94.09% pada tahun 2025 berbanding 93.89% pada tahun sebelumnya.

Di pusat ekonomi utama, WPKL merekodkan peningkatan jangkaan penyata daripada 126,252 kepada 166,236 dengan kadar pematuhan 91.18%, manakala Selangor menguruskan 134,102 penyata dengan kadar pematuhan 92.00%.

Secara keseluruhan, statistik tahun 2025 membuktikan bahawa peluasan skop Cukai Perkhidmatan telah memperluaskan asas cukai negara secara signifikan.

NEGERI	JANGKAAN	TELAH DITERIMA		BELUM DITERIMA	
	JUMLAH	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
LABUAN	1,032	1,032	100.00%	-	0.00%
TERENGGANU	6,566	6,566	100.00%	-	0.00%
PAHANG	10,170	10,148	99.78%	22	0.22%
KELANTAN	4,733	4,711	99.54%	22	0.46%
PERLIS	1,183	1,176	99.41%	7	0.59%
SARAWAK	30,729	30,225	98.36%	504	1.64%
KEDAH	11,944	11,713	98.07%	231	1.93%
SABAH	25,744	25,243	97.94%	531	2.06%
N. SEMBILAN	11,082	10,850	97.91%	232	2.09%
PERAK	19,767	19,342	97.85%	425	2.15%
PULAU PINANG	44,356	42,970	96.88%	1,386	3.12%
MELAKA	11,558	11,154	96.50%	404	3.50%
JOHOR	74,508	71,343	95.75%	3,165	4.25%
KLIA	32,083	29,789	92.85%	2,294	7.15%
SELANGOR	134,102	132,370	92.00%	10,732	8.00%
WPKL	166,236	151,576	91.18%	14,660	8.82%
JUMLAH	**585,823**	**551,208**	**94.09%**	**34,615**	**5.91%**

Prestasi Penyerahan Penyata Cukai Perkhidmatan

PENGURUSAN KAWALAN KEMUDAHAN

Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

SIJIL PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH JADUAL A

BUTIRAN	BILANGAN SIJIL PENGECUALIAN MENGIKUT NEGERI																
	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KLIA	LABUAN	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TERENGGANU	WPKL	JUMLAH
1	2	-	-	2	-	5	8	1	3	-	-	8	12	10	1	6	58
2	46	1	2	-	-	2	-	-	1	-	-	-	2	10	12	17	93
3	154	110	75	444	-	77	31	70	202	73	112	31	322	645	146	112	2,604
4	2	3	-	245	-	2	79	59	185	1	5	79	57	582	6	839	2,144
5	20	4	10	12	2	4	12	84	17	2	5	12	12	14	1	17	228
5A	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	472	-	80	553
5B	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
5C	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
5D	49	49	102	13	-	3	58	14	14	8	14	2	9	36	10	44	425
6	1	-	2	-	-	1	-	-	-	-	1	-	-	-	-	2	7
7	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1	-	3	5
8	-	-	1	-	-	-	2	-	-	-	-	2	-	-	-	-	5
9	-	-	-	-	-	-	2	-	3	-	-	2	1	-	-	19	27
10	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	2
11	15	-	1	21	-	6	-	2	2	2	24	-	-	54	1	14	142
12	22	-	1	53	-	8	33	18	2	14	16	33	6	55	21	82	364
13	-	-	3	-	-	-	-	3	1	-	4	-	-	-	-	-	11

BUTIRAN	BILANGAN SIJIL PENGECUALIAN MENGIKUT NEGERI																
	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KLIA	LABUAN	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TERENGGANU	WPKL	JUMLAH
14	3	-	1	14	-	1	15	-	-	-	3	15	1	31	-	251	335
18	-	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1
19	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
22	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
26	-	-	-	14	-	-	1	-	-	-	-	1	-	7	-	5	28
27	-	-	-	4,476	-	-	489	-	-	-	-	489	-	16	-	-	5,470
28	-	-	-	12,252	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	12,252
29	-	-	-	20	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	20
30	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
31	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	-	-	1
32	4	-	-	2	-	-	-	-	1	-	1	-	-	124	-	5	137
33	42	16	4	406	-	8	12	-	2	-	74	12	5	209	1	73	864
33A	59	-	-	34	-	8	13	-	5	-	3	13	-	644	-	15	794
33B	1,013	-	-	4,020	-	160	329	-	70	-	-	329	344	5,555	-	399	12,219
34	124	547	-	112	-	989	-	1	44	-	5,261	-	36	1,552	2	239	8,907
35	61	10	44	7	-	42	2	4	42	-	16	2	2	45	5	11	293
36	195	102	6	284	4	63	30	7	34	1	981	30	36	2,477	15	2,713	6,978
37	30	127	-	30	-	2	-	2	1	-	67	-	2	95	1	97	454
38	251	117	2	131	-	15	-	-	14	-	329	-	31	316	1	-	1,207
39	2,899	61	-	526	-	47	-	8	24	-	98	-	-	1,554	-	208	5,425
40	42	32	95	5	26	-	2	-	6	-	210	2	-	146	-	59	625
41	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	68	-	-	69
42	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	9	9

BUTIRAN	BILANGAN SIJIL PENGECUALIAN MENGIKUT NEGERI																
	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	KLIA	LABUAN	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	PAHANG	PERAK	PERLIS	PULAU PINANG	SABAH	SARAWAK	SELANGOR	TERENGGANU	WPKL	JUMLAH
44	1,834	1	1	-	-	2	91	-	301	-	-	91	1,392	186	35	30	3,964
45	-	-	1,127	-	5,240	1	-	85	-	-	-	-	522	2	4,807	1,387	13,171
46	686	-	-	-	2	-	-	2	1	-	-	-	38	-	1	-	730
47	469	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	725	1,194
48	188	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	96	285
49	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
51	1	2	-	1	-	-	-	-	-	-	61	-	-	5	1	1	72
52	1	2	-	15	-	-	-	-	1	-	4	-	-	9	-	5	37
53	500	1	1	77	-	-	2	373	56	-	-	2	-	23	-	203	1,238
53A	162	570	92	93	-	90	753	58	184	-	131	752	188	1,278	56	15	4,422
54	1,956	885	-	613	-	105	-	-	393	-	14,799	-	11	514	-	516	19,792
55	3,683	1,312	116	1,304	265	979	633	1,076	1,977	1	2,083	633	2,459	7,172	342	1,096	25,131
57	20,390	3,371	135	3,276	3	5,309	434	341	1,444	275	12,894	434	457	18,225	32	7,488	74,508
58	4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	35	-	-	-	39
58A	22	1	-	-	28	12	12	1	7	-	19	4	14	36	-	-	156
60	-	-	-	-	-	-	327	-	-	-	-	327	274	-	-	43	971
61	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
62	12	7	-	70	-	-	-	-	18	-	18	-	-	287	-	29	441
63	-	-			-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1
64	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	4	5
65	484	22	1	8	-	14	-	10	23	4	157	-	17	793	-	64	1,597
66	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH																	**210,510**

Bilangan Sijil Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Jadual A

Pada tahun 2025, bilangan permohonan sijil pengecualian di bawah Jadual A telah mencatatkan sebanyak **210,510** permohonan.

SIJIL PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH JADUAL B

NEGERI / BUTIRAN	BILANGAN SIJIL PENGECUALIAN				
	1	2	3	4	JUMLAH
JOHOR	26	11	1	128	166
KEDAH	15	5	0	26	46
KELANTAN	15	1	0	1	17
LTAKL	11	2	1	14	28
MELAKA	12	2	1	9	24
NEGERI SEMBILAN	9	5	2	14	30
PAHANG	9	2	1	7	19
PERAK	20	5	3	52	80
PERLIS	3	0	0	0	3
PULAU PINANG	16	18	1	35	70
SABAH	24	1	2	12	39
SARAWAK	21	0	0	13	34
SELANGOR	52	24	10	128	214
TERENGGANU	13	0	0	2	15
WPKL	25	5	3	18	51
JUMLAH	**271**	**81**	**25**	**459**	**836**

Bilangan Sijil Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Jadual B


Bagi tahun 2025, sebanyak 836 sijil pengecualian di bawah Jadual B telah dikeluarkan. Sijil pengecualian Jadual B yang dikeluarkan adalah berkuatkuasa untuk tempoh satu tahun dari tarikh sijil tersebut dijana dalam sistem MySST. Kelulusan pengecualian butiran 4 seperti di bawah mencatat kelulusan sijil pengecualian yang paling tinggi iaitu sebanyak 459 sijil pengecualian. Pengecualian butiran 4 diberikan kepada *any manufacturer approved by the Director General.* Barang yang dikecualikan adalah *raw materials, components, manufacturing aids, cleanroom equipment and, packing and packaging materials excluding petroleum solely for use in the manufacture of exempted goods for export.*

SIJIL PENGECUALIAN CUKAI JUALAN DI BAWAH JADUAL C

NEGERI / BUTIRAN	BILANGAN SIJIL PENGECUALIAN					
	1	2	3	4	5	JUMLAH
JOHOR	695	23	42,242	217	16,563	**59,740**
KEDAH	108	2	4,490	0	297	**4,897**
KELANTAN	423	0	720	0	9	**1,152**
LTAKL	258	8	15,641	302	1,753	**17,962**
WP LABUAN	0	0	0	0	0	0
MELAKA	57	1	5,736	83	577	**6,454**
NEGERI SEMBILAN	2,588	33	10,360	2	3,783	**16,766**
PAHANG	80	3	789	76	50	**998**
PERAK	228	8	9,275	8	1,305	**10,824**
PERLIS	1	0	70	0	0	**71**
PULAU PINANG	301	8	12,157	69	2,698	**15,233**
SABAH	87	1	685	0	11	**784**
SARAWAK	118	1	668	24	5	**816**
SELANGOR	888	19	63,053	1,420	5,096	**70,476**
TERENGGANU	39	0	320	0	25	**384**
WPKL	249	8	10,842	626	554	**12,279**
JUMLAH	**6,120**	**115**	**177,048**	**2,827**	**32,726**	**218,836**

Bilangan Sijil Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Jadual C

Sebanyak 218,836 sijil pengecualian Jadual C telah dikeluarkan pada tahun 2025. Pengecualian butiran 3 telah mencatat pengeluaran sijil tertinggi iaitu sebanyak 177,048 sijil pengecualian. Butiran 3 ini diperuntukkan kepada mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pengilang berdaftar untuk membeli / mengimport bahan mentah, komponen, bahan pembungkus dan pembungkusan untuk dibekalkan kepada pengilang berdaftar bagi tujuan pengilangan.



Bilangan Sijil Pengecualian Cukai Jualan Di Bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

PERMOHONAN SKIM PENGEKSPORT UTAMA DILULUSKAN (*APPROVED MAJOR EXPORTER SCHEME* – AMES)

Skim Pengeskport Utama Diluluskan (AMES) adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 61A Akta Cukai Jualan 2018 berkuatkuasa pada 1 Julai 2020. AMES membenarkan mana-mana orang diluluskan untuk dikecualikan daripada pembayaran keseluruhan cukai jualan yang dikenakan dan dilevikan ke atas barang bercukai yang diimport atau diangkut dari kawasan ditetapkan atau kawasan khas atau dibeli daripada pengilang berdaftar tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Permohonan AMES diproses oleh Bahagian CDN negeri dan dipantau oleh Cawangan Kemudahan. Mulai 23 November 2023, pemantauan pelaporan dibuat melalui sistem MyAMES. Sistem ini membolehkan pegawai merekod permohonan pedagang dan pengilang yang membuat permohonan AMES di seluruh negara. Sistem MyAMES ini boleh dicapai melalui portal jabatan di bawah menu ePerkhidmatan atau melalui pautan **http://ames.customs.gov.my/myames.**

PERKARA	BILANGAN AMES YANG AKTIF SEHINGGA DISEMBER 2025
	BILANGAN YANG AKTIF
AMES PEDAGANG	12
AMES PENGILANG	1
JUMLAH	**13**

LAPORAN PRESTASI HASIL BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI

Laporan Pencapaian Strategi Pungutan Hasil Keseluruhan Bahagian CDN Tahun 2025

Jadual di bawah menunjukkan pencapaian strategi pungutan hasil keseluruhan Bahagian CDN pada tahun 2025.

BIL.	PERKARA	PENCAPAIAN
1	Mengesan Pendaftar Baharu SST	RM 922.613 juta Bilangan pendaftar baharu: 37,094
2	Menggesa Pembayaran Cukai Ke Atas Penyata Tanpa Bayaran Dalam Tempoh 30 Hari	RM 1,068.501 juta Bilangan penyata: 6,804
3	Memastikan Pematuhan Penghantaran Penyata Sekurang-Kurangnya Pada Tahap 94% Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan.	94.09% Bilangan penyata dihantar: 551,208
4	Meningkatkan Tahap Kepatuhan Pengilang Berdaftar/ Orang Berdaftar/ Entiti Perniagaan Melalui Verifikasi Pengecualian dan Verifikasi Pendaftar Baharu.	Verifikasi Pengecualian: Jadual A – 1,785 syarikat Jadual B – 36 syarikat Jadual C – 699 syarikat Hasil Dikesan: Jadual A – RM 1.815 juta Jadual B – RM 1.185 juta Jadual C – RM 0.509 juta

Pencapaian Strategi Pungutan Hasil Keseluruhan Bahagian CDN Tahun 2025

LAPORAN PRESTASI PEMBAYARAN BALIK CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN / *GOODS AND SERVICES TAX*

Laporan Pembayaran Balik

Prestasi pembayaran balik **Cukai Barang dan Perkhidmatan / *Goods and Services Tax* (GST)** pada tahun 2025 menunjukkan sejumlah RM74.97juta telah diluluskan pembayaran yang melibatkan 376 *registran* menjadikan jumlah keseluruhan pembayaran balik GST daripada tahun 2015 sehingga kini berjumlah RM89.70 billion melibatkan 257,984 registran seperti di Jadual di bawah:

Bil	TEMPOH	*REFUND TASK*	*REGISTRAN*	PEMBAYARAN BALIK GST
1	2015	175,960	89,053	8,388,050,076.14
2	2016	357,752	124,114	20,002,513,108.89
3	2017	364,145	124,505	22,122,785,893.86
4	2018	246,891	114,498	13,500,650,886.56

Bil	TEMPOH	*REFUND TASK*	*REGISTRAN*	PEMBAYARAN BALIK GST
5	2019	172,480	80,867	17,866,308,085.87
6	2020	155,789	108,158	6,395,152,387.33
7	2021	9,211	5,855	719,752,965.44
8	2022	6,111	3,913	293,293,470.68
9	2023	8,066	5,501	189,496,563.51
10	2024	3,210	2,279	143,250,161.87
11	2025	736	376	74,973,852.80
JUMLAH KESELURUHAN		**1,500,351**	**257,984**	**89,696,227,452.95**

Pembayaran Balik GST Tahun 2015 – 2025

KAJIAN PELUASAN SKOP SST BAGI TAHUN 2025

Berikutan pembentangan Bajet 2025, Bahagian Cukai Dalam Negeri JKDM menubuhkan pasukan kerja bagi kajian peluasan skop SST, khususnya melibatkan perkhidmatan kewangan (Kumpulan H) dan pembinaan (Kumpulan L). Sepanjang 2025, sebanyak 86 sesi libat urus (67 kewangan, 19 pembinaan) telah diadakan bersama agensi kerajaan dan industri sebelum dapatan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan Pejabat Peguam Negara. Hasilnya, pindaan kepada peraturan dan perintah Cukai Perkhidmatan 2025 telah diwartakan dan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025, disokong penerbitan panduan serta Dasar Cukai Perkhidmatan 2025 bagi memperjelas pelaksanaan.

PEMANTAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Pindaan Undang-Undang

Bagi tahun 2025, terdapat 16 cadangan pindaan perundangan telah dikemukakan dan dihantar oleh Cawangan Teknikal/Perundangan, Bahagian Cukai Dalam Negeri (BCDN) kepada Kementerian Kewangan. Daripada jumlah tersebut, 14 daripadanya telah diwartakan. Pindaan perundangan tersebut adalah:

1	Bengkel Selektiviti dan Live Targeting Bil. 1/2025	21 hingga 24 April 2025
2	Bengkel Selektiviti dan Live Targeting Bil. 2/2025	13 hingga 15 Oktober 2025
3	Bengkel Selektiviti dan Live Targeting Bil. 3/2025	21 hingga 23 Oktober 2025

Latihan Fungsian Audit

Bil.	Taklimat/ Kursus	Tarikh
1	Taklimat bagi Kursus Auditan di bawah Program *Authorize Economic Operator* (AEO) kepada kepada Pegawai Pematuhan JKDM Pulau Pinang	20 Februari 2025
2	Kursus Audit Pematuhan Tahap 1 Siri 1	24 hingga 25 Februari 2025

Bil.	Taklimat/ Kursus	Tarikh
3	Perkongsian *Targeting Tools* Unit Pengurusan Verifikasi & Profiling (UPVnP) bersama Pengarah Bahagian Perkhidmatan Teknik (Pertek)	28 Februari 2025
4	Taklimat bagi Program *Outreach* '*Handholding - Embracing* AViP: Visi Baharu Pengauditan' Kepada Entiti Perniagaan (EP) di JKDM Pahang	29 April 2025
5	Kursus Pengurusan Data dan Profiling Pematuhan	6 hingga 9 Oktober 2025
6	Taklimat Tatacara Pelaksanaan Verifikasi, *Targeting* & Profiling Kepada Bahagian Pematuhan Negeri Selangor Dan LTA KL	14 hingga 15 Oktober 2025

BAB 8
TEKNOLOGI MAKLUMAT



TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) terdiri daripada tiga (3) cawangan iaitu Cawangan Aplikasi, Cawangan Infrastruktur Dan Rangkaian serta Cawangan Pematuhan Dan Pemantauan/ Pentadbiran yang bertanggungjawab mengurus perkhidmatan dan prasarana ICT jabatan bagi memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan serta memenuhi kepuasan pelanggan.

Mesyuarat Jawatankuasa ICT

BTM telah menganjurkan dan terlibat dengan Mesyuarat Jawatankuasa ICT iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) yang terdiri daripada peringkat JPICT JKDM, JPICT Kementerian Kewangan dan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) seperti jadual dibawah bagi kelulusan projek ICT JKDM.

PERKARA	BIL. MESYUARAT	BIL. PROJEK LULUS
JTICT JKDM	8	29
JPICT JKDM	4	25
JPICT MOF	6	14
JTISA JDN	-	1

Kelulusan Projek ICT JKDM Tahun 2025

Perkhidmatan Sokongan Teknikal Pengguna

Perkhidmatan sokongan teknikal pengguna merupakan salah satu perkhidmatan utama yang disediakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), JKDM. Perkhidmatan ini dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat dan juga di semua Cawangan dan Stesen JKDM di negeri-negeri.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 10 sesi sokongan teknikal berkaitan aset dan peralatan ICT *(end-point)* telah dilaksanakan melibatkan acara rasmi jabatan dan khidmat sokongan bahagian, cawangan, stesen dan Akademi Kastam di Semenanjung Malaysia.

Program / Acara rasmi jabatan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:


BIL.	PROGRAM/MAJLIS	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
1	Majlis Paluan Berundur Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan & Pematuhan)	24 Januari 2025	Ibu Pejabat JKDM	Menyediakan bantuan teknikal ICT
2	Majlis Nilai-Nilai Murni Sempena Hari Kastam Sedunia (HKS) Ke-43 – Tazkirah & Khutbah Jumaat	24 Januari 2025	Surau Putra Al-Amin, Presint 8, Putrajaya	Memberi khidmat nasihat, bantuan teknikal ICT serta peralatan untuk untuk persiapan *livestream*.

BIL.	PROGRAM/MAJLIS	TARIKH	TEMPAT	AKTIVITI
3	Majlis Nilai-Nilai Murni Sempena HKS Ke-43 – Bacaan Yasin, Solat Hajat & Tazkirah	9 Februari 2025	Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya	Memberi khidmat nasihat, bantuan teknikal ICT serta peralatan untuk untuk persiapan *livestream.*
4	Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-43	10 Februari 2025	Pusat Konvensyen Antarabangsa (PICC), Putrajaya	Membantu dan memberi khidmat sokongan serta bantuan teknikal ICT untuk persiapan *livestream*.
5	Majlis Tamat Latihan AKMAL Melaka Siri 1	10 April 2025	Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) Melaka	Menyediakan bantuan Teknikal ICT.
6	Penggantian Perkakasan ICT (Komputer Peribadi Dan Komputer Riba)	Bermula 7 Julai 2025	Ibu Pejabat & Stesen Negeri JKDM	Memantau kerja-kerja penggantian 3,100 unit komputer peribadi, 2,800 unit komputer riba dan 22 unit komputer riba berprestasi tinggi bagi perkhidmatan sewaan peralatan ICT yang tamat kontrak.
7	Konvesyen Ketua-Ketua Bahagian KPSM Se-Malaysia JKDM	16 Julai 2025	Hotel Scapes, Genting Highlands	Menyediakan bantuan teknikal ICT termasuk pemasangan peralatan *livestream*
8	Majlis Paluan Berundur Timbalan Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS)	9 Disember 2025	Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat JKDM	Menyediakan bantuan teknikal ICT
9	Majlis Paluan Berundur Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Perkastaman & Cukai Dalam Negeri)	11 Disember 2025	Dewan Semarak Jati, Ibu Pejabat JKDM	Menyediakan bantuan teknikal ICT
10	Program Sambutan Hari Integriti JKDM 2025	19 Disember 2025	Dewan Auditorium, Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia	Menyediakan bantuan teknikal ICT bagi *live streaming*














ALU-ALUAN

Perkhidmatan Pengurusan dan Pengukuhan Keselamatan Siber JKDM

Perkhidmatan pengurusan dan pengukuhan Keselamatan Siber JKDM merupakan dasar keselamatan ICT bagi melindungi data dan maklumat JKDM daripada ancaman siber. Sepanjang tahun 2025, sebanyak sembilan (9) program telah diadakan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan infrastruktur rangkaian dan keselamatan serta memberi pendedahan dan menambah ilmu pengetahuan kepada pegawai-pegawai yang terlibat. Program yang telah diadakan adalah:

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	MATLAMAT / SKOP PELAKSANAAN
1	Konfigurasi *Switch* di Makmal Forensik Dengkil	16 Januari 2025	Makmal Forensik JKDM, Dengkil	Kerja-kerja konfigurasi *switch* baharu di bawah Projek Perkhidmatan Perolehan Perkakasan Dan Perisian Makmal (JKDM)
2	Bengkel Pembangunan Dokumen Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/ IEC 27001:2022	26 hingga 28 Januari 2025	Ipoh, Perak	Membimbing peserta membangunkan dan mendokumentasikan ISMS selaras ISO/IEC 27001:2022 serta menyokong kesiapsiagaan jabatan ke arah pensijilan ISMS. Disertai pegawai Bahagian Perkastaman, Bahagian Perkhidmatan Teknik, KLIA, URDK, UASP, UPPD dan BTM Ibu Pejabat
3	Lawatan ke Telekom Malaysia (TM), Cyberjaya	26 Februari 2025	TM Innovation Center, Cyberjaya	Mendapatkan pendedahan berkaitan fungsi, pengendalian dan persekitaran *security operations center* (SOC), *network operations center* (NOC) dan Pusat Data TM.
4	Penggantian Peralatan *Wireless Access Point*	8 Oktober hingga 7 November 2025	i. Menara Suasana Putrajaya ii. Pejabat Kastam Cawangan Narkotik, Kg. Jijan Tengah, Nilai iii. Pejabat Penguatkuasaan Dengkil	Pemasangan *wireless access point* baharu bagi menggantikan peralatan dan perisian sedia ada yang digunakan sejak tahun 2012.

BIL.	PROGRAM/AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	MATLAMAT / SKOP PELAKSANAAN
5	Penggantian *Firewall* di Pejabat / Cawangan JKDM	5 hingga 30 November 2025	100 lokasi melibatkan Sabah, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, W.P. Putrajaya, Pulau Pinang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perlis, Perak dan Johor	Pemasangan *firewall* baharu bagi menggantikan peralatan berstatus *End of Support* (EOS) / *End of Life* (EOL)
6	Menghadiri Forum Pengguna MyGov*Net. PCN 2025	3 Disember 2025	Putrajaya	Mendapatkan maklumat terkini mengenai perkhidmatan MyGov*Net.PCN serta memberi maklum balas kepada Jabatan Digital Negara (JDN)
7	Migrasi Talian Internet di Pusat Data Kelana Jaya	28 November hingga 3 Disember 2025	Pusat Data Kelana Jaya, Kompleks Kastam WPKL	Migrasi talian internet melibatkan pertukaran *Internet Service Provider* (ISP) serta pemasangan infrastruktur rangkaian internet baharu
8	Pelaksanaan Aktiviti Penilaian Kerentanan *(Vulnerability Assessment)* Bagi Tujuan *Health Check*	22 hingga 26 Disember 2025	Pusat Data Kelana Jaya, Kompleks Kastam WPKL	NACSA bersama CyberSecurity Malaysia melaksanakan penilaian kerentanan (*vulnerability assessment*) sebagai sebahagian inisiatif *health check* ke atas entiti Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (NCII)
9	Pemasangan Infrastruktur *Log Collector Security Operation Center* (Soc) Di Pusat Data JKDM	23 dan 29 Disember 2025	Pusat Data Kelana Jaya & Pusat Data Ibu Pejabat	Pemasangan *log collector* bagi pelaksanaan *Security Operations Center* (SOC) untuk memantau dan mengesan ancaman secara masa nyata, di samping menyediakan notifikasi serta saringan automatik terhadap potensi serangan siber.










Program Peningkatan dan Pengukuhan Kompetensi Infrastruktur ICT JKDM

BTM sentiasa memberi tumpuan berkaitan program kompetensi pegawai. Sepanjang tahun 2025, empat (4) program berimpak tinggi yang telah dirancang dan dijalankan iaitu:

i. Latihan *Projek Management Professional* (PMP) *Examination Preparatory di* Bawah Kontrak Perkhidmatan Sewaan Perkakasan dan Perisian *Mainframe* Sistem Maklumat Kastam (SMK) bagi JKDM, 11 Ogos 2025.

ii. Sesi Penerangan dan Panduan Kearah Pensijilan *Professional Technologist dan Certified Technician* di Bawah Kontrak Perkhidmatan Sewaan Perkakasan dan Perisian *Mainframe* Sistem Maklumat Kastam (SMK) bagi JKDM, 29 Julai 2025.

iii. Pelupusan Perkakasan Mainframe NEC iPX9800/A172, 21 Julai 2025 hingga 25 Ogos 2025.

iv. *Technology Update* dibawah Kontrak Perkhidmatan Sewaan Perkakasan dan Perisian Mainframe Sistem Maklumat Kastam (SMK) bagi JKDM, 22 hingga 24 September 2025.










Portal WebCOR (*Customs Official Receipt*)

Projek penambahbaikan Portal WebCOR dilaksanakan bagi memudahkan cetakan *Customs Official Receipt* (COR) dan *Customs Release Documents* (CRD) di premis pelanggan bertujuan menjimatkan penggunaan sumber serta kos pengendalian Jabatan di samping meminimumkan pengeluaran resit rasmi dan mengurangkan kesesakan di kaunter JKDM. Berdasarkan carta di bawah, cetakan COR menunjukkan peningkatan berperingkat sepanjang tahun dengan kemuncak pada bulan Disember. Bagi CRD, jumlah cetakan kekal tinggi dan stabil dengan peningkatan ketara pada Mei, Julai, Oktober dan Disember. Ini mencerminkan penggunaan Portal WebCOR yang konsisten serta meningkat menjelang hujung tahun.



Statistik Cetakan COR dan CRD di WebCOR Tahun 2025 di seluruh Malaysia

Sistem Maklumat Kastam (SMK)

Sistem Maklumat Kastam (SMK) adalah sistem yang telah dibangunkan pada tahun 1992 yang digunakan oleh JKDM bagi proses pengikraran dan pembayaran duti/cukai kastam bagi pengimportan dan pengeksportan barangan dari/ke luar negara dan pengikraran dan pembayaran bagi duti eksais bagi barangan tertentu yang dikilangkan oleh pengilang tempatan.

Terdapat beberapa pelaksanaan bagi modul-modul SMK pada tahun 2025 seperti berikut: -

a. Manifes laut di dalam pengikraran borang K3 di semua stesen Kastam Pulau Pinang pada 1 Julai 2025 dan;

b. Manifes Udara di Pulau Pinang pada September 2025.

Selain itu, terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2025 berkaitan SMK seperti berikut :


i) Kerja - Kerja Penyelenggaraan Pencegahan *EDI-Communication System* (ECS) telah dilakukan setiap bulan (12 kali) sepanjang tahun 2025;

ii) Menaiktaraf ke atas SMK Bagi Pelaksanaan *ASEAN - Australia-New Zealand Free Trade Agreement* (AANZFTA) - PDK2022 yang berkuatkuasa pada 17 Jun 2025;

iii) Penambahbaikan ke atas SMK Bagi Pelaksanaan *Malaysia-United Arab Emirates Comprehensive Economic Partnership Agreement (MY-UAE CEPA) - PDK2022* yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2025; dan

iv) Penglibatan Pasukan SMK di dalam pasukan kerja bagi projek Pendigitalan *End-to-End* Sistem Teras Jabatan Kastam Diraja Malaysia sepanjang tahun 2025.

Borang Kastam Elektronik (K1/K2/K3/K8/K9)



Statistik Pengikraran Borang Kastam Secara Elektronik Tahun 2025

Software Performance Report (SPR)


Sebanyak 7 SPR telah dikeluarkan adalah bagi penambahbaikan ke atas SMK dan sub-sistem SMK selaras dengan keperluan sepanjang tahun 2025.

Modul Pengguna Sistem Maklumat Kastam (SMK)

Modul ini dibangunkan bagi menjana, memantau dan mengemaskini pengguna SMK. Pengguna yang aktif pada tahun 2025 adalah seramai 8,700 orang bagi SMK dan 1,498 orang bagi PCPOS SMK.

Sistem MyExcise

Sistem MyExcise adalah sistem atas talian yang disediakan untuk kemudahan pelesen dan pengilang eksais bagi pendaftaran syarikat, permohonan baru dan pembaharuan lesen Eksais, pengikraran Borang Eksais No. 7 dan 8, pembayaran Duti Eksais Tempatan secara atas talian dan pelaporan. Pada tahun 2025, sebanyak dua (2) penambahbaikan *Software Performance Report* (SPR) telah dilaksanakan merangkumi modul *Assembly Plan, Excise 7, Excise 8, Payment* dan *Report*.



Statistik Pengikraran Borang Eksais Secara Elektronik Tahun 2025

Penyambungan Perkhidmatan Penyelenggaraan Sistem Maklumat Kastam (SMK)

Perkhidmatan penyelenggaraan ini telah diluluskan bagi tempoh 48 bulan mulai 1 September 2023 sehingga 31 Ogos 2027 bagi skop seperti berikut:

i. Perkhidmatan Penyelenggaraan Peralatan *EDI Communication Server* (ECS), *Authorized Economic Operator* (AEO), *Regional Computer Centre* (RCC) *Servers, state servers*, *Gate Control System* (GCS), dan rangkaian;

ii. Perkhidmatan Penyelenggaraan Perisian SMK;

iii. Perkhidmatan Penyelenggaraan Aplikasi SMK, MyExcise, AEO, GCS, ECS dan MySST;

iv. Perkhidmatan Penyelenggaraan bagi PC/PCPOS/*Slip Printer*;

v. Perkhidmatan Penyelenggaraan bagi integrasi dalaman dan luaran SMK; dan

vi. Perkhidmatan Penyelenggaraan *connectivity* EDI *Communication Server* (ECS) untuk *service provider Digital Free Trade Zone* (DFTZ).

Aktiviti yang dilaksanakan di bawah projek ini sepanjang tahun 2025:

PERKARA	BIL. MESYUARAT
Latihan Teknikal	3
Transfer Of Technology	2
Technology Update	2
Mesyuarat IWC (ICP Working Committee) di bawah Projek *Industrial Collaboration Program* (ICP)	2

Di bawah projek ini juga, pelaksanaan *Security Posture Assessment* (SPA) telah dijalankan untuk sistem *Sistem Web Customs Official Receipt* (WebCOR) bagi tahun 2025 seperti berikut :

Skop kerja	Tarikh
Pre Assessment	25 Ogos 2025 hingga 2 September 2025
Hardening workshop	2 Oktober 2025 hingga 13 November 2025

Asean Customs Transit System (ACTS)

ACTS dibangunkan bagi memudahkan pergerakan dagangan rentas negara ASEAN melalui Perjanjian ASEAN *Framework Agreement On The Facilitation Of Goods In Transit (AFAFGIT)*. Sistem dan prosedur pelaksanaan ACTS dipantau oleh ASEAN Sekretariat melalui mesyuarat *Sub-Working Group (SWG) ACTS* yang diadakan secara berkala tiga (3) kali setahun. Manakala sebanyak 73 Mesyuarat bulanan ACTS telah diadakan bagi membincangkan pelaksanaan operasi ACTS bagi setiap negara ahli ASEAN.

Secara keseluruhan sebanyak 753 pergerakan transit telah dibuat sejak bermula pelaksanaan ACTS pada November 2020. Bagi tahun 2025, sebanyak 97 pergerakan transit telah dibuat berdasarkan pecahan di bawah;

No	*Principal Traders*	Negara terlibat	Jumlah Transit
1	Nippon Express (SG)	SG-MY-TH	96
2	Nippon Express (TH)	TH-MY-SG	1

Statistik Transit ACTS Melibatkan Negara Malaysia

Kursus *Procedural and Technical for ASEAN Customs Transit System* (ACTS) bertempat di Akademi Kastam Diraja Malaysia (AKMAL), Melaka diadakan sebanyak satu (1) kali melibatkan pegawai-pegawai Kastam Ibu Pejabat dan Kastam Negeri pada 3 hingga 7 November 2025.

Sesi libat urus JKDM dengan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan *National Transit Transport Coordinating Committee* (NTTCC) yang dianggotai oleh pelbagai agensi antaranya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Kementerian


Ekonomi untuk membincangkan isu-isu dan kerangka pelaksanaan AFAFGIT di Malaysia. Sesi ini di telah diadakan pada 3 November 2025 bertempat di Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).

Perbincangan teknikal meja bulat mengenai persediaan untuk pelaksanaan Projek Perintis Mod keretapi di dalam ACTS 2.0 bagi tahun 2026 telah diadakan pada 9 hingga 10 Disember 2025 di Kuala Lumpur. Perbincangan ini dihadiri oleh negara Malaysia, Thailand dan Loa PDR.

Asean Single Window (ASW)

Pertukaran data ATIGA e-Form D dan ACDD berjalan lancar sepanjang 2025. Mesyuarat ASEAN Single Window (ASW) *Technical Working Group* (TWG) peringkat ASEAN telah diadakan secara berkala empat (4) kali setahun.
Kerja perkhidmatan menaiktaraf ASW *Gateway* Malaysia *Production* dan *Testing Environment* telah berjaya dilaksanakan bermula 24 November 2025 hingga 1 Disember 2025. Kerja menaiktaraf ASW Gateway Malaysia merangkumi perisian, database dan operating system.


(i) Statistik Pertukaran ATIGA e-Form D Mengikut Negara ASEAN Tahun 2025
Jumlah keseluruhan pertukaran ATIGA *e-Form* D adalah sebanyak ***Incoming –*** 241,470 dan ***Outgoing –*** 153,888



Statistik Pertukaran ATIGA e-Form D Mengikut Negara ASEAN Tahun 2025

(ii) Statistik Pertukaran ASEAN *Customs Declaration Document* (ACDD) Tahun 2025

Jumlah keseluruhan pertukaran **ASEAN** *Customs Declaration Document* (ACDD) adalah sebanyak ***Incoming*** – 191,162 dan ***Outgoing*** – 1,766,706.




Statistik Pertukaran ASEAN Customs Declaration Document (ACDD) Tahun 2025

Sistem *Authorized Economic Operator* (AEO)

Sistem AEO (sebelum tahun 2012 dikenali sebagai *Customs Golden Client* (CGC)) adalah aplikasi yang dibangunkan pada tahun 2004. Sistem ini digunakan oleh syarikat-syarikat pengimport dan pengeksport yang telah mematuhi keperluan piawai keselamatan dalam rantaian perdagangan yang ditetapkan oleh JKDM bagi membuat pengikraran dagangan import dan eksport serta pembayaran duti dan cukai kastam.

Aplikasi AEO berintegrasi dengan sistem utama JKDM iaitu Sistem Maklumat Kastam (SMK). Sehingga kini terdapat sebanyak 191 buah syarikat AEO berdaftar dengan JKDM. Berikut merupakan statistik pengikraran di Sistem AEO pada tahun 2025:



	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec
Pengikraran CS9	9,923	8,328	8,757	7,673	6,805	6,243	7,640	7,913	7,990	8,949	8,177	5,205
Pengikraran CS8	17,055	16,536	17,313	19,138	18,408	18,097	18,761	19,482	19,350	21,302	19,278	13,446
Pengikraran CS2	4,715	4,785	4,980	4,885	5,482	4,919	5,330	4,916	4,704	5,149	5,053	2,692
Pengikraran CS1	8,059	7,005	8,107	8,521	8,276	8,280	9,048	8,101	7,422	7,710	7,800	4,738

Statistik pengikraran di Sistem AEO bagi tahun 2025

Selain daripada itu pelaksanaan inisiatif *Mutual Recognition Arrangement (MRA)* juga aktif dilakukan sebagai alternatif kepada syarikat Malaysia bukan berstatus AEO mendapat kemudahan perdagangan apabila berurus niaga dengan syarikat AEO di luar negara.

Mesyuarat MRA AEO New Zealand

Satu Mesyuarat Mutual Recognition Arrangement (MRA) AEO Pilot Operation antara JKDM dan New Zealand Customs Service (NZCS) telah diadakan pada 20 November 2025.

AEO *Blockchain*

Sepanjang tahun 2025, beberapa inisiatif dan aktiviti utama telah dilaksanakan bagi menyokong pembangunan dan integrasi Sistem SRF-APP *Blockchain* untuk Customs AEO dan OGA. Usaha ini dimulakan dengan penganjuran Bengkel Projek SRF-APP *Blockchain System for Customs* AEO and OGA pada 17 Februari 2025 yang bertujuan membincangkan cadangan penggunaan *platform* MyGDX sebagai *Application Programming Interface* (API) bagi menyokong integrasi antara sistem-sistem berkaitan.

Seterusnya, platform MyGDX bagi Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah berjaya mencapai status LIVE pada 15 April 2025 sekali gus menandakan kesiapsiagaan platform tersebut untuk digunakan sebagai medium perkongsian data secara selamat dan bersepadu. Bagi menyokong keperluan teknikal pembangunan sistem, penghantaran *Staging Server* dan *Switch* telah dilaksanakan oleh MIMOS pada 3 Jun 2025.

Pada 4 Julai 2025, satu surat pemakluman berkaitan pelantikan Edaran IT Services Sdn. Bhd. sebagai kontraktor bagi Sistem Maklumat Kastam (SMK) dan Sistem *Authorised Economic Operator* (AEO) telah dikeluarkan. Pelantikan ini membolehkan pelaksanaan kerja-kerja migrasi data dijalankan secara terancang dan berfasa.

Selanjutnya, Sesi Perbincangan *Business Requirement Study* (BRS) bagi tujuan integrasi Sistem Maklumat Kastam (SMK) bersama JKDM dan MIMOS telah diadakan pada 2 September 2025. Sesi ini bertujuan memperincikan keperluan fungsional dan teknikal sistem bagi memastikan keselarasan antara pihak-pihak terlibat. Hasil perbincangan tersebut telah dimuktamadkan melalui penandatanganan Dokumen BRS sebagai pengesahan keperluan sistem dan rujukan utama bagi pelaksanaan seterusnya.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini mencerminkan komitmen berterusan ke arah memperkukuh pendigitalan perkhidmatan kastam serta menyokong pelaksanaan teknologi blockchain dalam pengurusan AEO secara lebih cekap, selamat dan bersepadu.
Perancangan pada masa akan datang, perluasan AEO ini akan melibatkan lebih banyak penyertaan syarikat-syarikat AEO melakukan aktiviti-aktiviti dagangan *high risk* dengan pengesahan/ kelulusan daripada *Other Government Agencies* (OGA) dan *Permit Issuance Agency (PIA)* hasil kelangsungan daripada Projek AEO Bersepadu Peringkat Nasional, pelaksanaan modul ejen AEO.

Sistem Levi Pelepasan (MyDLv)

Sistem Levi Pelepasan (MyDLv) adalah sistem yang direka bentuk secara atas talian bertujuan sebagai pusat sehenti untuk *operator* dan ejen pengendali asing bagi melaksanakan proses-proses berkaitan Levi Pelepasan berdasarkan kepada Akta Levi Pelepasan 2019. Sistem ini telah mula digunakan oleh Pegawai JKDM, Operator dan Ejen pengangkutan bermula Ogos 2019. Sistem MyDLv kini berada dalam tempoh penyelenggaraan pembetulan dan pencegahan bagi tahun 2025 hingga 2027 yang dilaksanakan melalui proses sebut harga terbuka.

Bilangan Transaksi Penyata Diikrar oleh Operator dan Ejen Pengangkutan Berdaftar Tahun 2025 adalah seperti berikut:

Jumlah Penyata Berdasarkan Kod Stesen Bagi Tahun 2025													
Kod Stesen	**JAN**	**FEB**	**MAC**	**APR**	**MEI**	**JUN**	**JUL**	**OGO**	**SEP**	**OKT**	**NOV**	**DIS**	**Jumlah**
S23	10	8	8	8	8	8	8	7	7	7	4	0	83
W21	58	59	59	59	59	59	59	59	59	59	36	0	625
Y42	0	0	0	2	0	2	2	0	2	2	0	0	10
K18	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
M13	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
P01	3	3	3	3	3	3	3	3	3	3	0	0	30
J14	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
B16	15	16	16	16	15	15	15	15	15	15	11	0	164
A20	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	**86**	**86**	**86**	**88**	**85**	**87**	**87**	**84**	**86**	**86**	**51**	**0**	**912**

Bilangan Transaksi Penyata Diikrar oleh Operator dan Ejen Pengangkutan Berdaftar Tahun 2025.

Sistem MyOGA

Sistem MyOGA merupakan platform berasaskan web (HTTPS) yang dibangunkan khusus untuk kegunaan *Permit Issuing Agencies (PIA)* dan *Other Government Agencies (OGA)* bagi pengurusan permit serta urusan pelepasan barangan. Sistem ini turut diperkasakan dengan fungsi baharu iaitu *OGA Blanket Approval* untuk meningkatkan kecekapan proses. Sistem ini membolehkan pegawai OGA melaksanakan pelepasan konsainan di pintu keluar/masuk kastam serta menggunakan kemudahan *Blanket Approval* mengikut keperluan agensi.

Transaksi MyOGA sepanjang tahun 2025 adalah seperti berikut:

STATISTIK PENGGUNAAN MYOGA BERMULA 01/01/2025 HINGGA 31/12/2025										
SYSTEM	**K FORM**	**Waiting For Approval**	**On Hold**	**Not Applicable**	**Wrong Tariff Code**	**Refused**	**Rejection**	**Part Release/ Cancel**	**Approval**	**Total By Forms**
SMK	K1	14,817	8,857	178,109	152	34	690	1,120	736,510	940,289
	K2	6,954	29	8,522	4	0	99	1,515	661,725	678,848
	K3 (Outgoing)	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	K3 (Incoming)	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	K8 (Outgoing)	193	2	613	0	0	1	53	34,744	35,606
	K8 (Incoming)	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	K9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
AEO	PRS1	35	4	108	0	0	0	1	981	1,129
	PRS2	2	0	4	0	0	0	0	0	6
	PRS8	4	0	0	0	0	2	0	26	32
	PRS9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Total By Status		**22,005**	**8,892**	**187,356**	**156**	**34**	**792**	**2,689**	**1,433,986**	**1,655,910**

Transaksi MyOGA Sepanjang Tahun 2025

Sistem MyCIEDS

Sistem MyCIEDS merupakan teknologi Document Management System (DMS) yang berintegrasi dengan Sistem Maklumat Kastam (SMK) untuk mengurus dan memantau rekod dokumen sokongan berkaitan pengikraran import dan eksport borang Kastam seperti *invoice, packing list, bill off lading, catalogue, permit* dan lain-lain dokumen berkaitan di JKDM dengan lebih sistematik,teratur dan berpusat. Pada tahun 2025, pelaksanaan perluasan penggunaan sistem MyCIEDS ke seluruh JKDM telah dilaksanakan.

1. Sesi Latihan Pengguna & *Industries Awareness* mengikut Zon

NEGERI	TARIKH SESI LATIHAN	TARIKH MULA *PILOT RUN*
Zon Utara		
Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis	6 hingga 8 Januari 2025	20 Januari 2025
Zon Tengah		
Selangor, LTA KL, W.P Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka	26 hingga 27 Feb 2025	17 Mac 2025
Johor	22 hingga 23 April 2025	12 Mei 2025
Zon Timur		
Terengganu, Kelantan dan Pahang	15 hingga 16 April 2025	12 Mei 2025
Sabah	6 hingga 8 Mei 2025	23 Jun 2025
Sarawak	6 hingga 8 Mei 2025	23 Jun 2025
W.P. Labuan	15 hingga 17 Julai 2025	4 Ogos 2025

2. Transaksi Sistem MyCIEDS

Transaksi MyCIEDS bermula 20 Januari 2025 hingga Disember 2025 adalah seperti berikut:

NEGERI	JENIS BORANG							JUMLAH KESELURUHAN
	K1	K2	K3		K8		K9	
			INCOMING	OUTGOING	INCOMING	OUTGOING		
JOHOR	213,368	327,845	10	16,541	0	606	1,581	559,961
KEDAH	36,478	32,620	0	18,617	0	1,985	1,254	90,954
KELANTAN	9,142	3,099	0	2	0	76	90	12,409
KLIA	67,882	5,571	0	1,793	0	71	0	75,317
MELAKA	1,261	2,981	0	107	0	1	7	1,376
NEGERI SEMBILAN	45	8	0	0	0	2	4	59
PAHANG	6,276	15,416	6	371	0	0	3	22,072
PERAK	4,297	2,868	215	1,799	0	6	2	9,187
PERLIS	9,684	12,397	0	2	0	200	0	22,284
PULAU PINANG	358,039	236,431	1	9,356	0	86,188	107,811	797,826
SARAWAK	3,844	2,956	37	3,650	0	77	200	7,114
SELANGOR	538,957	281,931	2	85,499	0	142	246	906,777
TERENGGANU	4,134	1,563	51	288	0	10	10	6,056
W. PERSEKUTUAN	843	2,566	0	0	0	1	3	2,570

NEGERI	JENIS BORANG							JUMLAH KESELURUHAN
	K1	K2	K3		K8		K9	
			INCOMING	OUTGOING	INCOMING	OUTGOING		
SABAH	1,535	861	0	0	0	9	1	5,604
LABUAN	39	2	0	25	0	0	4	70
JUMLAH	**1,254,981**	**926,134**	**322**	**137,598**	**0**	**89,374**	**111,216**	**2,519,625**

Bilangan Transaksi MyCIEDS Pada Tahun 2025

Sistem eDAKWA

Sistem eDAKWA digunakan bagi memantau pengendalian fail-fail sivil dan kriminal yang difailkan di mahkamah serta mewujudkan suatu mekanisme sistem pelaporan secara terus ke Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat, JKDM selaras dengan pelaksanaan Kerajaan Elektronik (e-Government). Sistem ini dibangunkan secara *in-house* dan telah mula digunapakai oleh Bahagian Penguatkuasaan bermula Oktober 2025 di semua negeri.




Sesi latihan penggunaan sistem eDakwa kepada Pegawai Bahagian Penguatkuasaan pada 28 hingga 30 Oktober 2025



Paparan utama sistem eDakwa

Sistem TRK

Sistem TRK (Tribunal Rayuan Kastam) ini dibangunkan secara *in-house* pada pertengahan 2024 dan mula digunapakai pada tahun 2025. Sistem ini dibangunkan untuk memudahkan pengumpulan data-data kes TRK, merekod maklumat dan seterusnya status kes di TRK. Sistem ini hanya digunakan di Unit TRK, Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat.




Paparan Utama Sistem eTRK

Sistem Cukai Perkhidmatan ke Atas Perkhidmatan Digital (MySToDS)

Sistem Cukai Perkhidmatan Ke Atas Perkhidmatan Digital (MySToDS) telah dilancarkan penggunaannya pada 1 April 2020 sebagai sistem sokongan kepada perlaksanaan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2019.

(i) Pengguna Sistem MySToDS

Jumlah pengguna aktif sistem MySToDS adalah 889 pengguna yang merangkumi 73 pengguna dalaman iaitu pegawai JKDM di Ibu Pejabat dan 816 pengguna Orang Berdaftar Asing (*Foreign Registered Person* (FRP)) yang merangkumi pengguna *main account* dan *sub account*. Pengguna ini merangkumi 30 negara di seluruh dunia dan statistik FRP mengikut negara adalah seperti di bawah:




Jumlah Pengguna Orang Berdaftar Asing Mengikut Negara

(ii) Aduan Teknikal MySToDS

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 42 aduan teknikal telah diterima berkaitan sistem MySToDS melalui Helpdesk sistem. Perincian adalah seperti dalam jadual di bawah:

Aduan Helpdesk MySToDS Tahun 2025



(iii) Anugerah Penilaian *Outcome* Projek Berimpak Tinggi Bersempena Dengan Majlis Anugerah Pembangan Negara (APN) 2025

Sistem MySToDS telah menerima Anugerah Penilaian *Outcome* Projek Berimpak Tinggi bersempena dengan Majlis Anugerah Pembangunan Negara (APN) 2025, anjuran Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Anugerah diberikan kepada JKDM atas kejayaan Pentadbiran Cukai Perkhidmatan ke atas Perkhidmatan Digital (SToDS) melalui sistem MySToDS yang telah menzahirkan impak signifikan dalam memperkukuh pemantauan dan pematuhan cukai perkhidmatan digital.



Sistem Cukai Jualan Ke Atas Barang Bernilai Rendah (*Low Value Goods* – LVG)



Sistem Cukai Jualan Ke Atas Barang Bernilai Rendah (*Low Value Goods* – MyLVG) telah dilancarkan penggunaannya pada 1 Disember 2023 sebagai sistem sokongan kepada perlaksanaan Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2022. Sistem ini boleh diakses melalui pautan **https://mylvg.customs.gov.my**.

(i) Pengguna Sistem MyLVG

Jumlah pengguna aktif sistem MyLVG pada tahun 2025 adalah sebanyak 162 pengguna yang merangkumi pengguna dalaman pegawai JKDM, 95 pegawai dan 67 pengguna Penjual Berdaftar.


(ii) Transaksi Pembayaran MyLVG

Secara keseluruhannya, sistem MyLVG menerima pembayaran 100% melalui atas talian (*online*).

(iii) Penjual Berdaftar (*Registered Seller*, RS)

Rekod RS berdaftar pada tahun 2025 adalah seperti berikut:

Negara	RS Berdaftar
Australia	1
China	2
France	1
Germany	1
Hong Kong	3
Ireland	2
Japan	7
Luxembourg	1
Malaysia	14
Netherlands	1
Singapore	12
South Korea	1
Switzerland	1
United Kingdom	9
United States	11
Grand Total	**67**



Pengauditan oleh Unit Dalam Perbendaharaan (ADP), Kementerian Kewangan ke atas Sistem MyLVG

Pada tahun 2025, Unit Dalam Perbendaharaan (ADP) telah melaksanakan pengauditan ke atas Sistem MyLVG. Bagi tujuan tersebut, satu sesi *overview* dan *entrance* pengauditan antara ADP dan JKDM yang diwakili oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Bahagian Cukai Dalam Negeri, Bahagian Perkhidmatan Teknik dan Bahagian Penguatkuasaan telah diadakan pada 7 November 2025 di Dewan Sri Rampai. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan, Tuan Abu Bakar @ Salleh bin Jambol.

BTM selaku pentadbir ke atas pembangunan sistem MyLVG telah membentangkan taklimat berkenaan kemajuan perlaksanaan ke atas Sistem MyLVG pada 12 Ogos 2025 di Dewan Sri Rampai.





Sesi Entrance Pengauditan ke Atas Sistem MyLVG, 7 November 2025




Pengauditan Unit Dalam Perbendaharaan (ADP) ke atas Sistem MyLVG ,10 November hingga 26 November 2025.

Sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (MyGST)


Sistem MyGST mula dilancarkan penggunaannya pada 1 Jun 2014 untuk modul Pendaftaran. Secara rasmi, penggunaan semua modul MyGST bermula 1 April 2015 selaras dengan tarikh perlaksanaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2015 di Malaysia. Penggunaan sistem adalah tinggi tetapi berikutan pemansuhan GST di Malaysia bermula 1 September 2018, penggunaan dan capaian ke atas sistem ini telah menurun secara mendadak. Sepanjang tahun 2025, sistem ini berjalan dengan baik.



Paparan Antaramuka Sistem MyGST

Penambahbaikan MyGST


Penambahbaikan sistem MyGST dibuat bagi memenuhi perubahan keperluan perundangan, prosedur kerja dan polisi Jabatan. Penambahbaikan ini dilaksanakan oleh pembekal sistem dan pegawai-pegawai Unit Aplikasi Cukai Dalam Negeri, BTM (UACDN). Penambahbaikan yang telah dibuat bagi Tahun 2025 adalah sebanyak 135 *Solution Request* (SQR). Perincian seperti carta di bawah:



Jumlah SQR (Solution Request) Sistem MyGST pada tahun 2025

Pengguna Sistem Gentax MyGST


Sehingga 31 Disember 2025, jumlah keseluruhan pengguna JKDM yang aktif adalah sebanyak 1,931 pengguna seperti dalam carta di bawah:



Jumlah Pegawai JKDM Mengikut Stesen Sebagai Pengguna MyGST Yang Aktif mengikut Negeri pada Tahun 2025

Transaksi Pembayaran

Transaksi pembayaran dipecahkan kepada dua kategori, iaitu secara *Online* dan manual. Pembayaran secara *Online* talian merujuk kepada bayaran yang dibuat melalui Taxpayer Access Point (TAP) menggunakan saluran FPX PayNet atau melalui ejen bank. Manakala, pembayaran secara manual merujuk kepada kaedah di mana Orang Kena Cukai (OKC) menghantar cek melalui pos ke Pusat Pemprosesan Kastam (CPC). Berdasarkan carta di bawah, pembayaran secara Online adalah sebanyak 79% manakala 21% secara manual.



Bilangan Transaksi Pembayaran Sistem MyGST pada Tahun 2025

Sistem Tourism Tax (MyTTx)

Sistem MyTTx mula dilancarkan penggunaannya pada 1 Ogos 2017 sebagai sistem sokongan kepada perlaksanaan Akta Cukai Pelancongan 2017 di Malaysia.



Paparan Antaramuka Sistem MyTTx

Pengguna Sistem MyTTx


Berdasarkan carta di bawah, jumlah keseluruhan pengguna JKDM yang aktif pada tahun 2025 ialah 353 pengguna.



Jumlah Pengguna MyTTx Yang Aktif mengikut Negeri pada Tahun 2025

Transaksi Pembayaran MyTTx

Terdapat dua kaedah pembayaran yang diterima melalui Sistem MyTTx iaitu secara *Online* dan *Manual*. Pembayaran secara *Online* adalah pembayaran yang dibuat melalui Sistem MyTTx menggunakan saluran FPX Paynet. Manakala pembayaran secara *Manual* bermaksud Pengendali Premis Penginapan menghantar cek secara pos ke Pusat Pemprosesan Kastam (CPC). Perincian seperti carta di bawah:



Bilangan Transaksi Pembayaran Sistem MyTTx pada Tahun 2025

Sesi Latihan dan Bengkel yang Dijalankan oleh Bahagian Teknologi Maklumat Sepanjang Tahun 2025

BIL.	TARIKH	AKTIVITI
1	14 hingga 15 Januari 2025	Latihan *Microsoft Project – Foundation To Advance*
2	19 hingga 21 Januari 2025	Latihan *Gentax Modul Security & Administrator,* Selangor
3	1 hingga 3 Mei 2025	Latihan Gentax, Melaka: i. Processing Module (Refund) ii. Debt Collection Module
4	21 hingga 25 Mei 2025	Kursus *Administering Microsoft SQL Server Database*, Pulau Pinang

BIL.	TARIKH	AKTIVITI
5	3 hingga 5 Jun 2025	Latihan Pembangunan/Penambahbaikan Modul- Modul Sistem MyDLv Bersama Pegawai BTM JKDM, Putrajaya
6	24 hingga 25 Jun 2025	Latihan *Refresher Course* MySToDS Siri II
7	27 hingga 29 Jun 2025	Latihan *Gentax* , Kuala Lumpur: i. Remission And Installment Module ii. Processing Module (Return)
8	15 hingga 17 Julai 2025	Latihan Sistem Cukai Pelancongan (MyTTX), Putrajaya: i. Modul Pembayaran ii. Modul Ansuran iii. Modul Bil Tuntutan (BOD)
9	23 hingga 25 Julai 2025	Latihan Pengurusan Dan *Tuning* Pangkalan Data Serta Latihan Keselamatan Aplikasi Dan Pangkalan Data Sistem MyDLv Bersama Pegawai BTM JKDM, Putrajaya
10	23 hingga 27Julai 2025	Latihan *Gentax Data Warehouse/Discovery Analytics,* Kuala Lumpur
11	28 hingga 29 Julai 2025	Latihan Teknikal Angular 17, Putrajaya
12	1 hingga 12 Ogos 2025	Latihan Perisian *Microsoft Project*
13	13 hingga 17hb Ogos 2025	Kursus *Administering Microsoft SQL Server Database,* Kuala Lumpur
14	10 hingga 11 September 2025)	Latihan IU/UX
15	13 hingga 16 September 2025	Kursus *Online Visual Basic.Net Programming, Lumut*
16	7 hingga 9 Oktober 2025	Mesyuarat *Sub-Working Group On Asean Customs Transits Systems (SWG ACTS),* Jakarta, Indonesia
17	3 hingga 7 November 2025	Kursus *Procedural And Technical For Asean Customs Transits Systems* (ACTS), AKMAL Melaka
18	9 hingga 10 Disember 2025	Perbincangan Teknikal Meja Bulat Mengenai Persediaan Untuk Pelaksanaan Projek Perintis Mod Keretapi Di Dalam ACTS 2.0 Tahun 2026, Kuala Lumpur


















MALAYSIA
MADANI



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

BAB 9
PERUNDANGAN

PERUNDANGAN

Bahagian ini terdiri daripada empat unit iaitu :

Unit Pendakwaan
Mengendalikan kes-kes perbicaraan berprofil tinggi di mahkamah jenayah dan mengendalikan perbicaraan rayuan serta semakan jenayah di Mahkamah Tinggi di seluruh Malaysia.

Unit Sivil
Mengendalikan kes-kes perbicaraan dan rayuan sivil di Mahkamah Tinggi di seluruh Malaysia, termasuk di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Unit Penasihat
Menyemak dan meneliti perjanjian di antara JKDM dengan pihak tempatan dan perjanjian yang melibatkan JKDM mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa serta memberi nasihat dan pandangan perundangan kepada JKDM.

Unit Gubalan
Menyemak draf perundangan utama dan draf perundangan subsidiari sebelum pewartaan bagi memastikan draf berada dalam keadaan teratur dari segi perundangan.

Selain itu, semua pegawai di Bahagian ini juga mengendalikan Kertas Siasatan yang dikemukakan untuk arahan, nasihat, izin untuk mendakwa dan izin untuk kompaun dan juga menyemak kontrak/perjanjian yang mempunyai kompleksiti yang tinggi dan memerlukan kajian yang mendalam.

Pengendalian Kes Jenayah

Pada tahun 2025, sebanyak 739 kes pendakwaan jenayah telah dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian ini seperti dalam jadual di bawah:

PERKARA	TAHUN	
	2024	2025
Pengendalian kes pendakwaan yang didaftarkan	722	739
Bilangan kes pendakwaan yang dikendalikan	722	739
Peratusan	100%	100%

Bilangan Kes Pendakwaan yang Dikendalikan

Kertas Siasatan

Pada tahun 2025, sebanyak 3,948 kertas siasatan telah diberikan arahan oleh Bahagian ini seperti dalam jadual di bawah:

PERKARA	TAHUN	
	2024	2025
Bilangan kertas siasatan yang diagihkan	3,247	3,948
Bilangan kertas siasatan yang dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh agihan	3,217	3,936
Peratusan	**99.08%**	**99.7%**

Bilangan Kertas Siasatan yang Diberikan Arahan

Pengendalian Kes Sivil

Pada tahun 2025, sebanyak **115 kes sivil** telah dikendalikan oleh Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian ini seperti dalam jadual di bawah:

PERKARA	TAHUN	
	2024	2025
Bilangan kes sivil yang didaftar dan dikendalikan	152	115
Bilangan kes sivil yang dikendalikan	152	115
Peratusan	**100%**	**100%**

Pengendalian Kes Sivil

Memberi Nasihat dan Pandangan Undang-Undang

Pada tahun 2025, sebanyak **278 nasihat** dan pandangan undang-undang telah dikeluarkan seperti dalam jadual di bawah:

PERKARA	TAHUN	
	2024	2025
Bilangan nasihat dan pandangan berdasarkan isu yang dimohon	186	278
Bilangan nasihat dan pandangan berdasarkan isu yang dikeluarkan	186	278
Peratusan	**100%**	**100%**

Bilangan Nasihat dan Pandangan Undang-Undang yang Dikeluarkan

Kontrak/Perjanjian

Pada tahun 2025, sebanyak **323 kontrak** telah berjaya disemak dalam tempoh 21 hari oleh Bahagian ini seperti dalam jadual di bawah:

PERKARA	TAHUN	
	2024	2025
Bilangan kontrak yang diterima	248	323
Bilangan kontrak yang disemak dalam tempoh 21 hari dari tarikh yang diterima	220	277
Peratusan	**88.71%**	**85.76%**

Bilangan Kontrak/Perjanjian yang Disemak

Draf Perundangan Utama Dan Perundangan Subsidiari

Pada tahun 2025, sebanyak **166 draf** perundangan telah disemak oleh Bahagian ini seperti dalam jadual di bawah:

PERKARA	TAHUN	
	2024	2025
Bilangan draf perundangan yang diterima	131	166
Bilangan draf perundangan yang disemak	131	166
Peratusan	**100%**	**100%**

Bilangan Draf Perundangan yang Disemak

Persidangan Bahagian Perundangan JKDM Tahun 2025

Bahagian ini telah mengadakan Persidangan Bahagian Perundangan Tahun 2025 pada 13 hingga 15 Mei 2025 di Jerai Hill Resort, Kedah yang telah dihadiri oleh Pegawai Pendakwa dan Pegawai Penyiasat dari setiap negeri.

Bahagian ini juga telah melancarkan Majlis Peluncuran Buku Panduan Pertuduhan Kesalahan Lazim Bahagian Perundangan, JKDM yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Razali Che Ani, Timbalan Ketua Bahagian Pendakwaan I.


Persidangan Bahagian Perundangan 2025
13 hingga 15 Mei 2025
di Jerai Hill Resort, Kedah



Kursus Pengurusan Kontrak Kerajaan

Kursus Pengurusan Kontrak Kerajaan telah diadakan pada 5 dan 6 November 2025 di Ibu Pejabat yang melibatkan seramai 45 orang pegawai pelbagai gred daripada Ibu Pejabat dan seluruh negeri.

Objektif kursus tersebut adalah untuk:

(i) mengenal pasti bentuk dan kepelbagaian kontrak dalam Pentadbiran Kerajaan;

(ii) mengenal pasti format, terma-terma asas perjanjian seperti ketetapan Jabatan Peguam Negara dan terma-terma khusus perjanjian; dan


(iii) meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam penyediaan kontrak Kerajaan Malaysia berpandukan peraturan-peraturan terkini yang telah ditetapkan dan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.







BAB 10
INTEGRITI




CAWANGAN INTEGRITI

Pengurusan Aduan, Siasatan Dan Tatatertib

LOKASI	SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)	SISTEM MyINTEGRITI
Ibu Pejabat	376	136
Negeri	878	117
JUMLAH PENERIMAAN ADUAN	**1,254**	**253**

Jumlah Penerimaan Aduan Bagi Tahun 2025



Penerimaan Bulanan Aduan SISPAA / MyINTEGRITI 2025

Pelaporan Sistem MyINTEGRITI Mengikut Kategori Di Bawah Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 Tahun 2025

PERATURAN	KATEGORI	BILANGAN ADUAN
Peraturan 4 (2)(a)-(j)	Tatakelakuan yang Merangkumi Aduan Seperti Berikut: • Keluar Negara Tanpa Kebenaran • Jenayah • Penyelewengan • Rasuah • Kelakuan Biadap dan Tidak Profesional • Salah Guna Kuasa • Pelanggaran Prosedur dan Pekeliling Jabatan • Disiplin Kakitangan	228
Peraturan 4A	Gangguan Seksual	4
Peraturan 5	Pekerjaan Luar	2
Peraturan 7	Penyalahgunaan Dadah	2
Peraturan 9	Meminta Sumbangan bagi Tujuan Acara Bukan Rasmi Jabatan	2
Peraturan 11	Menyenggara Taraf Kehidupan yang Melebihi Emolumen dan Pendapatan Persendirian yang Sah	3
Peraturan 12	Meminjam Wang/Menjadi Penjamin	2
Peraturan 13	Keterhutangan Kewangan yang Serius	4
Peraturan 21	Mengambil Bahagian Dalam Politik	2
Peraturan 23	Tidak Berada di Tempat Bertugas	3
Peraturan 24	Ketidakhadiran Tanpa Cuti	1
JUMLAH		**253**

Operasi Bersepadu Cawangan Integriti Tahun 2025





OPS BAYU, 14 hingga 17 Jun 2025





OPS COBRA, 21 hingga 25 Julai 2025




OPS IMBAS, 31 Julai hingga 2 Ogos 2025


Statistik Kes Tatatertib Bagi Tahun 2025

Bagi tahun 2025, penyelesaian kes tatatertib yang direkodkan melibatkan Ibu Pejabat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) serta peringkat negeri adalah seperti berikut:

BILANGAN KES TATATERTIB YANG TELAH SELESAI PADA TAHUN 2025	NEGERI	IBU PEJABAT	JPA/SPA	JUMLAH
	11	34	8	53

Analisis Statistik Kes Tatatertib Mengikut Jenis Kesalahan

Statistik kes tatatertib ini dipecahkan mengikut jenis kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah **Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993** [P.U.(A) 395/1993] seperti berikut:



	TIDAK HADIR BERTUGAS	RASUAH / SALAH GUNA KUASA	JENAYAH NARKOTIK (DADAH)	TIDAK MENGIKUT PROSEDUR KASTAM	TATAKELAKUAN / LAIN-LAIN KES	SURCAJ
JPA/SPA	1	4	0	1	2	0
IBU PEJABAT	2	13	9	4	6	0
NEGERI	1	2	0	0	7	1

Statistik Tatatertib Mengikut Jenis Kesalahan

Statistik Tatatertib Mengikut Jenis Hukuman Peringkat Mesyuarat Lembaga Tatatertib

JENIS HUKUMAN	IBU PEJABAT	JPA / SPA	NEGERI	JUMLAH
AMARAN	6	7	11	24
DENDA	-	-	2	2
TANGGUH PERGERAKAN GAJI	-	-	5	5
TURUN GAJI	2	3	2	7
TURUN PANGKAT	1	-	-	1
BUANG KERJA	9	1	-	10
SURCAJ	-	-	1	1
PERINTAH TAHAN KERJA	8	-	-	8
PERINTAH GANTUNG KERJA	4	3	-	7
DIBEBASKAN	11	2	-	13
JUMLAH	**41**	**16**	**21**	**78**

*** Jenis hukuman akan berbeza dengan bilangan kes apabila ada 2 hukuman dijatuhkan pada satu pertuduhan yang didapati bersalah.*

Pengukuhan, Pematuhan dan Tadbir Urus

71 Program dan 9 Naziran Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2025



5
PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI



13
PROGRAM NILAI MURNI & KEBESARAN ISLAM



8
PROGRAM PEMBUDAYAAN INTEGRITI



10
KHIDMAT NASIHAT AGAMA



20
CERAMAH MPGIA



3
KURSUS/BENGKEL



12
INFO INTEGRITI



9
NAZIRAN INTEGRITI

NAZIRAN INTEGRITI

- Pengurusan Gudang Berlesen (PEKEMA)
- Tadbir Urus Pengurusan Syarat K
- Kehadiran Bertugas Pegawai

PEMERIKSAAN MENGEJUT / MYSTREY SHOPPING

- Pemilikan dan Pengikraran Wang Semasa Bertugas
- Keberadaan Pegawai
- Pemakaian Uniform

SARINGAN UJIAN AIR KENCING

- Pegawai Lantikan Baru
- Aduan Semasa
- Pemandu Jabatan
- Tim Nukleus Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam (COBRA)



SARINGAN UJIAN AIR KENCING PEGAWAI LANTIKAN BARU



PEMERIKSAAN MENGEJUT KE PEJABAT



NAZIRAN PENGURUSAN GUDANG BERLESEN (PEKEMA)

Penerbitan Buku dan Pembangunan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblower Policy*)



Naskhah ini menghimpunkan kompilasi maklumat berkaitan salah laku tatatertib, implikasi perundangan serta panduan praktikal berasaskan kes-kes sebenar yang telah diputuskan. Diterbitkan dan dirangka berdasarkan empat (4) elemen utama iaitu:

1. kesedaran dan pencegahan pelanggaran tatatertib
2. pengenalpastian kategori serta corak salah laku
3. penerangan proses pengurusan tatatertib
4. penyediaan rujukan perundangan untuk pihak pengurusan Jabatan.



Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblower Policy*) JKDM Keluaran 1, bertarikh 18 Julai 2025. Polisi ini dibangunkan sebagai garis panduan dan mekanisme perlindungan kepada pegawai JKDM serta orang awam yang tampil menyalurkan maklumat berkaitan salah laku, penyelewengan atau pelanggaran undang-undang dalam Jabatan. Polisi ini juga boleh diakses dan dimuat turun melalui Portal Rasmi JKDM.

Penerbitan buku dan pembangunan polisi ini merupakan instrumen penting dalam memperkukuh tatakelola Jabatan dan membudayakan CTI (Cekap, Tangkas dan Integriti) secara menyeluruh, sekali gus mengangkat martabat JKDM dan memantapkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam.

Penglibatan Pengurusan Tertinggi Dan Kerjasama Strategik

Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola JKDM

dipengerusikan oleh
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Program Libat Urus Cawangan Integriti Bersama Pengurusan Tertinggi Jabatan Kastam

2 hingga 3 September 2025
KSL Esplanade, Klang

Mesyuarat Lembaga Tatatertib JKDM

dipengerusikan oleh
Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Mesyuarat Berkaitan Kebocoran Data Perdagangan

dipengerusikan oleh
Tuan Abu Bakar Salleh bin Jambol
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Pengurusan),



Lawatan Penanda Arasan Jabatan Pendaftaran Negara



Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola JKDM



Lawatan Penanda Arasan Unit Integriti Kementerian Kewangan Malaysia



Mesyuarat Berkaitan Kebocoran Data Perdagangan

Sorotan Keberhasilan Program Anjuran Cawangan Integriti

Program Larian Integriti JKDM Sempena Hari Sukan Negara 2025

Program Larian Integriti Kastam anjuran JKDM telah berlangsung meriah di Putrajaya pada 11 Oktober 2025 sempena Hari Sukan Negara, dengan penyertaan hampir 5,000 peserta. Larian ini menawarkan empat kategori iaitu 3km, 5km, 10km dan 21km, melibatkan peserta dari dalam dan luar negara termasuk Kenya dan Jepun. Program turut dimeriahkan dengan kehadiran tetamu kehormat serta reruai pameran pelbagai agensi, sekali gus menjadi platform memperkukuh hubungan antara agensi dan masyarakat.









Sambutan Hari Integriti

Sambutan Hari Integriti peringkat JKDM diraikan bagi mengangkat dan menyemarakkan semula roh amanah dalam memikul tanggungjawab bersama. Tema sambutan tahun ini, "**Integriti Teras Kesejahteraan Negara**", membawa mesej jelas bahawa kesejahteraan negara bermula daripada pegangan integriti yang kukuh dalam setiap lapisan perkhidmatan. Program ini turut diimarahkan dengan **Forum Eksekutif** yang menampilkan panel berwibawa iaitu Timbalan Ketua Polis Negara, Ketua Pengarah Kastam Malaysia serta Presiden Pertubuhan Integriti dan Governan Malaysia (MIG). Sambutan ini turut diserikan dengan **ceramah motivasi** oleh Encik Mohd Sukur bin Ibrahim bertajuk "Hidup Berintegriti, Hidup Bererti", yang menekankan kepentingan integriti sebagai asas kepada profesionalisme dan kecemerlangan perkhidmatan.





Anugerah Integriti Peringkat Ibu Pejabat

Anugerah ini mengetengahkan pengiktirafan kepada bahagian yang konsisten dalam mengamalkan nilai integriti, pematuhan dan kecekapan tadbir urus. Penilaian dibuat berdasarkan **Kriteria Anugerah Integriti 2025 Peringkat Ibu Pejabat** yang memberi tumpuan kepada:

i. Pelaksanaan dan pemantauan waktu bekerja
ii. Pemilikan serta pengisytiharan harta oleh pegawai awam

Bahagian Cukai Dalam Negeri telah dinobatkan sebagai penerima **Anugerah Integriti 2025 Peringkat Ibu Pejabat**.





JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

www.customs.gov.my
ckom@customs.gov.my
JabatanKastamDirajaMalaysia
@KastamMalaysia
kastam.malaysia.official